



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2015

PENGURUSAN AKTIVITI/KEWANGAN
JABATAN/AGENSI DAN
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

**NEGERI JOHOR
SIRI 1**



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2015

PENGURUSAN AKTIVITI/KEWANGAN
JABATAN/AGENSI DAN
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

NEGERI JOHOR
SIRI 1

Jabatan Audit Negara Malaysia



KANDUNGAN

KANDUNGAN

vii	KATA PENDAHULUAN
xi	INTISARI LAPORAN
	BAHAGIAN I
	AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN
	PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI
	PEJABAT DAERAH BATU PAHAT
	PEJABAT DAERAH MERSING
	MAJLIS PERBANDARAN KLUANG
3	Pengurusan Penyenggaraan Jalan Negeri
	UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI JOHOR
	PEJABAT DAERAH JOHOR BAHRU
	PEJABAT DAERAH KOTA TINGGI
	PEJABAT DAERAH PONTIAN
	MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI
	MAJLIS DAERAH PONTIAN
16	Pengurusan Program Pembasmian Kemiskinan
	MAJLIS PERBANDARAN KULAI
	MAJLIS DAERAH SEGAMAT
43	Pengurusan Perolehan
	SYARIKAT KERAJAAN NEGERI JOHOR
60	Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn. Bhd.
	BAHAGIAN II
	PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI
85	Pendahuluan
85	Penambahbaikan Pengurusan Kewangan Oleh Jabatan/Agensi Negeri
85	Pelaksanaan Indeks Akauntabiliti
87	Objektif Pengauditan
87	Skop Dan Metodologi Pengauditan
87	Kawalan Utama
98	Penemuan Audit
105	Pemeriksaan Audit Mengejut
107	Syor Audit
111	PENUTUP



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2013 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri.
2. Laporan ini mengandungi 2 bahagian iaitu Bahagian I - Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri manakala Bahagian II - Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri. Bahagian I melaporkan pengauditan yang telah dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 6 Jabatan, 5 Agensi dan satu Syarikat Kerajaan Negeri. Bahagian II pula melaporkan pengauditan pengurusan kewangan yang dijalankan di 18 Jabatan/Agensi dan Pemeriksaan Audit Mengejut di 12 Jabatan/Pejabat/Agensi.
3. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri yang berkenaan. Ketua-ketua Jabatan dan Agensi juga telah dimaklumkan mengenai isu-isu berkaitan semasa *Exit Conference* yang diadakan sebelum Laporan ini disediakan. Sehubungan itu, hanya penemuan Audit yang penting sahaja dilaporkan dalam Laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri Johor. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 14 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat berkenaan.
4. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Pengurusan Aktiviti/Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Johor Tahun 2015 Siri 1 ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat seperti mana yang dihasratkan oleh Kerajaan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan syarikat Kerajaan Negeri Johor yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya

17 Mac 2016



INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I – AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

1. PEJABAT DAERAH BATU PAHAT PEJABAT DAERAH MERSING MAJLIS PERBANDARAN KLUANG - Pengurusan Penyenggaraan Jalan Negeri

1.1. Jalan negeri bererti mana-mana jalan awam dan jalan lain selain daripada jalan persekutuan yang diwartakan mengikut Akta Jalan Persekutuan 1959, yang boleh dilalui oleh orang ramai. Perkara 109(1)(b), Perlembagaan Persekutuan adalah bertujuan untuk membantu Kerajaan Negeri menyenggara jalan negeri. Jalan negeri yang layak mendapat pemberian penyenggaraan adalah terdiri daripada jalan bertaraf (*standard*); jalan *sub-standard*; jalan kawasan perumahan kos rendah; jalan lorong belakang dan jalan pertanian/pelancongan/jalan kampung dengan ciri-ciri yang ditetapkan. Jalan negeri di Negeri Johor yang telah didaftarkan dalam *Malaysian Road Records Information System* (MARRIS) sehingga bulan Disember 2015 adalah sepanjang 19,328.47 kilometer. Jalan negeri ini disenggarakan oleh Jabatan Kerja Raya Negeri Johor (JKR), 15 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS), Pejabat Daerah dan Infra Desa Johor Sdn. Bhd. (IDJ). Geran peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan untuk menyenggara jalan yang didaftar dalam MARRIS dikawal oleh Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor melalui Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Raya Negeri Johor.

1.2. Pengauditan yang dilaksanakan pada bulan Julai hingga Oktober 2015 mendapati kerja penyenggaraan jalan yang dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran Kluang (MPK) adalah baik dari segi penggunaan peruntukan penyenggaraan, prestasi pelaksanaan kerja dan pemantauan kerja. Bagaimanapun, kerja penyenggaraan jalan yang dilaksanakan oleh Pejabat Daerah Batu Pahat (PDBP) dan Pejabat Daerah Mersing (PDM) adalah kurang memuaskan. Berlaku beberapa kelemahan berkaitan perancangan, pelaksanaan dan pemantauan aktiviti penyenggaraan jalan. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

- Prestasi pelaksanaan kerja penyenggaraan yang dirancang oleh 2 Agensi Pelaksana adalah baik dan memuaskan, sementara satu Agensi kurang memuaskan.
- Perbelanjaan tidak semuanya menepati maksud penyenggaraan jalan negeri di PDM.

- Kerja penyenggaraan yang dilaksanakan oleh kontraktor ada yang kurang berkualiti di PDBP.
- Penyenggaraan jalan yang dilaksanakan oleh pejabat daerah bertindih dengan jalan yang di bawah pengurusan Infra Desa Johor Sdn. Bhd. (IDJ).

1.3. Bagi memastikan kerja penyenggaraan jalan dibuat dengan lebih berkesan dan teratur, Majlis Perbandaran Kluang (MPK), Pejabat Daerah Batu Pahat (PDBP) dan Pejabat Daerah Mersing (PDM) disyorkan supaya mengambil langkah-langkah berikut:

1.3.1. Memastikan peruntukan Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Raya Negeri Johor digunakan sebagaimana maksud asal Pemberian dan Arahan Amanah.

1.3.2. Pejabat Daerah perlu memastikan sistem MARRIS *online* dapat diakses secara terus bagi memastikan tidak berlaku pertindihan semasa perancangan dan pelaksanaan kerja penyenggaraan dengan jalan yang di bawah pengurusan IDJ.

1.3.3. Meningkatkan penyeliaan/pemantauan secara berterusan bagi memastikan kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor adalah berkualiti dan memperoleh *value for money* terhadap perbelanjaan yang dibuat.

2. UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI JOHOR

PEJABAT DAERAH JOHOR BAHRU

PEJABAT DAERAH KOTA TINGGI

PEJABAT DAERAH PONTIAN

MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI

MAJLIS DAERAH PONTIAN

- Pengurusan Program Pembasmian Kemiskinan

2.1. Program pembasmian kemiskinan bertujuan membantu golongan miskin dan berpendapatan rendah meningkatkan kualiti hidup di samping mengurangkan beban tanggungan keluarga. Program, projek dan aktiviti yang dirancang mampu memberi kehidupan yang lebih selesa dan selamat serta kualiti hidup golongan sasaran dapat dipertingkatkan. Program yang dirancang bertujuan untuk mewujudkan peluang ekonomi yang akan meningkatkan produktiviti isi rumah golongan sasaran supaya mereka dapat membebaskan diri daripada belunggu kemiskinan dan mampu memperoleh pendapatan dengan usaha sendiri. Antara program yang dilancarkan oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan bagi program pembasmian kemiskinan adalah Bantuan Rumah, Bantuan Sewa Rumah, Program Peningkatan Pendapatan, Bantuan Kiosk Penjaja Bergerak, Terminal Sejahtera, Tautan Budi dan Minda Insan. Pada tahun 2012 hingga 2014, sejumlah RM2.45 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri bagi program pembasmian kemiskinan di Daerah Johor Bahru, Kota Tinggi dan Pontian. Daripada keseluruhan peruntukan, sejumlah RM2.37 juta (96.7%) telah dibelanjakan dalam melaksanakan program tersebut. Manakala,

Kerajaan Persekutuan melalui KPKT telah memperuntukkan sejumlah RM3.57 juta bagi program pembasmian kemiskinan dan sejumlah RM3.51 juta atau 98.3% telah dibelanjakan.

2.2. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Jun hingga September 2015 mendapati program pembasmian kemiskinan adalah memuaskan dari segi prestasi perbelanjaan dan pencapaian sasaran yang ditetapkan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang perlu diperbaiki seperti berikut:

- Peserta Program Peningkatan Pendapatan tidak memanfaatkan peralatan yang dibekalkan.
- Peserta Program Kiosk Penjaja Bergerak tidak menggunakan bantuan yang telah diberikan untuk meningkatkan pendapatan.
- Terminal Sejahtera Pontian telah berhenti beroperasi.
- Penerima bantuan Tautan Budi (MyKasih Foundation) tidak menggunakan bantuan yang diberikan.

2.3. Bagi menambah baik pelaksanaan program pembasmian kemiskinan, adalah disyorkan supaya agensi pelaksana mempertimbangkan tindakan seperti berikut:

2.3.1. Penelitian yang terperinci hendaklah dilakukan sebelum bantuan diluluskan dan diberikan terutama bantuan peningkatan pendapatan dan kiosk. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah seperti minat, potensi dan pengalaman peserta serta lokasi perniagaan yang bakal mereka jalankan adalah strategik.

2.3.2. Menjalankan pemantauan yang lebih kerap kepada peserta bagi memastikan bantuan yang diberikan dimanfaatkan sepenuhnya untuk meningkatkan pendapatan golongan sasar. Selain itu, pejabat perlu membantu peserta dari segi pemasaran produk supaya perniagaan yang dijalankan berdaya saing.

3. MAJLIS PERBANDARAN KULAI MAJLIS DAERAH SEGAMAT - Pengurusan Perolehan

3.1. Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) dan Majlis Daerah Segamat (MDS) merupakan 2 daripada 15 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Johor yang diwujudkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Setiap PBT bertanggungjawab terhadap pentadbiran, perancangan dan pembangunan kawasan operasi di bawah pentadbirannya. Pengurusan perolehan di MPKu diuruskan oleh Unit Pengurusan Kontrak dan Jabatan Kewangan manakala perolehan MDS diuruskan oleh Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta, Jabatan Bangunan Dan Kejuruteraan serta Jabatan Kewangan yang bertindak sebagaiurus setia untuk memastikan pengurusan kewangan dan perakaunan dapat

dilaksanakan dengan cekap dan berkesan selaras dengan Arahan Perbendaharaan dan peraturan kewangan yang ditetapkan.

3.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei 2015 hingga September 2015 mendapati pengurusan perolehan secara tender, sebut harga dan pembelian terus di MDS dan MPKu secara keseluruhannya adalah memuaskan kerana pemilihan kontraktor dilaksanakan secara teratur, perolehan kerja disiapkan mengikut jadual dan perolehan pembelian terus dilaksanakan secara teratur dan berhemat. Bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan seperti di perenggan berikut:

- Pelaksanaan tidak mematuhi spesifikasi kerja.
- Perolehan perkhidmatan melebihi RM50,000 setahun di MPKu tidak dipelawa secara sebut harga.
- Arahan Perubahan Kerja (APK) di MPKu diluluskan selepas pembayaran penuh.
- Bayaran perolehan di MPKu dijelaskan sebelum perkhidmatan diselesaikan.

3.3. Bagi menambah baik pelaksanaan perolehan dan memastikan pengurusan perolehan dapat dilaksanakan dengan teratur dan berhemat serta Majlis mendapat *value for money* bagi perbelanjaan yang dibuat, MPKu dan MDS disyorkan mempertimbangkan perkara berikut:

3.3.1. Pegawai yang bertanggungjawab membuat pengesahan kerja perlu memastikan pematuhan terhadap syarat-syarat kontrak dipenuhi sebelum perakuan untuk bayaran.

3.3.2. Memastikan tatacara perolehan Kerajaan dan pentadbiran kontrak dipatuhi bagi setiap perolehan yang dibuat.

4. SYARIKAT KERAJAAN NEGERI JOHOR

- Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn. Bhd.

4.1. Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn. Bhd. (KPRJSB) telah ditubuhkan pada 8 November 1995 di bawah Seksyen 16(4) Akta Syarikat 1965. Sehingga Jun 2015, modal dibenarkan KPRJSB ialah RM20 juta dan modal berbayar ialah RM1 juta. KPRJSB merupakan sebuah syarikat yang dimiliki 100% oleh Kerajaan Negeri Johor. Kegiatan utama syarikat KPRJSB ialah menghasilkan pulangan keuntungan daripada tanah kurniaan Kerajaan Negeri Johor sama ada menerusi pembangunan hartanah, penjualan tanah atau apa-apa kaedah yang berjaya mendatangkan hasil dan pulangan keuntungan. Pulangan keuntungan akan disalurkan bagi pembayaran semula dalam pelaksanaan projek-projek prasarana.

4.2. Pengauditan yang dijalankan antara Jun hingga September 2015 mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan KPRJSB adalah baik di mana KPRJSB memperoleh

keuntungan tiga tahun berturut-turut walaupun menunjukkan penurunan yang ketara pada tahun 2014. Pengurusan aktiviti utama KPRJSB bagi tahun 2013 hingga 2015 adalah kurang memuaskan manakala tadbir urus korporat KPRJSB adalah memuaskan. Bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

- Prestasi pembangunan hartanah melalui projek usaha sama (*joint venture*) belum bermula dan lewat dimajukan antara 7 hingga 19 tahun melibatkan 15 bidang tanah.
- Perjanjian pembangunan projek di Pengerang belum dimuktamadkan.
- Unit Pengurusan Risiko belum diwujudkan dan ikrar *Corporate Integrity Pledge/ Integrity Pact* tidak disediakan.
- Kelemahan dalam pengurusan aset terutama dalam pemeriksaan fizikal aset dan Laporrannya serta Buku Log Kenderaan tidak kemas kini.

4.3. Bagi memastikan penubuhan Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn. Bhd. dapat mencapai objektifnya dan menjadi penyumbang utama kepada Kerajaan Negeri Johor sebagai pemegang ekuiti, adalah disyorkan KPRJSB mengambil tindakan seperti berikut:

4.3.1. Mengkaji semula kedudukan syarikat subsidiari/bersekutu yang dorman atau tidak berdaya maju dan mengambil tindakan membubarkannya. Selain itu, garis panduan yang jelas berhubung pemberian pendahuluan kepada syarikat subsidiari perlulah disediakan.

4.3.2. Menentukan dasar dan prosedur yang jelas bagi pelaksanaan projek usaha sama agar risiko jangka panjang seperti projek lewat dimulakan atau gagal disiapkan dapat dielakkan dan merugikan KPRJSB.

4.3.3. Menentukan tahap risiko dalam setiap aktiviti utama yang dilaksanakan sebagai ukuran *Key Performance Indicator* prestasi syarikat.

BAHAGIAN II - PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

5. Pada keseluruhannya prestasi pengurusan kewangan 18 Jabatan/Agensi Negeri pada tahun 2015 adalah baik yang mana 6 Jabatan/Agensi Negeri mencapai tahap cemerlang, 5 Jabatan/Agensi Negeri tahap baik, 4 Jabatan/Agensi Negeri tahap memuaskan dan 3 Jabatan/Agensi Negeri tahap kurang memuaskan. Jabatan/Agensi Negeri boleh mempertingkatkan pengurusan kewangan ke tahap yang lebih baik jika langkah penambahbaikan diambil oleh Jabatan/Agensi Negeri. Antara langkah yang perlu diambil adalah menganjurkan program latihan berterusan kepada pegawai yang terlibat dalam pengurusan kewangan agar mereka dapat meningkatkan pengetahuan dan kompetensi dalam melaksanakan tugas.



BAHAGIAN I
AKTIVITI
JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI

**PEJABAT DAERAH BATU PAHAT
PEJABAT DAERAH MERSING
MAJLIS PERBANDARAN KLUANG**

1. PENGURUSAN PENYENGGARAAN JALAN NEGERI

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Jalan negeri bererti mana-mana jalan awam dan jalan lain selain daripada jalan persekutuan yang diwartakan mengikut Akta Jalan Persekutuan 1959, yang boleh dilalui oleh orang ramai. Perkara 109(1)(b), Perlembagaan Persekutuan menetapkan agar Kerajaan Persekutuan membantu Kerajaan Negeri menyenggara jalan negeri. Jumlah pemberian ini dikira berdasarkan kos purata bagi sesuatu negeri untuk menyenggarakan sebatu jalan negeri mengikut standard minimum yang ditentukan oleh Kerajaan Persekutuan selepas berunding dengan Majlis Kewangan Negara. Jalan negeri yang layak mendapat pemberian penyenggaraan adalah terdiri daripada jalan bertaraf (*standard*); jalan *sub-standard*; jalan kawasan perumahan kos rendah; jalan lorong belakang dan jalan pertanian/pelancongan/jalan kampung dengan ciri-ciri yang ditetapkan. Jalan negeri di Negeri Johor yang telah didaftarkan dalam *Malaysian Road Records Information System* (MARRIS) sehingga Disember 2015 adalah sepanjang 19,328.47 kilometer. Jalan negeri ini disenggarakan oleh Jabatan Kerja Raya Negeri Johor (JKR), 15 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS), Pejabat Daerah dan Infra Desa Johor Sdn. Bhd. (IDJ). Kategori jalan negeri dan panjang jalan mengikut jabatan/agensi pelaksana adalah seperti di **Jadual 1.1**.

Jadual 1.1
Kategori Jalan Negeri Dan Panjang Jalan Yang Disenggarakan Oleh Jabatan/Agensi Pelaksana
Sehingga Disember 2015

Bil.	Jabatan/ Agensi Pelaksana	Kategori Jalan (Kilometer)						Jumlah Keseluruhan
		JRN	JRB	PLB	JKPR	JKPG	JPTN	
1	JKR	2,042.19	-	152.10	73.20	-	348.45	2,615.94
2	PBT	1,422.38	6,354.23	1,819.51	401.43	-	-	9,997.55
3	JPS	-	-	-	-	-	320.55	320.55
4	Pejabat Daerah	-	-	-	-	2,394.13	-	2,394.13
5	IDJ	-	-	-	-	4,000.30	-	4,000.30
Jumlah		3,464.57	6,354.23	1,971.61	474.63	6,394.43	669.00	19,328.47

Sumber: JKR Negeri Johor

Nota: JRN – Jalan Raya Negeri

PLB – Lorong Belakang/Lorong Tepi

JKPG – Jalan Kampung

JRB – Jalan Raya Perbandaran

JKPR – Jalan Raya Dalam Kawasan Perumahan

JPTN - Jalan Pertanian

1.1.2. Geran peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan untuk menyenggara jalan yang didaftar dalam MARRIS diakaunkan di bawah Kumpulan Wang

Amanah Penyenggaraan Jalan Raya Negeri Johor dan dikawal oleh Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor. Mengikut Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri, kerja penyenggaraan jalan negeri dibahagikan kepada 4 kategori utama iaitu penyenggaraan rutin (berjadual), berkala, kecemasan dan pencegahan.

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan penyenggaraan jalan negeri telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan teratur serta mengikut garis panduan yang ditetapkan.

1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi kerja penyenggaraan jalan negeri yang menggunakan peruntukan daripada Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Raya Negeri Johor bagi tahun 2013 hingga 2015. Pengauditan telah dilaksanakan di Majlis Perbandaran Kluang (MPK), Pejabat Daerah Batu Pahat (PDBP) dan Pejabat Daerah Mersing (PDM). Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak, mengkaji serta menganalisis data, rekod, fail, pelan dan dokumen berhubung pengurusan penyenggaraan jalan. Maklumat juga diperoleh dari Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor dan laman sesawang IDJ. Selain itu, lawatan Audit ke jalan yang telah disenggara dilaksanakan dengan kerjasama pegawai dari MPK, PDBP dan PDM. Temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab dan penduduk setempat telah dilakukan bagi mendapatkan maklum balas dan pengesahan. *Exit Conference* bersama Timbalan Pegawai Kewangan Negeri, Yang Dipertua MPK, Pegawai Daerah Pejabat Daerah Mersing serta lain-lain pegawai dari pejabat Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor, MPK, PDBP dan PDM telah diadakan pada 14 Januari 2016.

1.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dilaksanakan pada bulan Julai hingga Oktober 2015 mendapati kerja penyenggaraan jalan yang dilaksanakan oleh MPK adalah baik daripada segi penggunaan peruntukan penyenggaraan, prestasi pelaksanaan kerja dan pemantauan kerja. Bagaimanapun, kerja penyenggaraan jalan yang dilaksanakan oleh PDBP dan PDM adalah kurang memuaskan. Berlaku beberapa kelemahan berkaitan perancangan, pelaksanaan dan pemantauan aktiviti penyenggaraan jalan. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

- Prestasi pelaksanaan kerja penyenggaraan yang dirancang oleh 2 Agensi Pelaksana adalah baik dan memuaskan, sementara satu Agensi kurang memuaskan.
- Perbelanjaan tidak semuanya menepati maksud penyenggaraan jalan negeri di PDM.
- Kerja penyenggaraan yang dilaksanakan oleh kontraktor ada yang kurang berkualiti di PDBP.

- Penyenggaraan jalan yang dilaksanakan oleh pejabat daerah bertindih dengan jalan yang di bawah pengurusan Infra Desa Johor Sdn. Bhd. (IDJ).

1.4.1. Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Raya

1.4.1.1. Prestasi Perbelanjaan Geran Jalan Negeri

- a. Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Raya Negeri Johor ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Acara Kewangan 1957 untuk mengakaunkan terimaan dan bayaran berkaitan kerja penyenggaraan jalan negeri. Pada tahun 2013 hingga 2015, Kerajaan Negeri telah menerima pemberian penyenggaraan jalan negeri daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM1.57 bilion. Semakan Audit mendapati prestasi perbelanjaan telah meningkat setiap tahun di mana pencapaian yang tertinggi adalah pada tahun 2015 dengan perbelanjaan sehingga 104.6%. Kedudukan peruntukan pemberian penyenggaraan jalan negeri oleh Kerajaan Persekutuan dan agihan kepada JKR, PBT, JPS, Pejabat Daerah dan IDJ sehingga 2015 adalah seperti di **Jadual 1.2**.

Jadual 1.2
Prestasi Perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Raya Negeri Johor Tahun 2013 Sehingga 2015

Bil.	Baki Terkumpul 1 Jan. Akaun MARRIS (RM Juta)	Terimaan Daripada Kerajaan Persekutuan (RM Juta) (A)	Agensi Pelaksana	Peruntukan Diterima Oleh Agensi Pelaksana (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta) (B)	Perbelanjaan Tahun Semasa (%) (B/A)	Baki Terkumpul 31 Dis Akaun MARRIS (RM Juta)
2013							
1	551.16	493.11	JKR	100.00	353.33	71.7	690.94
			PBT	267.08			
			JPS	3.00			
			Pejabat Daerah	23.75			
			IDJ	80.00			
2014							
2	690.94	531.23	JKR	186.98	535.30	100.8	686.87
			PBT	324.24			
			JPS	3.00			
			Pejabat Daerah	48.37			
			IDJ	51.00			
2015							
3	686.87	543.85	JKR	226.85	569.03	104.6	661.69
			PBT	348.12			
			JPS	6.00			
			Pejabat Daerah	82.01			
			IDJ	50.00			
Jumlah		1,568.19		1,800.40	1,457.66	93.0	

Sumber: Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor

- b. **Jadual 1.2** menunjukkan daripada RM1.57 bilion pemberian penyenggaraan jalan negeri tahun 2013 hingga 2015, sejumlah RM1.46 bilion (93.0%) telah dibelanjakan oleh Agensi Pelaksana. Agensi Pelaksana bagaimanapun gagal membelanjakan

kesemua peruntukan yang diagihkan berjumlah RM1.80 bilion. Agihan peruntukan kepada Agensi Pelaksana melebihi terimaan untuk tempoh 2013 hingga 2015 kerana Kerajaan Negeri mempunyai baki terkumpul pada 1 Januari 2013 sejumlah RM551.16 juta.

- c. **Maklum balas Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor bertarikh 13 Januari 2016, menyatakan Perbendaharaan Negeri dari semasa ke semasa telah mempertingkatkan tahap perbelanjaan MARRIS dan telah mempertingkatkan agihan peruntukan yang menggunakan baki terkumpul sedia ada.**

Pada pendapat Audit, prestasi perbelanjaan akaun amanah MARRIS bagi tahun 2014 dan 2015 adalah baik. Bagaimanapun, peratus perbelanjaan jika dibandingkan dengan baki terkumpul pada 1 Januari 2013 dan terimaan bagi tahun 2013 hingga 2015 masih lagi rendah iaitu hanya 68.8% atau berbaki RM661.69 juta.

1.4.1.2. Prestasi Kerja Penyenggaraan

- a. Setiap tahun MPK, PDBP dan PDM akan menyediakan rancangan/senarai projek/aktiviti penyenggaraan jalan sebagai asas permohonan peruntukan bagi kerja penyenggaraan jalan ke Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor. Aktiviti penyenggaraan yang dirancang oleh MPK, PDBP dan PDM adalah seperti memperbaiki permukaan jalan yang rosak, perbaikan bahu jalan, memotong rumput, mengganti perabot jalan, menyenggara longkang serta pembetung konkrit dan membuat garisan jalan. Semakan Audit mendapati MPK dan PDBP telah menerima peruntukan seperti mana yang dimohon manakala PDM bagi tahun 2013 dan 2014 telah menerima peruntukan kurang daripada yang dipohon.

Jadual 1.3
Prestasi Pelaksanaan Kerja Penyenggaraan Jalan Bagi Tahun 2013 Sehingga 2015

Jabatan/ Agensi Pelaksana	Perancangan		Peruntukan	Pelaksanaan						
				Dilaksana		Pencapaian	Tidak Dilaksana		Tidak Mengikut Perancangan	
	(Bil.)	(RM Juta)	(RM Juta)	(Bil.)	(RM Juta)	(%)	(Bil.)	(RM Juta)	(Bil.)	(RM Juta)
2013										
MPK	25	12.00	12.00	25	9.92	100	-	-	-	-
PDBP	83	4.00	4.00	73	3.43	88	10	0.39	19	0.57
PDM	139	10.36	3.50	5	0.30	3.6	134	10.13	44	3.16
2014										
MPK	49	21.87	21.87	48	17.56	98	1	1.00	5	2.73
PDBP	78	7.75	7.75	78	7.75	100	-	-	-	-
PDM	143	16.36	11.01	101	10.13	70.6	42	5.14	3	0.81
2015										
MPK	150	22.00	22.00	149	20.56	99.3	1	0.20	1	0.20
PDBP	107	12.70	12.70	45	8.02	42.1	62	5.77	37	4.19
PDM	80	13.00	13.00	62	7.66	77.5	18	4.85	55	3.75

Sumber: MPK, PDBP Dan PDM

- b. Berdasarkan **Jadual 1.3**, PDM mencatat pencapaian pelaksanaan kerja yang terendah berbanding perancangan yang dibuat iaitu hanya 3.6% pada tahun 2013 dan 70.6% pada tahun 2014. Bagi tahun 2015 pula, PDBP mencatat pencapaian

kerja yang terendah berbanding perancangan yang dibuat iaitu 42.1%. Selain itu, berlaku kerja yang dilaksanakan tidak mengikut perancangan di MPK, PDBP dan PDM. PDM mencatatkan bilangan yang tertinggi melaksanakan kerja yang tidak mengikut perancangan bagi tahun 2013 dan 2015 iaitu sebanyak 44 dan 55 kerja dengan kos berjumlah RM6.91 juta. Antara sebab pencapaian pelaksanaan kerja rendah berbanding perancangan adalah kerana perancangan asal penyenggaraan jalan bertindih dengan jalan yang diuruskan oleh IDJ. Bagaimanapun, permohonan semula telah dibuat oleh PDBP dan PDM kepada Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor untuk kelulusan bagi menggantikan kerja penyenggaraan jalan yang bertindih dengan pengurusan IDJ.

- c. **Berdasarkan maklum balas PDM bertarikh 12 Januari 2016, PDM biasanya mengemukakan senarai permohonan yang banyak walaupun mengetahui tidak semua daripada senarai tersebut akan mendapat kelulusan. Bagaimanapun, senarai kerja yang dikemukakan adalah mengikut senarai keutamaan. Maklum balas Perbendaharaan Negeri Johor bertarikh 13 Januari 2016, menyatakan agihan peruntukan kepada agensi pelaksana diputuskan oleh Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah MARRIS Negeri Johor yang bermesyuarat sekurang-kurangnya 2 kali setahun. Antara perkara asas pemberian peruntukan ialah jumlah panjang jalan yang berdaftar, jumlah permohonan, prestasi perbelanjaan tahun sebelum dan keperluan semasa.**

Pada pendapat Audit, prestasi pelaksanaan kerja penyenggaraan di MPK adalah baik dengan pencapaian antara 98% hingga 100% kerja yang dirancang. Prestasi kerja PDBP pula adalah memuaskan dengan pencapaian purata 76.7% manakala prestasi PDM adalah kurang memuaskan kerana pencapaian purata hanya pada tahap 50.6% sahaja.

1.4.1.3. Perbelanjaan Tidak Menepati Maksud Penyenggaraan Jalan Negeri Di PDM

- a. Penyenggaraan jalan negeri bermaksud pemeliharaan, penjagaan dan pemulihan jalan negeri, perabot tepi jalan, jejambat atau pembedung yang menjadi sebahagian dari jalan tersebut atau seberapa hampir yang mungkin dengan keadaan asalnya sebagaimana yang dibina atau sebagaimana yang dibaiki kemudiannya. Antara jenis penyenggaraan yang dibenarkan mengikut Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri (2013) adalah penyenggaraan tampal jalan, menurap semula jalan, menyenggara bahu jalan, pemotongan rumput dan mengganti perabot jalan. Semakan Audit mendapati PDM telah melaksanakan sebanyak 23 kerja turapan jalan (*pavement*) bernilai RM3.93 juta pada jalan baharu, jalan tanah, jalan tanah merah dan jalan batu kerikil (*crusher run*) dengan keluasan 59,140 meter persegi. Pihak Audit dimaklumkan kerja pembinaan jalan baharu dilaksanakan

disebabkan terdapat permintaan daripada penduduk setempat. Antara contoh kerja berkaitan adalah seperti di **Jadual 1.4**.

Jadual 1.4
Senarai Kerja Yang Terlibat Dengan Pembinaan Jalan Baharu

Bil.	Perihal Kerja	Kos Kerja (RM Juta)	Keluasan Jalan (Meter ²)	Keadaan Jalan Sebelum Disenggara	Penemuan Audit
1	Jalan parit keliling Sungai Derhaka, Kg. Sungai Derhaka	0.10	1,619	Jalan asas (tanah)	
2	Jalan Ridzuan Lazi, Kg. Sri Pantai	0.04	798	Jalan asas (batu kerikil)	Jalan diturap dengan tar (<i>premix</i>)
3	Jalan belakang Taman Air Merah, Kg. Air Merah	0.04	798	Jalan asas (batu kerikil)	
4	Jalan masuk ke pesisir pantai Pasir Lanun termasuk pembinaan bahu jalan, cerun dan perparitan	0.54	3,259	Tiada jalan	Jalan baru telah dibina dan berturap (<i>premix</i>)
5	Jalan Che Wook ke persimpangan MRSM	0.22	4,200	Jalan asas (batu kerikil)	Jalan diturap dengan tar (<i>premix</i>)
6	Jalan baru ke pantai Kg. Semanyir dan Tanjung Kempit	0.31	5,320	Tiada jalan	
7	Jalan Pak Wan	0.20	2,646	Tiada jalan	
8	Jalan penempatan tersusun SPKR Sri Mahkota, Endau	0.28	5,200	Tiada jalan	Jalan baru telah dibina dan berturap (<i>premix</i>)
9	Jalan di perumahan tersusun PPRT, Perkampungan Sri Mahkota, Endau	0.20	4,800	Tiada jalan	
10	Jalan parit keliling, Sungai Derhaka, Kg. Sungai Derhaka	0.29	5,640	Jalan asas (batu kerikil)	
11	Lorong Melati, Kg. Belukar Juling	0.15	3,150	Jalan asas (tanah)	Jalan diturap dengan tar (<i>premix</i>)
12	Jalan dan perparitan bahu Jalan Penghulu Hefnee, Kg. Sawah Dato'	0.06	630	Jalan asas (batu kerikil)	
13	Jalan asas ke penempatan SPKR baru, Penyabong	0.09	1,600	Tiada jalan	Jalan baru telah dibina dan berturap (<i>premix</i>)

Sumber: PDM Dan Jabatan Audit Negara

- b.** Penjelasan lanjut mengenai Kerja Jalan Masuk Ke Pesisir Pantai Pasir Lanun yang dilaksanakan pada tahun 2014 dan Kerja Penyenggaraan Bahu Jalan, Penstabilan Cerun Dan Perparitan Di Jalan Masuk Pesisir Pantai Pasir Lanun (Fasa 2) yang dilaksanakan pada tahun 2015 adalah seperti berikut:
- i.** Kerja jalan masuk ke pesisir pantai Pasir Lanun telah dilaksanakan pada tahun 2014 dengan kos berjumlah RM0.25 juta bagi membina jalan baharu menghubungkan jalan sedia ada dengan kawasan chalet persendirian. Manakala kerja yang dilaksanakan pada tahun 2015 adalah kerja infrastruktur bagi membaiki jalan tersebut seperti kerja membina parit, membaiki cerun dan memasang pengadang jalan dengan kos berjumlah RM0.29 juta. Jumlah keseluruhan bagi membina serta membaiki pulih jalan tersebut adalah berjumlah RM0.54 juta.
 - ii.** Lawatan Audit pada bulan Ogos 2015 mendapati jalan yang dibina pada tahun 2014 masih belum boleh digunakan sepenuhnya kerana terdapat limpahan tanah serta batu kerikil di atas jalan raya adalah seperti di **Gambar 1.1** dan **Gambar 1.2**. Antara sebab runtuh tanah serta batu berlaku adalah kerana


kerja pemotongan cerun dibuat terlalu curam, sistem saliran tidak dibina dan cerun tidak ditanam dengan tanaman tutup bumi.

Gambar 1.1
Jalan Yang Dipenuhi Dengan Pasir Dan Batu Kerikil



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Masuk Ke Pesisir Pantai Pasir
Lanun, Mersing
Tarikh: 18 Ogos 2015

Gambar 1.2
Limpahan Pasir Dan Batu Dari Cerun Yang Curam



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Masuk Ke Pesisir Pantai Pasir
Lanun, Mersing
Tarikh: 18 Ogos 2015

- iii. **Maklum balas PDM bertarikh 12 Januari 2016, menyatakan pembinaan jalan baharu ke Pasir Lanun adalah disebabkan terdapat lebih daripada 3 pengusaha chalet yang bergiat aktif di kawasan tersebut yang telah beroperasi lebih daripada 20 tahun. Pengunjung yang datang ke kawasan tersebut perlu melalui jalan denai (tanah berhak milik) dan pengusaha chalet telah lama memohon melalui PDM untuk mendapatkan jalan masuk berturap yang sempurna.**

1.4.2. Penyenggaraan Yang Dilaksanakan Kurang Memuaskan

1.4.2.1. Kualiti Kerja Penyenggaraan Di PDBP Kurang Memuaskan

- a. Agensi pelaksana perlu memastikan semua kerja dan bahan yang digunakan bagi kerja penyenggaraan adalah berkualiti bagi memastikan jalan yang dibina/dibaiki dapat digunakan dalam tempoh yang lama dan boleh menampung beban kenderaan yang melalui jalan tersebut. Lawatan Audit di Daerah Batu Pahat mendapati sebanyak 15 kerja dengan kos berjumlah RM1.75 juta yang dilaksanakan pada tahun 2013 hingga bulan Oktober 2015 telah mengalami kerosakan dan kurang berkualiti. Antara kerosakan yang ditemui adalah seperti jatuhan dan pecahan tepi, retak, kecacatan permukaan iaitu pengikisan dan lelubang. Butiran lengkap kerja yang terlibat adalah seperti di **Jadual 1.5**.

Jadual 1.5
Kerja Penyelenggaraan Jalan Yang Dilaksanakan Pada Tahun 2013 Hingga Oktober 2015
Yang Mengalami Kerosakan

Bil.	Perihal Kerja Penyelenggaraan	Kos Kerja (RM Juta)	Jenis Kerosakan
Kerja Tahun 2013			
1	Jalan Kg. Parit Kassim, Sri Gading	0.05	Retak tepi jalan
2	Jalan AC dari Parit Botak	0.05	Retak. Gambar 1.3
3	Jalan Bagan Laut (Daeng Machening), Sungai Kluang	0.05	Retak di tengah jalan Gambar 1.4
4	Jalan Kampung Lapis Seri Baharom, Sungai Punggor	0.05	Retak di tepi dan tengah jalan
5	Jalan Penyambung Linau Kecil dengan Linau Besar Kg. Linau, Simpang Kanan	0.05	Pecahan dan retak tepi jalan Gambar 1.5
6	Jalan Desa Gemilang, Parit Awang, Simpang Kiri	0.01	Lelubang dan retak tepi jalan
Kerja Tahun 2014			
7	Jalan Kg. Parit Ulong, Mukim Sri Medan	0.08	Pengikisan
8	Jalan Kg. Pasir Panjang	0.19	Retak di tepi dan tengah jalan Gambar 1.6
9	Jalan Kg. Gado-Gado	0.19	Retak tepi jalan Gambar 1.7
10	Jalan Kg. Parit Lapis, Seri Dalam Laut, Senggarang	0.09	Pecahan tepi jalan dan pengikisan Gambar 1.8
11	Jalan Parit 1, Kg. Patah Pedang, Mukim Minyak Beku	0.11	Retak di tepi dan tengah jalan
12	Jalan Parit Tariman Laut, Senggarang	0.14	Retak buaya dan lelubang Gambar 1.9
13	Jalan dan bahu jalan Kg. Telok Bakong 2, Mukim Bagan	0.10	Lelubang Gambar 1.10
Kerja Tahun 2015			
14	Jalan serta menurap semula jalan di jalan Kg. Sg. Kajang, Mukim Bagan	0.39	Pengikisan Gambar 1.11
15	Jalan di jalan rentas Parit Jayus 6, Mukim Sri Medan	0.20	Retak dan jatuhan tepi jalan Gambar 1.12
Jumlah		1.75	

Sumber: PDBP Dan Jabatan Audit Negara

Gambar 1.3
Jalan Retak



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Jalan AC dari Parit Botak, Batu Pahat
 Tarikh: 30 September 2015

Gambar 1.4
Jalan Retak



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Kg. Bagan Laut (Daeng Machening),
 Sg. Kluang, Batu Pahat
 Tarikh: 30 September 2015

Gambar 1.5
Pecahan Dan Retak Tepi Jalan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Linau, Simpang Kanan, Batu Pahat
Tarikh: 29 September 2015

Gambar 1.6
Retak Di Tepi Dan Tengah Jalan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Pasir Panjang, Batu Pahat
Tarikh: 29 September 2015

Gambar 1.7
Retak Tepi Jalan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Gado-Gado, Batu Pahat
Tarikh: 29 September 2015

Gambar 1.8
Pecahan Tepi Jalan Dan Pengikisan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lapis Seri Dalam Laut, Senggarang,
Batu Pahat
Tarikh: 30 September 2015

Gambar 1.9
Retak Buaya Dan Lelubang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Parit Tariman Laut, Senggarang,
Batu Pahat
Tarikh: 29 September 2015

Gambar 1.10
Kerosakan Jalan Jenis Lelubang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Telok Bakong 2, Bagan, Batu Pahat
Tarikh: 28 September 2015

Gambar 1.11
Kerosakan Jalan Jenis Pengikisan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Sungai Kajang, Bagan, Batu Pahat
Tarikh: 28 September 2015

Gambar 1.12
Retak Dan Jatuhan Tepi Jalan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Parit Jayus 6, Batu Pahat
Tarikh: 29 September 2015

- b. Berdasarkan maklum balas PDBP bertarikh 13 Januari 2016, pelaksanaan kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor telah dipantau sepenuhnya oleh pegawai bertanggungjawab dan telah disiapkan dengan sempurna. Kebanyakan kerosakan yang berlaku selepas kerja baik pulih dijalankan disebabkan jalan yang dibina bersebelahan dengan parit saliran dan kenderaan lebih muatan.**

1.4.2.2. Penyenggaraan Jalan Yang Dilaksanakan Oleh Pejabat Daerah Bertindih Dengan Jalan Yang Di bawah Pengurusan Penyenggaraan IDJ

- a.** Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor telah mengagihkan peruntukan MARRIS bagi penyenggaraan jalan kampung kepada Pejabat Daerah dan IDJ. IDJ telah diberi tanggungjawab bagi melaksanakan kerja penyenggaraan jalan kampung bermula pada tahun 1986 menggunakan peruntukan MARRIS yang disalurkan melalui Pejabat Menteri Besar. Senarai Rekod Pendaftaran Jalan telah disediakan mengikut nama jalan berdasarkan kepada jabatan/agensi pelaksana bagi memudahkan pemantauan penyenggaraan dilaksanakan. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:
 - i.** Sebanyak 114 kerja atau 45.6% daripada 250 kerja yang dilaksanakan oleh PDBP merupakan jalan yang sepatutnya di bawah pengurusan IDJ melibatkan kos bernilai RM12.60 juta.
 - ii.** Sebanyak 44 kerja atau 16.3% daripada 270 kerja yang dilaksanakan di PDM telah bertindih dengan jalan yang di bawah pengurusan IDJ dengan kos bernilai RM4.79 juta. Butiran bilangan kerja penyenggaraan jalan yang bertindih dengan IDJ bagi tahun 2013 sehingga 2015 adalah seperti di **Jadual 1.6**.

Jadual 1.6
Bilangan Kerja Penyelenggaraan Jalan Di PDM Dan PDBP Yang Bertindih Dengan IDJ
Bagi Tahun 2013 Sehingga 2015

Jabatan Pelaksana	2013		2014		2015		Jumlah Kos Kerja (RM Juta)
	Bil. Kerja	Kos Kerja (RM Juta)	Bil. Kerja	Kos Kerja (RM Juta)	Bil. Kerja	Kos Kerja (RM Juta)	
PDBP	39	1.82	27	3.10	48	7.68	12.60
PDM	10	0.74	23	2.39	11	1.66	4.79
Jumlah	49	2.56	50	5.49	59	9.34	17.39

Sumber: PDM, PDBP, JKR Dan IDJ

- iii. Lawatan Audit pada bulan Ogos 2015 di Daerah Mersing mendapati 3 kerja penyelenggaraan jalan yang dilaksanakan pada tahun 2013 hingga 2015 oleh PDM dengan kos berjumlah RM0.33 juta telah diturap semula oleh IDJ. Kerja yang terlibat dengan turapan semula oleh IDJ ialah menyenggara Jalan Sg. Berbuta, Triang, Jalan Kubur, Kampung Semaloi dan Lorong Melati, Kampung Belukar Juling.
- iv. Lawatan Audit pada bulan September 2015 di Daerah Batu Pahat mendapati 7 kerja penyelenggaraan jalan yang dilaksanakan oleh PDBP dengan kos berjumlah RM0.66 juta telah diturap semula IDJ seperti di **Gambar 1.13** dan **Gambar 1.14**. Selain itu, terdapat 1 kerja yang perlu dilaksanakan pada tahun 2015 dengan kos berjumlah RM0.06 juta telah dipindahkan ke tempat lain kerana jalan yang dipilih untuk disenggarakan oleh PDBP telah diturap oleh IDJ. Butiran lengkap kerja penyelenggaraan jalan yang dilaksanakan oleh PDM dan PDBP bertindih dengan kerja menurap semula oleh IDJ adalah seperti di **Jadual 1.7**.

Jadual 1.7
Kerja Penyelenggaraan Yang Dilaksanakan Oleh PDM Dan PDBP Bertindih Dengan Kerja Penyelenggaraan Yang Dibuat Oleh IDJ

Pejabat Daerah					Infra Desa Johor	
Bil.	Pejabat Daerah	Nama Jalan	Tarikh Kerja	Kos Kerja (RM Juta)	Tarikh kerja	Kos Kerja (RM Juta)
2013						
1	Mersing	Jalan Sg. Berbuta, Triang, Endau	November	0.10	Januari 2015	0.10
2		Jalan Hujung Benteng, Kg Sg Ayam, Minyak Beku	November	0.05	Mei 2014	0.05
3	Batu Pahat	Kg. Parit Baring, Parit Raja, Sri Gading	November	0.07	April 2015	0.01
4		Bagan Laut (Daeng Machening), Sungai Kluang	November	0.05	Mei 2014	0.05
5		Kg. Sri Semangat, Chaah Baru	November	0.05	Mei 2014	0.04
2014						
6	Mersing	Jalan Kubur, Kg. Semaloi, Endau	April	0.08	Januari 2015	0.06
7	Batu Pahat	Kg. Parit Simen, Bagan	Jun	0.08	Mac 2014	0.04
8		Parit Sabari, Kg. Sungai Ayam	Jun	0.11	Mei 2014	0.04
9		Kg. Parit Sidek, Mukim 1, Lubok	Jun	0.19	Mei 2014	0.02
2015						
10	Mersing	Lorong Melati, Kg. Belukar Juling	Mac	0.15	Mei 2014	0.03
11	Batu Pahat	Lorong Masjid, Bagan	September	0.06	April 2015	0.02
Jumlah				0.99		0.46

Sumber: PDBP

Gambar 1.13
Jalan Yang Disenggara Oleh PDBP Bertindih Dengan IDJ



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Kg. Bagan Laut (Daeng Machening),
 Sungai Kluang, Batu Pahat
 Tarikh: 30 September 2015

Gambar 1.14



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Kg. Sg Ayam, Minyak Beku, Batu Pahat
 Tarikh: 29 September 2015

- b. Pertindihan jalan yang disenggarakan oleh pejabat daerah dengan pengurusan IDJ berlaku disebabkan pejabat daerah tidak mempunyai akses secara terus kepada sistem MARRIS bagi membolehkan semakan dibuat dengan cepat dan tepat. Maklumat jalan tersebut perlu diperoleh daripada JKR untuk dibuat semakan dan kadang kala maklum balas yang diterima mengambil masa yang agak lama. Selain itu, penyenggaraan jalan dibuat berdasarkan aduan orang awam yang memerlukan tindakan segera kerana jalan tersebut mengalami kerosakan yang teruk dan membahayakan pengguna jalan raya.
- c. **Maklum balas Perbendaharaan Negeri Johor bertarikh 13 Januari 2016, menyatakan mesyuarat penyelarasan bersama pejabat daerah dan IDJ telah diadakan pada bulan Januari 2016 di mana mesyuarat telah bersetuju semua pejabat daerah perlu menyelaras atau menubuhkan jawatankuasa sekiranya perlu ke atas senarai kerja jalan kampung yang hendak dilaksanakan agar tidak bertindih dengan agensi pelaksana yang lain. Pejabat daerah juga perlu mendapatkan persetujuan bertulis daripada IDJ sekiranya hendak melaksanakan kerja penyenggaraan jalan yang di bawah pengurusan IDJ. Berdasarkan maklum balas PDBP bertarikh 13 Januari 2016, PDBP melaksanakan baki turapan jalan yang tidak dibuat oleh IDJ di jalan yang sama di mana IDJ hanya melaksanakan separuh sahaja kerja turapan jalan. Maklum balas PDM bertarikh 12 Januari 2016, menyatakan bermula tahun 2015 PDM telah menghantar surat permohonan bagi menyenggara jalan di bawah pengurusan IDJ secara *one off* bagi memastikan pertindihan kerja tidak berlaku.**

Pada pendapat Audit, perancangan pemilihan jalan yang hendak disenggarakan oleh PDBP dan PDM adalah kurang memuaskan kerana berlaku pertindihan kerja penyenggaraan dengan jalan yang di bawah pengurusan IDJ.

1.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan kerja penyenggaraan jalan dibuat dengan lebih berkesan dan teratur, Majlis Perbandaran Kluang (MPK), Pejabat Daerah Batu Pahat (PDBP) dan Pejabat Daerah Mersing (PDM) disyorkan supaya mengambil langkah-langkah berikut:

1.5.1. Memastikan peruntukan Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Raya Negeri Johor digunakan sebagaimana maksud asal Pemberian dan Arahan Amanah.

1.5.2. Pejabat Daerah perlu memastikan sistem MARRIS *online* dapat diakses secara terus bagi memastikan tidak berlaku pertindihan semasa perancangan dan pelaksanaan kerja penyenggaraan dengan jalan yang di bawah pengurusan IDJ.

1.5.3. Meningkatkan penyeliaan/pemantauan secara berterusan bagi memastikan kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor adalah berkualiti dan memperoleh *value for money* terhadap perbelanjaan yang dibuat.

UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI JOHOR
PEJABAT DAERAH JOHOR BAHRU
PEJABAT DAERAH KOTA TINGGI
PEJABAT DAERAH PONTIAN
MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI
MAJLIS DAERAH PONTIAN

2. PENGURUSAN PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Program pembasmian kemiskinan bertujuan membantu golongan miskin dan berpendapatan rendah meningkatkan kualiti hidup di samping mengurangkan beban tanggungan keluarga. Program, projek dan aktiviti yang dirancang mampu memberi kehidupan yang lebih selesa dan selamat serta kualiti hidup golongan sasaran dapat dipertingkatkan. Program yang dirancang bertujuan untuk mewujudkan peluang ekonomi yang akan meningkatkan produktiviti isi rumah golongan sasaran supaya mereka dapat membebaskan diri daripada belenggu kemiskinan dan mampu memperoleh pendapatan dengan usaha sendiri. Dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) Kerajaan berhasrat untuk mengurangkan tahap kemiskinan daripada 3.8% pada tahun 2009 kepada 2.0% pada tahun 2012 dan meningkatkan purata pendapatan daripada RM1,440 pada tahun 2009 kepada RM2,300 pada tahun 2015.

2.1.2. Program ini dikendalikan oleh Kerajaan Negeri melalui peruntukan Pejabat Menteri Besar (Program Bantuan Rumah) di bawah Geran Pelancaran Pembasmian Kemiskinan. Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor (UPENJ) telah dipertanggungjawabkan untuk merancang, melaksanakan, memantau serta menyelaras peruntukan bagi program bantuan rumah ini untuk diagihkan ke Pejabat Daerah sebagai agensi pelaksana. Selain itu, program pembasmian kemiskinan ini juga dikendalikan melalui peruntukan agensi lain seperti Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (KKLW) dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang disalurkan ke Pejabat Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan sebagai pelaksana. Manakala Pejabat Pembangunan Negeri Johor, Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri bertanggungjawab menjana pangkalan data eKasih dan berperanan sebagai urus setia Mesyuarat Focus Group di peringkat negeri. Focus Group diwujudkan di peringkat daerah dan negeri bagi memudahkan pemantauan jumlah golongan miskin serta memantau keberkesanan setiap projek. Antara program yang dilancarkan oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan bagi program pembasmian kemiskinan adalah seperti di **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1
Program Pembasmian Kemiskinan Dan Sumber Peruntukan

Bil.	Jenis Program	Sumber Peruntukan	Agensi Pelaksana
1	Bantuan Rumah 2 Kategori • Bina Baru • Baik Pulih	<ul style="list-style-type: none"> • Pejabat Menteri Besar • KPKT • KKLW 	<ul style="list-style-type: none"> • Pejabat Daerah • Pihak Berkuasa Tempatan
2	Bantuan Sewa Rumah	KPKT	<ul style="list-style-type: none"> • Pihak Berkuasa Tempatan
3	Program Peningkatan Pendapatan	KKLW	<ul style="list-style-type: none"> • Pejabat Daerah
4	Bantuan Kiosk Penjaja Bergerak	KPKT	<ul style="list-style-type: none"> • Pihak Berkuasa Tempatan
5	Terminal Sejahtera		
6	Tautan Budi	Pejabat Menteri Besar	<ul style="list-style-type: none"> • MyKasih Foundation (NGO) • Yayasan Pembangunan Keluarga
7	Minda Insan		

Sumber: Pejabat Pembangunan Negeri Johor

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada program pembasmian kemiskinan telah diuruskan dengan teratur, cekap dan berkesan serta mencapai objektif yang ditetapkan.

2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi tempoh pelaksanaan program pembasmian kemiskinan bagi tahun 2012 sehingga 2014 yang dilaksanakan oleh UPENJ, Pejabat Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi Daerah Johor Bahru, Kota Tinggi dan Pontian menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan (KKLW dan KPKT). Program yang diaudit meliputi Program Bantuan Rumah, Bantuan Sewa Rumah, Program Peningkatan Pendapatan, Bantuan Kiosk Penjaja Bergerak, Terminal Sejahtera, Tautan Budi dan Minda Insan. Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak, mengkaji, memeriksa, menganalisis data dan maklumat berdasarkan rekod dan dokumen yang diselenggarakan oleh agensi yang terlibat. Bagi tujuan menganalisis maklumat Ketua Isi Rumah yang berdaftar dalam sistem eKasih, pihak Audit telah mendapatkan maklumat daripada Pejabat Pembangunan Negeri Johor. Temu bual dengan pegawai terlibat dan penerima bantuan dan juga pemeriksaan fizikal dijalankan. Borang soal selidik juga diedarkan bagi mendapatkan maklum balas daripada penerima bantuan Program Pembasmian Kemiskinan. *Exit Conference* bersama Penolong Pengarah UPENJ; Penolong Pegawai Daerah Johor Bahru, Kota Tinggi dan Pontian; serta pegawai Majlis Daerah Kota Tinggi dan Pontian telah diadakan pada 2 Februari 2016.

2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Jun hingga September 2015 mendapati program pembasmian kemiskinan adalah memuaskan dari segi prestasi perbelanjaan dan

pencapaian sasaran yang ditetapkan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang perlu diperbaiki seperti berikut:

- Peserta Program Peningkatan Pendapatan tidak memanfaatkan peralatan yang dibekalkan.
- Peserta Program Kiosk Penjaja Bergerak tidak menggunakan bantuan yang telah diberikan untuk meningkatkan pendapatan.
- Terminal Sejahtera Pontian telah berhenti beroperasi.
- Penerima bantuan Tautan Budi (MyKasih Foundation) tidak menggunakan bantuan yang diberikan.

2.4.1. Prestasi Program

2.4.1.1. Prestasi Kewangan

Pada tahun 2012 hingga 2014, sejumlah RM2.45 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri bagi program pembasmian kemiskinan di Daerah Johor Bahru, Kota Tinggi dan Pontian. Daripada keseluruhan peruntukan, sejumlah RM2.37 juta (96.7%) telah dibelanjakan dalam melaksanakan program tersebut. Manakala, Kerajaan Persekutuan melalui KPKT telah memperuntukkan sejumlah RM3.57 juta bagi program pembasmian kemiskinan dan sejumlah RM3.51 juta atau 98.3% telah dibelanjakan. Prestasi perbelanjaan program pembasmian kemiskinan berbanding peruntukan kewangan bagi tempoh 2012 hingga 2014 adalah seperti di **Jadual 2.2**.

Jadual 2.2
Prestasi Perbelanjaan Program Pembasmian Kemiskinan
Untuk Daerah Johor Bahru, Kota Tinggi Dan Pontian Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Tahun	Kerajaan Negeri			Kerajaan Persekutuan KPKT		
	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	(%)	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	(%)
2012	0.78	0.77	98.7	1.79	1.77	98.9
2013	0.62	0.62	100	0.77	0.77	100
2014	1.05	0.98	93.3	1.01	0.97	96
Jumlah	2.45	2.37	96.7	3.57	3.51	98.3

Sumber: SUK Cawangan Kerajaan Tempatan, Pejabat Pembangunan Negeri Johor

2.4.1.2. Prestasi Pelaksanaan Program

Pencapaian prestasi pelaksanaan program pembasmian kemiskinan boleh diukur dengan unjuran bilangan peserta yang disasarkan dengan bilangan sebenar peserta yang telah menerima bantuan program. Pengauditan yang telah dijalankan di 3 buah daerah iaitu Johor Bahru, Pontian dan Kota Tinggi mendapati prestasi pelaksanaan program bantuan rumah, sewa rumah, bantuan kiosk, tautan budi dan minda insan adalah memuaskan kerana seramai 1,086 orang peserta telah menerima bantuan bagi tempoh 2012 hingga

2014 berbanding sasaran yang ditetapkan iaitu 895 peserta. Maklumat lanjut mengenai pencapaian program ini adalah seperti di **Jadual 2.3**.

Jadual 2.3
Pencapaian Program Pembasmian Kemiskinan Sehingga 31 Disember 2014

Tahun	Johor Bahru			Pontian			Kota Tinggi		
	Sasaran	Pencapaian	Peratus (%)	Sasaran	Pencapaian	Peratus (%)	Sasaran	Pencapaian	Peratus (%)
Program Bantuan Rumah									
2012	7	7	100	7	13	185.7	7	10	142.9
2013	7	5	71.4	7	11	157.1	7	13	185.7
2014	7	8	114.3	7	13	185.7	7	10	142.9
Program Sewa Rumah									
2012	144	128	88.9	17	15	88.2	21	21	100
2013	64	172	268.8	8	13	162.5	11	91	827.3
2014	56	56	100	6	4	66.7	5	5	100
Program Bantuan Kiosk									
2012	-	-	-	-	-	-	-	-	-
2013	-	-	-	10	10	100	-	-	-
2014	-	-	-	-	-	-	10	10	100
Program Tautan Budi									
2012	-	-	-	-	-	-	-	-	-
2013	60	61	101.7	60	60	100	60	53	88.3
2014	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Program Minda Insan									
2012	-	-	-	-	-	-	-	-	-
2013	50	40	80	50	57	114	50	47	94
2014	50	46	92	50	47	94	50	60	120
Jumlah	445	523	117.5	222	243	109.5	228	320	140.4

Sumber: Pejabat Daerah & Majlis Daerah Kota Tinggi dan Pontian; Pejabat Daerah Johor Bahru

Pada pendapat Audit, pencapaian Program Pembasmian Kemiskinan adalah baik kerana melebihi sasaran peserta yang telah ditetapkan.

2.4.1.3. Statistik Ketua Isi Rumah Yang Berdaftar Dalam Sistem eKasih

Mengikut statistik eKasih sehingga 26 Mei 2015 seramai 20,054 Ketua Isi Rumah (KIR) yang telah disahkan berdaftar dalam sistem eKasih bagi Negeri Johor. Daripada jumlah tersebut, 123 KIR berstatus Miskin Tegar, 2,779 KIR berstatus Miskin, 13 KIR berstatus Mudah Miskin dan 17,139 KIR berstatus Terkeluar. Jumlah Ketua Isi Rumah (KIR) yang berdaftar dalam eKasih sehingga 26 Mei 2015 mengikut kategori kemiskinan adalah seperti **Jadual 2.4**.

Jadual 2.4
Statistik KIR eKasih Negeri Johor Pada 26 Mei 2015

Bil.	Daerah	Miskin Tegar	Miskin	Mudah Miskin	Terkeluar	Jumlah
1	Batu Pahat	38	484	-	2,745	3,267
2	Johor Bahru	23	443	13	2,490	2,969
3	Kluang	5	189	-	926	1,120
4	Kota Tinggi	11	315	-	1,942	2,268
5	Kulai	2	138	-	975	1,115
6	Ledang	-	233	-	1,602	1,835
7	Mersing	9	248	-	946	1,203
8	Muar	1	178	-	1,703	1,882
9	Pontian	34	495	-	1,599	2,128
10	Segamat	-	56	-	2,211	2,267
Jumlah		123	2,779	13	*17,139	20,054

Sumber: Pejabat Pembangunan Negeri Johor

Nota: * - Jumlah KIR terkeluar iaitu 17,139 merupakan angka terkumpul sejak sistem eKasih diguna pakai pada tahun 2008 sehingga Mei 2015. KIR yang berada dalam status Terkeluar boleh pada bila-bila masa kembali kepada status Miskin/Miskin Tegar contohnya apabila hilang punca pendapatan.

2.4.1.4. Membasmi Kemiskinan Tegar

- a. Sesebuah isi rumah (IR) dianggap sebagai Miskin Tegar sekiranya pendapatan bulanan isi rumah tersebut adalah kurang daripada Paras Garis Kemiskinan (PGK) makanan, iaitu pendapatan yang mencukupi bagi membolehkan isi rumah tersebut memenuhi keperluan asas dari segi nutrisi makanan yang minimum yang membolehkan setiap ahlinya mempunyai tubuh badan yang sihat. Merujuk kepada Unit Perancang Ekonomi, PGK Tahun 2012 adalah selaras dengan Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, pendapatan untuk isi rumah Miskin Tegar ialah RM520 seisi rumah dan RM130 per kapita.
- b. Berdasarkan Minit Mesyuarat Fokus Group Peringkat Negeri Johor Bilangan 2 Tahun 2014 yang telah diadakan pada 8 Julai 2014, Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Johor selaku penyelarar Program Pembasmian Kemiskinan Negeri Johor telah membuat sasaran bagi memastikan bilangan KIR Miskin Tegar dapat mencapai sifar peratus dalam sistem eKasih pada 31 Disember 2014. Ini adalah selaras dengan sasaran Kerajaan Negeri Johor bagi mencapai sifar peratus kadar Miskin Tegar pada tahun 2020. Tindakan bagi mencapai sasaran sifar peratus Miskin Tegar adalah berdasarkan kaedah data terkunci (*lock figure*) setakat 1 Julai 2014. Inisiatif yang telah dilaksanakan bagi menangani kemiskinan adalah seperti berikut:
 - i. Mewujudkan *mobile team* sebagai langkah pengesanan punca masalah serta mencadangkan kesesuaian bantuan yang diperlukan oleh golongan sasar.
 - ii. Pejabat Daerah menyelaraskan bantuan yang diperlukan oleh peserta dengan memohon kepada agensi pelaksana yang lain untuk menyalurkan bantuan yang

bersesuaian kepada peserta dan meminta agensi mengemas kini bantuan peserta ke dalam sistem dengan kadar segera.

- iii. Senarai peserta yang belum menerima bantuan diberikan kepada Ahli Dewan Undangan Negeri bagi membantu menjejaki golongan sasaran ini di kawasan DUN masing-masing.
 - iv. Melaksanakan *Lab Data Cleaning* bagi penerima yang telah tamat bantuan.
- c. Semakan Audit mendapati sasaran sifar peratus Miskin Tegar pada 31 Disember 2014 berdasarkan data terkunci eKasih seramai 363 KIR pada 1 Julai 2014 telah tercapai. Status pencapaian sasaran sifar peratus Miskin Tegar Negeri Johor sehingga 31 Disember 2014 adalah seperti di **Jadual 2.5**.

Jadual 2.5
Status Kemiskinan Tegar *Lock Figure* Negeri Johor Pada 31 Disember 2014

Bil.	Daerah	Bilangan KIR							Peratus Miskin Tegar Pada 31 Dis. 2014 (%)
		1 Julai	31 Julai	31 Ogos	31 Sept.	31 Okt.	31 Nov.	31 Dis.	
1	Mersing	25	-	-	-	-	-	-	0
2	Segamat	5	-	-	-	-	-	-	
3	Ledang	3	-	-	-	-	-	-	
4	Kluang	6	2	-	-	-	-	-	
5	Kulaijaya	6	5	-	-	-	-	-	
6	Muar	9	4	-	-	-	-	-	
7	Kota Tinggi	59	24	23	22	13	2	-	
8	Pontian	89	67	59	56	13	4	-	
9	Batu Pahat	82	71	66	50	40	33	-	
10	Johor Bahru	79	64	53	46	32	23	-	
Jumlah		363	237	201	174	98	62	-	

Sumber: Pejabat Pembangunan Negeri Johor

- d. Semakan Audit selanjutnya terhadap data eKasih setakat 26 Mei 2015 mendapati seramai 123 KIR telah dikategorikan sebagai Miskin Tegar walaupun status Miskin Tegar telah mencapai sifar peratus pada 31 Disember 2014. Bagaimanapun, bilangan 123 KIR Miskin Tegar ini telah berjaya dipulihkan dan mencapai sifar peratus pada 31 Disember 2015 dengan mengambil inisiatif sebagaimana pelaksanaan pada tahun 2014. Bilangan Miskin Tegar yang bertambah adalah disebabkan pendaftaran baru dan pertukaran status daripada Miskin kepada Miskin Tegar apabila terdapat peserta atau ahli keluarga yang kehilangan punca pendapatan.
- e. **Maklum balas Pejabat Pembangunan Negeri Johor pada 2 Februari 2016, data pendaftaran KIR dalam sistem eKasih adalah bersifat dinamik dan sentiasa berubah berdasarkan pengemaskinian maklumat profil isi rumah dan bantuan yang diterima.**

Pada pendapat Audit, sasaran sifar peratus Miskin Tegar yang telah dicapai berdasarkan data terkunci eKasih pada 31 Disember 2014 dan 31 Disember 2015 adalah baik. Bagaimanapun, pejabat perlu mengambil inisiatif yang lebih berkesan supaya sasaran sifar peratus tahun 2020 dapat dicapai sepenuhnya.

2.4.2. Pelaksanaan Program

2.4.2.1. Program Bantuan Rumah

Program bantuan rumah bertujuan untuk meningkatkan kualiti hidup golongan berstatus Miskin Tegar/Miskin dan Mudah Miskin dengan menyediakan kediaman yang selamat dan selesa. Jenis bantuan terdiri daripada bina baru rumah dan baik pulih rumah. Pelaksanaan bantuan ini melibatkan 2 agensi di setiap daerah iaitu Pejabat Daerah bagi peruntukan Pejabat Menteri Besar dan PBT bagi peruntukan daripada KPKT. Ketua Isi Rumah (KIR) yang layak menerima bantuan hendaklah berstatus warganegara dan status kemiskinan disahkan dalam eKasih atau Mesyuarat Focus Group Pembasmian Kemiskinan peringkat negeri atau daerah.

a. Bantuan Bina Rumah Baru

- i. Bagi bantuan bina rumah baru, UPENJ telah menetapkan sasaran tahunan dengan membina 4 buah rumah baru bagi setiap daerah untuk golongan miskin yang memerlukan rumah. Semakan Audit mendapati, bagi tahun 2012 hingga 2014 sebanyak 12 buah rumah baru telah dibina di Daerah Johor Bahru; 14 di Daerah Kota Tinggi dan 17 di Daerah Pontian di bawah peruntukan Pejabat Menteri Besar Johor yang melibatkan perbelanjaan berjumlah RM1.67 juta. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 2.6**. Manakala melalui peruntukan KPKT pula, sebanyak 5 buah rumah telah dibina oleh Majlis Daerah Kota Tinggi (MDKT) bernilai RM189,040.

Jadual 2.6
Bantuan Bina Rumah Baru Peruntukan Kerajaan Negeri
Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Tahun	KIR	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)
Daerah Johor Bahru			
2012	5	200,000	157,901
2013	3	120,000	119,726
2014	4	160,000	159,786
Jumlah	12	480,000	437,413
Daerah Kota Tinggi			
2012	5	200,000	198,350
2013	3	120,000	119,505
2014	6	240,000	238,929
Jumlah	14	560,000	556,784
Daerah Pontian			
2012	6	240,000	239,578
2013	6	240,000	239,918
2014	5	200,000	199,200
Jumlah	17	680,000	678,696
Jumlah Keseluruhan	43	1,720,000	1,672,893

Sumber: Pejabat Daerah Johor Bahru, Kota Tinggi Dan Pontian

- ii. Lawatan Audit mendapati pelaksanaan program bina rumah baru di Daerah Johor Bahru, Kota Tinggi dan Pontian adalah baik kerana 44 daripada 48 rumah yang dibina telah mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan. Hanya 4 atau 8.3% daripada 48 buah rumah yang dilawati tidak mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan dalam butiran kerja seperti di **Jadual 2.7**. **Gambar 2.1** hingga **Gambar 2.4** adalah berkaitan.

Jadual 2.7
Bina Rumah Baru Tidak Mengikut Spesifikasi

Bil.	Penerima Bantuan	Tahun	Spesifikasi Yang Ditetapkan	Kerja Yang Dilaksanakan	Agensi
1	Penerima Bantuan 1	2012	Penyediaan Kerja Pendawaian Elektrik Kipas Siling 2 Unit	Kerja pendawaian elektrik kipas hanya 1 Unit sahaja	Pejabat Daerah Pontian
2	Penerima Bantuan 2	2012			
3	Penerima Bantuan 3	2013			
4	Penerima Bantuan 4	2014			

Sumber: Pejabat Daerah Pontian

Gambar 2.1
Kerja Pendawaian Elektrik Kipas
1 Unit Sahaja



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bt. Hampar, Sanglang, Pontian
Tarikh: 26 Ogos 2015

Gambar 2.2
Pemasangan Kipas Di Bilik Tidur
Selepas Teguran Audit



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bt. Hampar, Sanglang, Pontian
Tarikh: 24 Februari 2016

Gambar 2.3
Kerja Pendawaian Elektrik Kipas
1 Unit Sahaja



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Pt. Hj. Ahmad, Ayer Baloi, Pontian
Tarikh: 26 Ogos 2015

Gambar 2.4
Pemasangan Kipas Di Bilik Tidur
Selepas Teguran Audit



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Pt. Hj. Ahmad, Ayer Baloi, Pontian
Tarikh: 24 Februari 2016

- iii. **Berdasarkan maklum balas Pejabat Daerah Pontian (PDP) pada 2 Februari 2016, PDP memaklumkan kontraktor telah mengambil tindakan untuk memasang kipas di dalam bilik rumah penerima bantuan yang terlibat sebagaimana ditetapkan di spesifikasi.**
- iv. Lawatan Audit mendapati 2 buah rumah yang dibiayai oleh KPKT dan dibina menggunakan teknologi IBS mengalami regangan di dinding. Manakala bagi 3 buah rumah yang lain, penerima bantuan telah mengambil inisiatif dengan membuat lepaan simen pada dinding rumah menggunakan kos sendiri. Temu bual Audit dengan penerima bantuan memaklumkan regangan di dinding rumah menyebabkan berlaku tempias ketika hujan. **Gambar 2.5** dan **Gambar 2.6** adalah berkaitan.

Gambar 2.5

Regangan Di Dinding Rumah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Baru Pasir Gogok, Kota Tinggi
Tarikh: 9 Jun 2015

Gambar 2.6



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Baru Pasir Gogok, Kota Tinggi
Tarikh: 9 Jun 2015

- v. Lawatan Audit mendapati 2 orang penerima bantuan bina rumah baru di Pasir Gogok, Kota Tinggi tidak menduduki rumah yang telah dibina. Temu bual Audit dengan penerima bantuan mendapati rumah yang dibina telah diduduki oleh anak KIR yang bukan peserta eKasih. Manakala penerima bantuan masih menduduki rumah asal adalah seperti di **Gambar 2.7** hingga **Gambar 2.9**.

Gambar 2.7

Rumah Bantuan Yang Dibina Diduduki Oleh Anak Ketua Isi Rumah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Baru Pasir Gogok, Kota Tinggi
Tarikh: 9 Jun 2015

Gambar 2.8

Rumah Bantuan Yang Dibina Diduduki Oleh Anak Ketua Isi Rumah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Baru Pasir Gogok, Kota Tinggi
Tarikh: 9 Jun 2015



Gambar 2.9
Penerima Bantuan Bina Rumah Baru Masih Tinggal Di Rumah Asal

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Baru Pasir Gogok, Kota Tinggi
Tarikh: 9 Jun 2015

- vi. Berdasarkan maklum balas MDKT pada 2 Februari 2016, MDKT memaklumkan telah mengeluarkan notis kepada penerima bantuan untuk berpindah ke rumah yang telah dibina oleh Kerajaan. Manakala bagi masalah regangan di dinding rumah, MDKT sedang mengenal pasti kaedah pembaikan untuk menyelesaikan masalah tersebut.

b. Bantuan Baik Pulih Rumah

Bantuan baik pulih hanya melibatkan komponen-komponen asas rumah sahaja dan tidak termasuk kerja-kerja membina atau baik pulih bahagian luar rumah seperti pagar, garaj, longkang, perigi dan lain-lain. Bagi melayakkan KIR untuk mendapat bantuan baik pulih, rumah yang didiami oleh KIR hendaklah rosak, usang, daif dan tidak selamat untuk didiami. Kadar maksimum bantuan baik pulih rumah yang ditetapkan adalah RM11,000. Bagi tahun 2012 hingga 2014, sebanyak RM453,849 telah dibelanjakan oleh PDJB, PDKT, PDP, MDKT, dan MDP bagi membaik pulih 42 buah rumah di Daerah Johor Bahru, Kota Tinggi dan Pontian. Lawatan Audit ke rumah penerima bantuan baik pulih mendapati perkara seperti berikut:

- i. Lawatan Audit mendapati pelaksanaan program baik pulih rumah di Daerah Johor Bahru, Kota Tinggi dan Pontian adalah baik kerana 40 daripada 42 rumah yang dibaik pulih telah mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Hanya 2 buah rumah yang telah dibaik pulih tidak mengikut spesifikasi kerja yang ditetapkan sebagaimana di **Jadual 2.8** serta **Gambar 2.10** dan **Gambar 2.12**.

Jadual 2.8
Bantuan Baik Pulih Rumah Tidak Mengikut Spesifikasi

Bil.	Penerima Bantuan	Tahun	Spesifikasi Yang Ditetapkan/Nilai Kerja	Kerja Yang Dilaksanakan	Agensi
1	Penerima Bantuan 1	2014	<ul style="list-style-type: none"> Membina tandas dan bilik air lengkap dengan jubin serta kelengkapan bilik air. Plaster luar dan dalam (RM4,480) 	<ul style="list-style-type: none"> Dinding dalam tidak diplaster. Tiada jubin di bilik air. Gambar 2.10	PDP
2	Penerima Bantuan 2	2013	<ul style="list-style-type: none"> Simen plaster biasa untuk permukaan luar dan dalam (RM932.40) 	<ul style="list-style-type: none"> Dinding dalam tidak diplaster. Gambar 2.12	PDJB

Sumber: Pejabat Daerah Pontian Dan Johor Bahru

Gambar 2.10
Bilik Air Tidak Dipasang Jubin/ Tidak
Diplaster



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Parit Ali, Kg. Dalam, Ayer Baloi, Pontian
Tarikh: 26 Ogos 2015

Gambar 2.11
Bilik Air Telah Dipasang Jubin/ Telah
Diplaster Selepas Teguran Audit



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Parit Ali, Kg. Dalam, Ayer Baloi, Pontian
Tarikh: 24 Februari 2016



Gambar 2.12
Dinding Dalam Tidak Diplaster

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Melayu, Gelang Patah
Tarikh: 10 Ogos 2015

- ii. **Berdasarkan maklum balas PDP pada 2 Februari 2016, PDP memaklumkan kontraktor telah mengambil tindakan pembetulan sebagaimana yang ditetapkan di spesifikasi. Manakala, PDJB memaklumkan kerja tidak dilaksanakan sebagaimana spesifikasi disebabkan terdapat perubahan kerja yang tidak direkodkan. Bagaimanapun, kontraktor telah bersetuju untuk mengambil tindakan pembetulan dengan memasang plaster pada dinding dalam rumah tersebut.**

Pada pendapat Audit, prestasi pelaksanaan Program Bantuan Rumah adalah baik kerana telah mencapai sasaran dan mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

2.4.2.2. Program Peningkatan Pendapatan

Program Peningkatan Pendapatan (PPP) merupakan program di bawah peruntukan KKLW yang menyediakan bantuan kewangan dan pengurusan untuk membolehkan kumpulan sasar menyertai atau menjalankan projek-projek ekonomi dalam pelbagai sektor. Keutamaan akan diberikan kepada Ketua Isi Rumah dan Ahli Isi Rumah daripada keluarga Miskin Tegar, Miskin yang produktif, tidak uzur dan berazam untuk menjalankan projek yang dipohon. Matlamatnya ialah untuk meningkatkan pendapatan keluarga serta

meningkatkan taraf hidup dan seterusnya mengeluarkan mereka daripada belunggu kemiskinan. Kadar maksimum bantuan adalah RM10,000 bagi setiap peserta. Agensi pelaksana bagi program ini adalah pejabat daerah.

a. Peserta Tidak Menggunakan Peralatan/Bantuan Yang Diberi

Berdasarkan rekod, seramai 46 orang peserta bagi Daerah Johor Bahru, Kota Tinggi dan Pontian telah menerima bantuan PPP bagi tahun 2012 hingga 2014 dengan perbelanjaan sebanyak RM305,600. Antara peralatan/bantuan yang diberikan adalah peralatan membuat makanan seperti mesin pengadun, pembakar kuih, peti ais; peralatan menjahit; motor roda tiga; enjin sangkut dan lain-lain peralatan. Lawatan Audit telah dijalankan ke atas 31 peserta penerima PPP bagi tahun 2013 dan 2014. Semakan Audit mendapati seramai 19 peserta telah mengguna peralatan/bantuan yang diberi. Manakala, seramai 12 atau 38.7% peserta tidak menggunakan peralatan bernilai RM76,081 yang telah dibekalkan sebagai punca untuk meningkatkan pendapatan. Jumlah peserta Program Peningkatan Pendapatan dan status penggunaan peralatan bantuan PPP adalah seperti di **Jadual 2.9** dan **Jadual 2.10**.

Jadual 2.9
Jumlah Peserta Program Peningkatan Pendapatan Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Daerah	Johor Bahru	Kota Tinggi	Pontian	Jumlah
2012				
Jumlah Peserta Menerima Bantuan	11	-	-	11
Bil. Peserta Yang Dilawati	-	-	-	-
Status Penggunaan Peralatan:				
Guna	-	-	-	-
Tidak Guna	-	-	-	-
Peratus Tidak Guna (%)	-	-	-	-
2013				
Jumlah Peserta Menerima Bantuan	5	6	5	16
Bil. Peserta Yang Dilawati	5	6	5	16
Status Penggunaan Peralatan:				
Guna	2	4	5	11
Tidak Guna	3	2	-	5
Peratus Tidak Guna (%)	60	33.3	-	31.2
2014				
Jumlah Peserta Menerima Bantuan	2	7	10	19
Bil. Peserta Yang Dilawati	2	5	8	15
Status Penggunaan Peralatan:				
Guna	-	3	5	8
Tidak Guna	2	2	3	7
Peratus Tidak Guna (%)	100	40	37.5	46.7

Sumber: Pejabat Daerah Johor Bahru, Kota Tinggi Dan Pontian

Jadual 2.10
Peserta Program Peningkatan Pendapatan Daerah Johor Bahru, Kota Tinggi Dan Pontian
Yang Tidak Memanfaatkan Bantuan Yang Diberi

Bil.	Lokasi Penerima Bantuan	Tahun Terima Bantuan	Bantuan Yang Tidak Digunakan	Nilai Barangan Yang Tidak Digunakan (RM)
Daerah Johor Bahru				
1	Taman Pasir Putih, Pasir Gudang	2013	Oven	2,293
2	Taman Kota Masai, Pasir Gudang	2013	Oven	2,300
3	Taman Nusa Damai, Pasir Gudang	2013	Motor Roda Tiga/Mesin Rumput	7,000
4	Kampung Bukit Tempurong, Gelang Patah	2014	Mixer	5,000
			Oven	2,000
5	Kampung Bukit Tempurong, Gelang Patah	2014	Mixer	5,000
Jumlah				23,593
Daerah Kota Tinggi				
6	Kg. Teluk Jeri, Tg. Sedili, Kota Tinggi	2013	Peralatan Menjahit	8,500
7	Kg. Sedili Kecil	2013	Mesin Memotong Rumput, Mesin Jahit <i>Single (High Speed-JUKI)</i>	10,000
8	Jalan Selar, Teluk Sengat, Kota Tinggi	2014	Peralatan Perniagaan Makanan	10,000
9	Tanjung Sedili, Kota Tinggi	2014	Peralatan Membuat Kuih	10,000
Jumlah				38,500
Daerah Pontian				
10	Pekan Air Baloi	2014	Mesin Pengisar	3,650
11	Kg. Pt. Stan, Benut	2014	Kerusi Gunting Rambut, Sinki Dan Kipas Dinding	2,338
12	Pt Sulaiman Lapis 1, Kayu Ara Pasong	2014	Peralatan Perniagaan Makanan	8,000
Jumlah				13,988
Jumlah Keseluruhan				76,081

Sumber: Pejabat Daerah Johor Bahru, Kota Tinggi Dan Pontian

i. Pejabat Daerah Johor Bahru

- Semakan Audit mendapati pelaksanaan PPP di peringkat Pejabat Daerah Johor Bahru (PDJB) telah dilaksanakan oleh agensi yang dilantik iaitu Lembaga Nenas Malaysia bagi tahun 2012 dan Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) bagi tahun 2013 dan 2014. Pembayaran dan penyerahan peralatan dilaksanakan oleh agensi pelaksana. Pihak Audit tidak dapat membuat pengesahan sama ada peralatan/bantuan yang diterima oleh penerima PPP bagi tahun 2012 telah sampai kepada penerima bantuan dan digunakan kerana baucar bayaran serta dokumen sokongan tidak dikemukakan oleh Pejabat Daerah Johor Bahru sehingga akhir tempoh pengauditan. Seterusnya, bagi tahun 2013 dan 2014 seramai 7 orang peserta telah diberi bantuan PPP bernilai RM51,500. Lawatan Audit mendapati seramai 2 orang peserta telah memanfaatkan peralatan yang diberikan. Manakala, seramai 5 orang peserta tidak menggunakan peralatan bernilai RM23,593 yang diberikan sebagaimana di **Gambar 2.13** hingga **Gambar 2.16**.

Gambar 2.13
Oven Tidak Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Pasir Putih, Pasir Gudang
Tarikh: 21 Oktober 2015

Gambar 2.14
Motosikal Roda Tiga Tidak Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Nusa Damai, Pasir Gudang
Tarikh: 21 Oktober 2015

Gambar 2.15
Mesin Pengadun Kuih/Kek Masih Dalam Kotak Dan Belum Pernah Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bukit Tempurong, Gelang Patah
Tarikh: 8 September 2015

Gambar 2.16
Mesin Pengadun Kuih/Kek Tidak Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bukit Tempurong, Gelang Patah
Tarikh: 7 September 2015

- **Berdasarkan maklum balas PDJB pada 2 Februari 2016, siasatan sedang dijalankan untuk mengenal pasti sama ada peralatan digunakan. Jika peralatan yang dibekalkan masih tidak digunakan, PDJB akan mengambil semula peralatan tersebut untuk diserahkan kepada peserta lain yang lebih memerlukan.**

ii. Pejabat Daerah Kota Tinggi

- Bagi Pejabat Daerah Kota Tinggi, seramai 13 orang peserta telah diberi bantuan PPP bernilai RM130,000 bagi tahun 2013 dan 2014. Lawatan Audit hanya dapat dilaksanakan ke atas 11 orang peserta program kerana 2 peserta tidak dapat dihubungi. Semakan Audit mendapati 4 daripada 11 peserta tidak menggunakan peralatan bernilai RM38,500 yang diberikan. Selain itu, didapati seorang peserta tidak meletakkan peralatan yang diterima di rumahnya tetapi berada di rumah anak peserta yang bukan dalam

golongan peserta eKasih. Peralatan tidak digunakan serta berada di rumah anak peserta adalah seperti **Gambar 2.17** hingga **Gambar 2.22**.

- Analisis Audit melalui maklumat dalam sistem eKasih mendapati daripada sejumlah 13 peserta yang menerima bantuan PPP, 9 orang penerima bantuan PPP telah berjaya meningkatkan pendapatan dan terkeluar daripada sistem eKasih. Manakala, 3 peserta masih berstatus miskin dan 1 orang berstatus Miskin Tegar walaupun telah diberikan bantuan untuk meningkatkan pendapatan.

Gambar 2.17
Peralatan Perniagaan Makanan Tidak Digunakan Kerana Peserta Tidak Sihat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Teluk Sengat, Kota Tinggi
Tarikh: 9 Jun 2015

Gambar 2.18



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Teluk Sengat, Kota Tinggi
Tarikh: 9 Jun 2015

Gambar 2.19
Peralatan Membuat Kuih Berada Di Rumah Anak Peserta



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tg. Sedili, Kota Tinggi
Tarikh: 8 Jun 2015

Gambar 2.20



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tg. Sedili, Kota Tinggi
Tarikh: 8 Jun 2015

Gambar 2.21
Peralatan Memotong Rumput Tidak Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Sedili Kecil, Kota Tinggi
Tarikh: 8 Jun 2015

Gambar 2.22
Peralatan Menjahit Tidak Digunakan Kerana Peserta Tiada Kemahiran



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tg. Sedili, Kota Tinggi
Tarikh: 8 Jun 2015

- **Berdasarkan maklum balas PDKT pada 2 Februari 2016, bagi peserta yang tidak sihat, peralatan tersebut diserahkan kepada peserta lain yang memerlukan bantuan. Manakala, peralatan yang berada di rumah anak peserta telah digunakan oleh anak peserta untuk menghasilkan produk sejuk beku dan secara tidak langsung menambah pendapatan kepada peserta.**

iii. Pejabat Daerah Pontian

- Seramai 15 orang peserta di Daerah Pontian telah diberi bantuan PPP bernilai RM125,600 bagi tahun 2013 dan 2014. Lawatan Audit hanya dapat dilaksanakan ke atas 13 orang peserta bantuan kerana 2 orang peserta tidak dapat dihubungi. Semakan Audit mendapati 3 daripada 13 orang peserta tidak menggunakan peralatan bernilai RM13,988 yang diberikan sebagaimana di **Gambar 2.23** hingga **Gambar 2.26**.
- Analisis Audit melalui maklumat dalam sistem eKasih mendapati daripada sejumlah 15 orang peserta yang menerima bantuan PPP, 7 orang peserta masih berstatus Miskin dan 1 orang berstatus Miskin Tegar walaupun telah diberikan bantuan untuk meningkatkan pendapatan. Antara sebab status kemiskinan ini tidak berubah adalah peserta tidak menggunakan peralatan yang diberikan bagi meningkatkan pendapatan isi rumah. Bagaimanapun, terdapat 5 orang penerima bantuan PPP yang telah berjaya meningkatkan pendapatan dan terkeluar daripada sistem eKasih. Seterusnya, terdapat 2 orang penerima bantuan PPP yang tidak tersenarai dalam sistem eKasih dan tidak dapat disahkan status kemiskinan terkini.

Gambar 2.23
Mesin Pengisar Kering Tidak Digunakan
Kerana Tidak Bersesuaian Dengan
Kapasiti Bekalan Elektrik Rumah Peserta



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pekan Air Baloi, Pontian
Tarikh: 26 Ogos 2015

Gambar 2.24
Kerusi Gunting Rambut Tidak Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Pt. Stan, Benut Pontian
Tarikh: 26 Ogos 2015

Gambar 2.25
Peralatan Perniagaan Makanan Tidak
Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kayu Ara Pasong, Pontian
Tarikh: 26 Ogos 2015

Gambar 2.26
Peralatan Perniagaan Makanan Tidak
Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kayu Ara Pasong, Pontian
Tarikh: 26 Ogos 2015

- **Berdasarkan maklum balas PDP pada 2 Februari 2016, pejabat sedang mengambil tindakan untuk memastikan peralatan digunakan secara optimum oleh penerima bantuan. Bagi peserta yang tidak menggunakan peralatan yang diberikan, PDP akan mengambil semula peralatan tersebut untuk diserahkan kepada peserta lain yang lebih memerlukan.**

- iv. Temu bual Audit dengan peserta memaklumkan antara punca peralatan tersebut tidak digunakan adalah peserta tiada pengalaman/kemahiran dalam menggunakan peralatan yang dibekalkan contohnya, peralatan yang dibekalkan bukan seperti yang diminta oleh peserta dan kapasiti peralatan yang dibekalkan tidak bersesuaian dengan saiz perniagaan peserta.

- v. Berdasarkan Garis Panduan Pelaksanaan PPP yang dikeluarkan oleh KKLW, agensi pelaksana adalah bertanggungjawab untuk membuat pemantauan terhadap pelaksanaan program ini. Semakan Audit mendapati pemantauan hanya dilakukan oleh Pejabat Daerah Pontian. Bagaimanapun berdasarkan laporan pemantauan yang disediakan, pemantauan tidak dapat dilaksanakan ke atas semua peserta PPP memandangkan ada peserta yang tidak dapat dihubungi sewaktu pemantauan dilaksanakan.
- vi. **Berdasarkan maklum balas PDJB, PDKT dan PDP pada 2 Februari 2016, pemantauan akan dilaksanakan dari semasa ke semasa bagi memastikan semua peralatan dimanfaatkan oleh peserta.**

Pada pendapat Audit PDJB, PDKT dan PDP perlu memantau perjalanan program PPP agar bantuan yang diterima digunakan secara optimum dan mencapai matlamat yang ditetapkan iaitu untuk meningkatkan pendapatan peserta. Selain itu, penggunaan peralatan oleh orang lain (bukan penerima bantuan) perlu diambil perhatian.

2.4.2.3. Program Bantuan Kiosk Penjaja Bergerak

- a. Program Bantuan Kiosk Penjaja Bergerak (Kiosk) dilaksanakan untuk menggalakkan penyertaan kumpulan sasar dalam projek keusahawanan bagi membolehkan mereka menjana pendapatan dan meningkatkan kualiti hidup. Kumpulan sasar penerima adalah KIR yang berpendapatan 40% terendah; pendapatan perkapita RM200; berusia antara 18 hingga 60 tahun; berdaftar dan disahkan status kemiskinan dengan eKasih atau Mesyuarat Focus Group; dan tidak muflis. Keutamaan akan diberikan kepada KIR yang mempunyai pengalaman dalam bidang perniagaan. Pelaksanaan program ini diuruskan oleh PBT di setiap daerah sebagai wakil kepada KPKT. Bantuan keseluruhan berjumlah RM15,000 bagi setiap peserta di mana peserta akan dibekalkan dengan sebuah kiosk (RM10,000); bantuan peralatan dan kelengkapan yang terdiri daripada lampu, pendawaian, peralatan memasak, peralatan penyediaan makanan, alatan pembersihan & bekas buangan, bekas simpanan makanan (RM4,500); dan kursus/latihan (RM500). Sebanyak RM150,000 diperuntukkan kepada MDKT pada tahun 2013 dan RM150,000 diperuntukkan kepada MDP pada tahun 2014 bagi tujuan bantuan kiosk penjaja. Status penggunaan kiosk di MDKT dan MDP adalah sebagaimana di **Jadual 2.11**.

Jadual 2.11
Jumlah Kiosk Yang Dibekalkan Dan Status Penggunaan Kiosk

Bil.	Daerah	Jumlah (Unit)		
		Dibekalkan	Digunakan	Tidak Digunakan
1	Kota Tinggi	8 (Jumlah kiosk adalah 10 tetapi 2 kiosk belum diagihkan)	7	1
2	Pontian	10	5	5
3	Johor Bahru	-	-	-
Jumlah		18	12	6

Sumber: MDKT Dan MDP

- b. Semakan Audit di Majlis Daerah Kota Tinggi (MDKT) mendapati sebanyak 10 kiosk telah diperuntukkan untuk bantuan kiosk penjaja dan 8 kiosk telah diserahkan kepada penerima, manakala baki 2 buah masih belum dituntut oleh penerima. Lawatan Audit mendapati, MDKT telah menempatkan kesemua peserta kiosk di Terminal Bas Taman Kota Jaya seperti di **Gambar 2.27** dan **Gambar 2.28**. Semakan Audit mendapati 7 daripada 8 orang peserta kiosk aktif menjalankan perniagaan dan hanya seorang peserta yang tidak menjalankan perniagaan kerana tidak sihat. Penempatan semua peserta kiosk di bawah satu bumbung dapat memudahkan kerja pemantauan oleh pegawai MDKT. Secara tidak langsung peserta kiosk telah mempunyai pelanggan bagi perniagaan mereka jika dibandingkan dengan peserta memilih sendiri lokasi perniagaannya kerana kemungkinan tidak strategik dan tidak dapat menjana pendapatan.

Gambar 2.27
Peserta Bantuan Kiosk Aktif
Menjalankan Perniagaan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Terminal Bas Taman Kota Jaya, Kota Tinggi
Tarikh: 19 Ogos 2015

Gambar 2.28
Peserta Bantuan Kiosk Aktif
Menjalankan Perniagaan



- c. Di Majlis Daerah Pontian (MDP), sebanyak 10 kiosk telah dibekalkan kepada penerima. Lawatan Audit mendapati seramai 5 orang peserta kiosk tidak menggunakan kemudahan bernilai RM72,500 yang telah diberikan sebagai punca untuk meningkatkan pendapatan. Kiosk yang tidak digunakan dibiarkan tersadai begitu sahaja seperti di **Gambar 2.29** hingga **Gambar 2.32**. Antara sebab peserta tidak memanfaatkan kemudahan yang disediakan adalah lokasi perniagaan yang dijalankan tidak mempunyai ramai pelanggan dan tidak strategik; tidak mempunyai

kemudahan asas yang diperlukan oleh peserta seperti bekalan elektrik; peralatan yang dibekalkan tidak sesuai dengan jenis perniagaan yang dijalankan; peserta kurang minat untuk berniaga dan hanya mengisi masa lapang; dan peserta tidak dapat menjalankan perniagaan atas faktor kesihatan.

Gambar 2.29
Kiosk Tidak Digunakan Kerana Kawasan
Perniagaan Tidak Sesuai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lorong Pinang, Pontian
Tarikh: 19 Ogos 2015

Gambar 2.30
Kiosk Tidak Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Parit Masjid, Pontian
Tarikh: 19 Ogos 2015

Gambar 2.31
Kiosk Tidak Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ayer Balo, Pontian
Tarikh: 19 Ogos 2015

Gambar 2.32
Kiosk Tidak Digunakan Dan Tersadi
Di Belakang Rumah Sewa Peserta



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Sri Api-Api, Pontian
Tarikh: 19 Ogos 2015

- d. Peserta kiosk di MDP juga telah dibekalkan dengan 1 unit generator sebagai satu kemudahan untuk peserta kiosk menjalankan perniagaan, bagaimanapun kebanyakan peserta tidak menggunakan generator tersebut disebabkan tiada keperluan untuk menggunakannya. Selain itu, seorang peserta kiosk daripada Sg. Benut, Pontian telah menerima mesin pengadun kuih/kek berkapasiti tinggi walaupun peniaga memohon mesin tebu menyebabkan mesin pengadun kuih/kek tidak digunakan. Generator dan mesin pengadun kuih tidak digunakan oleh peserta adalah seperti **Gambar 2.33** hingga **Gambar 2.36**.

Gambar 2.33
Generator Tidak Digunakan Kerana Tiada Keperluan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pt. Mesjid, Pontian
Tarikh: 19 Ogos 2015

Gambar 2.34

Generator Tidak Digunakan Kerana Tiada Keperluan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Kota Emas, Pontian
Tarikh: 19 Ogos 2015

Gambar 2.35
Generator Tidak Digunakan Kerana Tiada Keperluan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sg. Benut, Pontian
Tarikh: 19 Ogos 2015

Gambar 2.36
Mesin Pengadun Kuih/ Kek Tidak Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sg. Benut, Pontian
Tarikh: 19 Ogos 2015

- e. Berdasarkan Mesyuarat Penyelarasan Pelaksanaan Kiosk Penjaja Bergerak yang diadakan di KPKT pada 13 Februari 2014, PBT bertanggungjawab untuk memantau prestasi perniagaan oleh penerima kiosk setiap bulan selama sekurang-kurangnya 2 tahun, membuat penilaian *outcome* ke atas penerima bantuan serta melaporkan keberkesanan pelaksanaan program ini kepada Kementerian. Semakan Audit mendapati tiada bukti MDKT dan MDP telah melaksanakan pemantauan ke atas penerima bantuan kerana tiada laporan disediakan berkaitan prestasi perniagaan penerima kiosk.
- f. **Berdasarkan maklum balas MDP pada 2 Februari 2016, notis telah dikeluarkan kepada peserta yang terlibat untuk menjalankan perniagaan. Bagi peserta yang bermasalah dan masih tidak menjalankan perniagaan, kiosk akan dirampas dan diberi kepada peserta lain yang berminat menjalankan perniagaan. Selain itu, MDP telah mengambil tindakan pembetulan dengan membuat pemantauan prestasi perniagaan peserta bantuan kiosk.**

Pada pendapat Audit, pendekatan yang digunakan oleh MDKT dengan menempatkan kiosk yang dibekalkan di kawasan yang terancang boleh dijadikan sebagai contoh kerana memudahkan peniaga untuk menjalankan aktiviti berbanding dengan membiarkan peserta kiosk memilih sendiri lokasi perniagaan mereka. Bagi menjamin kepentingan Kerajaan terpelihara dan matlamat bagi membasmi kemiskinan tercapai, MDP perlu berusaha untuk memperbaiki pelaksanaan program tersebut khususnya dari segi pemantauan dan penilaian pencapaian.

2.4.2.4. Program Terminal Sejahtera

Terminal Sejahtera (TS) adalah satu cabang bagi Program Pembangunan Minda Insan yang dibangunkan melalui peruntukan *one-off* Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB). Tujuan TS ini dibangunkan untuk menyediakan kemudahan pembelajaran sendiri di luar waktu sekolah iaitu kemudahan tuisyen online dan bilik darjah yang kondusif untuk pelajar-pelajar daripada golongan berpendapatan 40% terendah. Penubuhan pusat ini juga bertujuan mengurangkan jurang pencapaian akademik dan meningkatkan prestasi pelajar daripada kalangan isi rumah berpendapatan 40% terendah. Peserta akan dipilih daripada senarai eKasih oleh Mesyuarat Focus Group peringkat negeri atau daerah. Antara kemudahan yang disediakan di TS adalah makmal komputer berhawa dingin yang dilengkapi dengan 40 buah komputer; kemudahan sistem pembelajaran; talian Internet; kemudahan cetakan, *scanning* dan *binding*; kelas tutorial; bilik perbincangan; fasilitator. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut.

a. Terminal Sejahtera Pontian Telah Berhenti Beroperasi

- i. Terminal Sejahtera Pontian terletak di Dataran Pontian dan diuruskan oleh Majlis Daerah Pontian telah mula beroperasi pada bulan April 2012 melalui peruntukan KWPKB berjumlah RM770,000. Setakat 31 Disember 2014, sejumlah RM732,187 telah dibelanjakan bagi tujuan operasi TS. Perbelanjaan yang dibuat termasuklah ubah suai bangunan; pembelian kelengkapan elektrik dan perabot; *learning content*, *software* dan *hardware*; pembayaran gaji kakitangan TS; perkhidmatan pembersihan; penyenggaraan bangunan dan lain-lain perbelanjaan berkaitan pengurusan TS. Berdasarkan rekod, program tuisyen online yang dilaksanakan oleh TS mendapat sambutan yang menggalakkan daripada kalangan ibu bapa/penjaga dan guru sekolah di sekitar Pontian. Seramai 935 orang pelajar telah menyertai program tuisyen TS antara bulan April 2012 hingga November 2013.
- ii. Lawatan Audit pada bulan September 2015 mendapati TS Pontian dilengkapi dengan kemudahan tuisyen online yang lengkap, selesa dan berada dalam keadaan baik tetapi pelaksanaannya hanya berjalan setakat Disember 2014 dan terpaksa dihentikan operasinya pada tahun 2015 kerana tiada peruntukan adalah seperti di **Gambar 2.37** dan **Gambar 2.38**.

Gambar 2.37
Terminal Sejahtera Pontian
Telah Berhenti Beroperasi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Terminal Sejahtera Pontian
Tarikh: 6 September 2015

Gambar 2.38
Terminal Sejahtera Pontian
Telah Berhenti Beroperasi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Terminal Sejahtera Pontian
Tarikh: 6 September 2015

- iii. Semakan Audit selanjutnya mendapati KPKT melalui surat bertarikh 15 Mei 2015 telah memaklumkan pihak kementerian tidak berhasrat untuk meneruskan program TS memandangkan tiada peruntukan baru diterima di bawah program ini. Semua PBT dinasihatkan mengambil langkah proaktif serta mencari kaedah alternatif bagi menjana pendapatan atau menggunakan peruntukan PBT untuk menampung kos pengurusan dan operasi TS sekiranya berhasrat meneruskan program ini.
- iv. **Berdasarkan maklum balas MDP pada 2 Februari 2016, TS Pontian telah dihentikan operasi kerana kekangan peruntukan. Bagaimanapun, MDP dalam proses untuk menubuhkan Yayasan Pontian yang akan mengambil alih pengurusan TS.**

Pada pendapat Audit, pelaksanaan TS Pontian adalah kurang memuaskan kerana telah tidak beroperasi semenjak Disember 2014 selepas 3 tahun digunakan menyebabkan perbelanjaan yang dikeluarkan oleh Kerajaan tidak dimanfaatkan sebaiknya.

2.4.2.5. Program Tautan Budi My Kasih Foundation

- a. Program Tautan Budi (PTB) dilaksanakan oleh My Kasih Foundation (NGO) bermula pada tahun 2012. Peruntukan bagi pelaksanaan program ini adalah dari Pejabat Menteri Besar dan dipantau oleh UPENJ. Pelaksanaan program ini adalah melalui sistem ePetrol dimana bantuan akan dikreditkan ke dalam akaun MyKad KIR sebanyak RM1,200 setahun (RM100 setiap bulan). Perbelanjaan hanya terhad di pasar raya yang telah ditetapkan untuk membeli keperluan asas seperti beras, roti, tepung, minyak masak dan lain-lain keperluan asas sahaja.

- b. Bermula pada Ogos 2012 hingga Mac 2015 sejumlah RM1,080,000 telah diperuntukkan untuk pelaksanaan PTB bagi 900 KIR di seluruh Negeri Johor. Semakan Audit mendapati sejumlah RM913,027 telah dibelanjakan melibatkan seramai 793 KIR. Sehingga Mac 2015, peruntukan yang disumbangkan oleh Kerajaan Negeri masih berbaki RM166,974. Butiran peruntukan serta perbelanjaan Program Tautan Budi bagi tempoh Ogos 2012 hingga Mac 2015 adalah seperti di **Jadual 2.12**.

Jadual 2.12
Peruntukan Dan Perbelanjaan Program Tautan Budi
Bagi Tempoh Ogos 2012 Hingga Mac 2015

Tahun	Peruntukan		Perbelanjaan		Baki (RM)
	(RM)	Bil. KIR	(RM)	Bil. KIR	
2013	360,000	300	327,702	275	32,299
2014	720,000	600	585,325	518	134,675
Jumlah	1,080,000	900	913,027	793	166,974

Sumber: UPENJ

- c. Pelaksanaan PTB pada tahun 2013 dimulakan dengan bantuan makanan di 5 buah Daerah iaitu Batu Pahat, Kluang, Ledang, Muar dan Segamat melibatkan 300 KIR. Berdasarkan laporan pelaksanaan program, bantuan PTB telah dimanfaatkan oleh 275 KIR. Manakala, seramai 25 KIR atau 8.3% penerima bantuan tidak menggunakan langsung bantuan yang diberikan. Seterusnya, pelaksanaan PTB pada tahun 2014 diteruskan ke semua 10 buah daerah di Negeri Johor melibatkan 600 KIR. Analisis Audit selanjutnya mendapati 86.3% atau 518 daripada 600 KIR memanfaatkan bantuan yang diterima, manakala 82 orang KIR tidak menggunakan langsung bantuan yang telah diberikan.
- d. Tinjauan Audit mengenai penggunaan bantuan PTB telah dibuat melalui panggilan telefon terhadap 90 sampel KIR bagi 3 daerah iaitu Johor Bahru, Kota Tinggi dan Pontian mendapati seramai 28 daripada 90 KIR telah menggunakan peruntukan tersebut dan berpuas hati dengan bantuan yang diberikan. Manakala 54 KIR tidak dapat dihubungi untuk pengesahan kerana nombor telefon telah tamat perkhidmatan dan nama KIR tiada dalam senarai eKasih. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 2.13**.

Jadual 2.13
Penerima Program Tautan Budi Bagi Tahun 2014

Bil.	Daerah	Jumlah Peserta	Jumlah Sampel Peserta	Digunakan	Tidak Digunakan	Tidak Dapat Dihubungi
1	Johor Bahru	61	30	9	2	19
2	Kota Tinggi	53	30	6	5	19
3	Pontian	60	30	13	1	16
	Jumlah	174	90	28	8	54

Sumber: Jabatan Audit Negara

- e. Perbualan telefon antara pihak Audit dan penerima bantuan PTB mendapati sebab 8 KIR tidak menggunakan sepenuhnya kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan melalui My Kasih Foundation adalah seperti berikut:
- i. 3 KIR tidak menggunakan kemudahan tersebut kerana beliau tidak dimaklumkan mengenai perkara tersebut;
 - ii. Seorang KIR tidak sihat pada tahun 2013 dan telah meninggal dunia pada tahun 2014;
 - iii. Seorang KIR hanya menggunakan untuk 10 bulan sahaja, baki lagi 2 bulan tidak digunakan kerana pasar raya berkaitan tidak membenarkan beliau mengambil barang kerana masalah sistem harga pada ketika itu;
 - iv. Seorang KIR hanya menggunakan untuk tempoh 10 bulan sahaja kerana pasar raya berkaitan tidak membenarkan beliau mengambil barang kerana telah tamat tempoh;
 - v. Seorang KIR hanya menggunakan RM498.35 kerana beliau dimaklumkan hanya boleh menggunakan RM500.00 sahaja; dan
 - vi. Seorang KIR tidak menggunakan kemudahan tersebut kerana MyKad beliau menghadapi masalah dan masih dalam siasatan Polis sehingga kini.
- f. **Berdasarkan maklum balas UPENJ pada 2 Februari 2016, program Tautan Budi dilaksanakan sepenuhnya oleh My Kasih Foundation dan UPENJ memantau pelaksanaan program melalui laporan yang disediakan oleh My Kasih Foundation.**

Pada pendapat Audit, UPENJ perlu memantau keberkesanan pelaksanaan Program Tautan Budi ini agar peruntukan yang diberikan sampai kepada KIR yang terlibat. Di samping itu juga, maklumat peserta Program Tautan Budi perlulah lengkap dan terkini supaya mudah untuk dihubungi kerana kebanyakan peserta tidak dapat dihubungi.

2.4.3. Maklum Balas Soal Selidik

Bagi mendapatkan maklum balas mengenai tahap kepuasan program bantuan yang telah diterima, pihak Audit telah mengedarkan 123 borang soal selidik. Hasil daripada borang soal selidik yang diedarkan kepada penerima bantuan mendapati seramai 81 orang penerima bantuan bekerja dan mempunyai pendapatan sendiri manakala 42 orang penerima lagi tidak bekerja. Analisis Audit selanjutnya mendapati 92.7% penerima bantuan berpuas hati dengan bantuan yang diberikan oleh Kerajaan. **Jadual 2.14** adalah berkaitan.

Jadual 2.14
Ringkasan Soal Selidik

Bil.	Perkara	Ya (Peserta)	Tidak (Peserta)
1	Kemudahan yang diberikan memuaskan hati	114	9
2	Kemudahan yang disediakan boleh digunakan	111	12
3	Kemudahan yang disediakan mencapai matlamat	118	5

Sumber: Jabatan Audit Negara

2.5. SYOR AUDIT

Bagi menambah baik pelaksanaan program pembasmian kemiskinan, adalah disyorkan supaya agensi pelaksana mempertimbangkan tindakan seperti berikut:

2.5.1. Penelitian yang terperinci hendaklah dilakukan sebelum bantuan diluluskan dan diberikan terutama bantuan peningkatan pendapatan dan kiosk. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah seperti minat, potensi dan pengalaman peserta serta lokasi perniagaan yang bakal mereka jalankan adalah strategik.

2.5.2. Menjalankan pemantauan yang lebih kerap kepada peserta bagi memastikan bantuan yang diberikan dimanfaatkan sepenuhnya untuk meningkatkan pendapatan golongan sasaran. Selain itu, pejabat perlu membantu peserta dari segi pemasaran produk supaya perniagaan yang dijalankan berdaya saing.

MAJLIS PERBANDARAN KULAI MAJLIS DAERAH SEGAMAT

3. PENGURUSAN PEROLEHAN

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) dan Majlis Daerah Segamat (MDS) merupakan 2 daripada 15 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Johor yang diwujudkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Setiap PBT bertanggungjawab terhadap pentadbiran, perancangan dan pembangunan kawasan operasi di bawah pentadbirannya. Pengurusan perolehan di MPKu diuruskan oleh Unit Pengurusan Kontrak dan Jabatan Kewangan manakala perolehan MDS diuruskan oleh Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta, Jabatan Bangunan Dan Kejuruteraan serta Jabatan Kewangan yang bertindak sebagai urus setia untuk memastikan pengurusan kewangan dan perakaunan dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan selaras dengan Arahan Perbendaharaan dan peraturan kewangan yang ditetapkan.

3.1.2. Selain daripada menggunakan peruntukan sendiri, MPKu dan MDS turut menerima sumber peruntukan daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan bagi melaksanakan perolehan. Pada tahun 2013 hingga 2015, kedua-dua Majlis telah membuat perolehan secara pembelian terus, sebut harga dan tender seperti di **Jadual 3.1**.

Jadual 3.1
Pecahan Mengikut Kaedah Perolehan Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

PBT	Tahun	Pembelian Terus		Sebut Harga		Tender		Jumlah Perolehan	Jumlah (RM Juta)
		(Bil.)	(RM Juta)	(Bil.)	(RM Juta)	(Bil.)	(RM Juta)		
MPKu	2013	2,731	35.91	130	30.24	16	17.94	2,877	84.09
	2014	2,830	37.08	163	29.21	21	29.12	3,014	95.41
	2015	2,459	37.13	172	35.18	20	17.28	2,651	89.59
Jumlah		8,020	110.13	465	94.63	57	64.34	8,542	269.09
MDS	2013	1,873	4.61	83	12.48	4	3.19	1,960	20.28
	2014	1,776	4.44	85	11.99	7	10.52	1,868	26.95
	2015	1,482	7.18	69	11.12	7	4.86	1,558	23.16
Jumlah		5,131	16.23	237	35.59	18	18.57	5,386	70.39

Sumber: MPKu Dan MDS

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan perolehan bekalan kerja/perkhidmatan telah dirancang dan diuruskan dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai matlamat yang ditetapkan.

3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi perolehan yang dilakukan dari tahun 2013 hingga Jun 2015. Pemeriksaan dijalankan terhadap rekod dan dokumen perolehan yang berkaitan serta aset yang diperoleh. Selain itu, lawatan Audit ke tapak projek juga dilaksanakan dengan kerjasama pegawai daripada MPKu dan MDS. Temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab telah dilakukan bagi mendapatkan maklum balas dan pengesahan. *Exit Conference* bersama-sama Yang Dipertua Majlis, Setiausaha dan pegawai kanan MDS dan MPKu telah diadakan masing-masing pada 26 Januari 2016 dan 3 Februari 2016.

3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei 2015 hingga September 2015 mendapati pengurusan perolehan secara tender, sebut harga dan pembelian terus di MDS dan MPKu secara keseluruhannya adalah memuaskan kerana pemilihan kontraktor dilaksanakan secara teratur, perolehan kerja disiapkan mengikut jadual dan perolehan pembelian terus dilaksanakan secara teratur dan berhemat. Bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan seperti di perenggan berikut:

- Pelaksanaan tidak mematuhi spesifikasi kerja.
- Perolehan perkhidmatan melebihi RM50,000 setahun di MPKu tidak dipelawa secara sebut harga.
- Arahan Perubahan Kerja (APK) di MPKu diluluskan selepas pembayaran penuh.
- Bayaran perolehan di MPKu dijelaskan sebelum perkhidmatan diselesaikan.

3.4.1. Pelaksanaan Perolehan

3.4.1.1. Pelantikan Kontraktor/Pembekal

- a. Arahan Perbendaharaan 193, Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009 dan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK 2/2013 mengenai Had Nilai, Kuasa Dan Tanggungjawab Lembaga Perolehan Agensi telah menggariskan beberapa peraturan yang perlu dipatuhi semasa pemilihan kontraktor. Semua perolehan hendaklah yang paling menguntungkan kerajaan berdasarkan faktor harga, perkhidmatan atau kegunaan barangan, kualiti, kuantiti, tempoh siap/serahan, kos penyenggaraan dan faktor lain yang berkaitan.
- b. Semakan Audit terhadap 10 sampel tender, 60 sampel sebut harga dan 300 pembelian terus di MPKu serta 5 sampel tender, 60 sampel sebut harga dan 200 pembelian terus di MDS mendapati secara umumnya peraturan pemilihan kontraktor bagi perolehan yang dibuat telah mematuhi kehendak dan peraturan ditetapkan. Perolehan yang dilaksanakan juga adalah yang paling menguntungkan dan pemilihan

kontraktor telah mengguna pakai kriteria yang patut dipertimbangkan. Laporan Siap Kerja dan Penilaian Kerja Kontraktor telah dilengkapkan dan difailkan dalam setiap fail mengikut projek perolehan yang dilaksanakan.

3.4.1.2. Prestasi Pelaksanaan Perolehan Kerja

- a. Semakan Audit terhadap 120 fail perolehan kerja MPKu dari tahun 2013 hingga Jun 2015 mendapati 77 atau 64.2% perolehan telah berjaya dilaksanakan oleh kontraktor mengikut tarikh yang ditetapkan. Sebanyak 7 perolehan masih dalam pembinaan dan 36 perolehan telah disiapkan dengan lanjutan masa. Tempoh lanjutan masa yang telah diluluskan adalah antara 7 hingga 120 hari. Antara sebab permohonan lanjutan masa adalah faktor cuaca, perubahan kerja, kesukaran penyewaan jentera dan masalah bekalan bahan binaan. Kegagalan kontraktor untuk melaksanakan perolehan mengikut perancangan awal MPKu telah menyebabkan kemudahan tersebut lewat dinikmati oleh orang awam.
- b. Semakan Audit terhadap 100 fail perolehan kerja MDS dari tahun 2013 hingga April 2015 mendapati sebanyak 98 perolehan telah berjaya dilaksanakan oleh kontraktor mengikut tarikh yang ditetapkan. Sebanyak 1 perolehan masih dalam pembinaan dan 1 telah disiapkan dengan lanjutan masa. Projek lewat disiapkan daripada jadual asal kerana kelewatan penyerahan tapak.
- c. Butiran terperinci prestasi pelaksanaan perolehan MPKu dan MDS adalah seperti di **Jadual 3.2**.

Jadual 3.2
Prestasi Pelaksanaan Perolehan Kerja Bagi Tahun 2013 Hingga Jun 2015

PBT	Bil. Sampel	Jumlah Kos (RM Juta)	Status					
			Kerja Dalam Pembinaan	Peratus (%)	Siap Dalam Tempoh	Peratus (%)	Siap Dengan Lanjutan Masa	Peratus (%)
MPKu	120	37.41	7	5.8	77	64.2	36	30.0
MDS	100	18.81	1	1.0	98	98	1	1.0

Sumber: MPKu Dan MDS

Pada pendapat Audit, prestasi pelaksanaan perolehan kerja oleh MDS adalah baik manakala di MPKu adalah memuaskan. MPKu hendaklah meningkatkan pemantauan bagi memastikan projek yang dilaksanakan dapat disiapkan mengikut perancangan asal.

3.4.2. Pematuhan Spesifikasi Kerja

Pelaksanaan kontrak kerja hendaklah mengikut butiran kerja dan spesifikasi yang telah ditetapkan dalam dokumen kontrak dan sebarang perubahan kerja/bekalan perlu mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Pegawai Penguasa. Laporan dan Perakuan Siap Kerja

hendaklah disediakan dengan pengesahan bahawa semua kerja dan spesifikasi kontrak telah dipenuhi, sebelum pembayaran dibuat.

3.4.2.1. Pemeriksaan fizikal terhadap 60 projek MDS mendapati 54 atau 90% perolehan kerja telah disiapkan mengikut jadual dan mematuhi spesifikasi kerja yang telah ditetapkan. Bagaimanapun 6 perolehan kerja bernilai RM0.58 juta tidak mematuhi spesifikasi kerja yang ditetapkan dan Arahan Perubahan Kerja (APK) tidak disediakan. Butiran perolehan kerja terlibat adalah seperti di **Jadual 3.3**.

Jadual 3.3
Senarai Projek MDS Yang Tidak Mengikut Spesifikasi

Bil.	Projek	No. Inden/ No. Sebut Harga	Kos Projek (RM)	Item Tidak Dibekalkan
2013				
1	Menaiktaraf Gerai Hentian Jalan Genuang Untuk Dijadikan Pusat Kaunter Informasi MDS.	I 000093	10,450	<ul style="list-style-type: none"> Pintu kayu digantikan pintu cermin. 1 tingkap gelongsor berserta bingkai aluminium. Kekisi besi untuk pintu dan tingkap. Gambar 3.1
2	Menaiktaraf Bumbung, Bilik Mesyuarat Dan Jamuan Majlis Daerah Segamat Serta Kerja-Kerja Lain Yang Berkaitan.	MDS/PPH/PJBT/01/13	240,000	<ul style="list-style-type: none"> <i>Cooker Hood</i> dan <i>Exhaust Fan</i> diganti dengan kabinet dapur. Gambar 3.2
3	Membina Infrastruktur Pelancongan Di Jeram Tinggi Jementah, Segamat.	MDS/P-65/2013 (SH)PL	110,000	<ul style="list-style-type: none"> <i>Hand-railing</i>, digantikan tong sampah dan <i>signboard</i> 'Jagalah Kebersihan'. Gambar 3.3
2014				
4	Menaiktaraf Bumbung Dan Membaikpulih Kerosakan Pada Lantai Serta Kerja2 Berkaitan Di Pasar Awam Segamat.	I 000123	13,170	<ul style="list-style-type: none"> Pintu kayu <i>solid</i>. Gambar 3.4
5	Membina 1 Unit Pondok Menunggu Bas Di Jalan Putra 1/44, Bandar Putra Serta Membina Semula Tempat Duduk Konkrit Pondok Menunggu Bas Di Sekitar Kawasan Segamat	I 000106	20,000	<ul style="list-style-type: none"> Lantai tiada kemasan jubin Bar keluli berongga penghadang depan tidak dikrom. Gambar 3.5
6	Membina Parit 'U' Di Taman Yayasan Fasa 1, Buloh Kasap, Segamat.	MDS/P-06/2014 (SH)BP.1	190,000	<ul style="list-style-type: none"> Bebendul 80mm dan 70mm pada kedua-dua belah longkang 'U' tidak dibina. Gambar 3.6
Jumlah			583,620	

Sumber: MDS

Gambar 3.1
Kerja Tidak Mengikut Spesifikasi



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Jalan Genuang, Segamat
 Tarikh: 21 Mei 2015

Gambar 3.2
Kabinet Dibina Menggantikan Cooker Hood & Exhaust Fan



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Bilik Jamuan, MDS
 Tarikh: 21 Mei 2015

Gambar 3.3
Handrailing Tidak Dibina



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Jeram Tinggi, Jementah, Segamat
 Tarikh: 19 Mei 2015

Gambar 3.4
Pintu Kayu Solid Tidak Dibekalkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Jeram Tinggi, Jementah, Segamat
 Tarikh: 19 Mei 2015

Gambar 3.5
Lantai Tiada Kemasan Jubin Dan Pengadang Besi Tidak Dicrome



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Pondok Bas di Bandar Putra
 Tarikh: 20 Mei 2015

Gambar 3.6
Bendul Parit Tidak Dibina



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Taman Yayasan Fasa 1, Segamat
 Tarikh: 20 Mei 2015

3.4.2.2. Menurut maklum balas MDS bertarikh 15 Januari 2016, semua kerja yang tidak mematuhi spesifikasi telah digantikan dengan kerja lain yang lebih mendesak. Penggantian kerja tersebut telah mendapat kelulusan Ketua Jabatan. MDS akan memastikan APK dibuat sekiranya terdapat perubahan spesifikasi kerja.

Pada pendapat Audit, setiap perubahan kerja perlu dibuat dengan teratur kerana ia melibatkan harga yang boleh menambah atau mengurangkan nilai kontrak.

3.4.2.3. Pemeriksaan fizikal terhadap 60 projek MPKu mendapati 96.7% atau 58 projek telah disiapkan mengikut masa dan mematuhi spesifikasi kerja yang telah ditetapkan. Bagaimanapun 2 projek bernilai RM0.21 juta tidak mematuhi spesifikasi kerja yang telah ditetapkan dan APK tidak disediakan. Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 3.4**.

Jadual 3.4
Senarai Projek MPKu Yang Tidak Mengikut Spesifikasi

Bil.	Projek	No. Inden/ No. Sebut Harga	Kos Projek (RM)	Item Tidak Dibekalkan
2014				
1	Kerja-kerja Pembersihan Tandas, Gerai Dan Pasar Awam (Zon 6:Gerai Dan Gerai Buah Taman Mas) Bagi Tempoh 15 Bulan.	MPKu/S/127/2014	60,000	<ul style="list-style-type: none"> Mesin pengering lantai. Papan tanda piawai kerja.
2	Kerja-kerja Membekal Dan Memasang Peralatan Bagi Pembinaan Pusat Pembangunan Dan Kegiatan Belia Kawasan PBT Negeri Johor.	MPKu/S/170/2014	150,000	<ul style="list-style-type: none"> Power amplifier 2800w digantikan dengan 2500w. Gambar 3.7
Jumlah			210,000	



Gambar 3.7
Power Amplifier 2500W Yang Diganti

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Pembangunan Dan Kegiatan Belia
Tarikh: 25 Ogos 2015

3.4.2.4. Menurut maklum balas MPKu pada 15 Januari 2016, Majlis mengambil maklum teguran Audit dan telah mengarahkan pihak kontraktor menggantikan power amplifier seperti yang telah ditetapkan. Selain itu pemotongan bayaran akan dilakukan pada bulan terakhir perkhidmatan kontrak bagi kerja yang tidak dilaksanakan.

Pada pendapat Audit, perolehan kerja oleh MDS dan MPKu adalah memuaskan. Bagaimanapun Majlis hendaklah memastikan sebarang APK ketika pelaksanaan kerja disediakan dan diluluskan sewajarnya.

3.4.3. Perolehan Perkhidmatan Melebihi RM50,000 Setahun Di MPKu Tidak Dipelawa Secara Sebut Harga

3.4.3.1. Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK 2/2013 menyatakan perolehan bekalan atau perkhidmatan yang bernilai melebihi RM50,000 hingga RM500,000 setahun hendaklah dipelawa secara sebut harga. Bagi perolehan kerja melebihi RM20,000 hingga RM50,000 setahun atau sesuatu kontrak hendaklah dibuat secara sebut harga dengan mempelawa sekurang-kurangnya 3 pembekal tempatan.

3.4.3.2. Semakan Audit terhadap 120 perolehan kerja/perkhidmatan secara lantikan terus di Bahagian Kesihatan dan Bahagian Landskap, MPKu mendapati 3 perkhidmatan pembersihan berkala berjumlah RM1.14 juta dan 13 kerja landskap berjumlah RM3.40 juta tidak dipelawa secara sebut harga untuk tempoh antara Januari 2013 hingga September 2014. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.5** dan **Jadual 3.6**.

Jadual 3.5
Senarai Kerja Pembersihan MPKu Yang Tidak Dipelawa Sebut Harga
Bagi Tahun 2014

Bil.	Perkara	Zon	Jumlah (RM)
1	Cadangan Kerja-Kerja Pembersihan Rumah Kedai Jan- Ogos	1	56,243
		2	59,349
		4	58,944
		5	64,383
		6	52,665
		7	54,137
		8	51,045
		10	54,258
		11	55,045
		Jumlah	
2	Cadangan Kerja-Kerja Pembersihan Awam Dan Potong Rumput Jan- Sept	1	62,621
		2	82,113
		3	63,773
		4	72,960
		5	69,351
		6	59,514
Jumlah			410,332
3	Cadangan Kerja-Kerja Pembersihan Tandas, Gerai Dan Pasar Awam – Jan - Ogos	2	59,953
		4	100,480
		6	67,270
Jumlah			227,703
Jumlah Keseluruhan			1,144,104

Sumber: MPKu

Jadual 3.6
Senarai Kerja Landskap MPKu Yang Tidak Dipelawa Secara Sebut Harga
Bagi Tahun 2013 Dan 2014

Bil.	Kerja	2013	Nilai Perolehan (RM)	2014	Nilai Perolehan (RM)
1	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Landskap Di Sekitar Jalan Lapangan Terbang Antarabangsa Senai, Simpang Masuk Masjid Lapangan Terbang Dan Jalan Protokol Lapangan Terbang Antarabangsa Senai.	Jan Hingga Dis	200,544	Jan Hingga Mei	83,560
2	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Landskap Dipersekitaran Jalan Masuk Sengkang Dengan Persekitaran Lampu Isyarat Ke Tol Kulai.		166,296		69,690
3	Kerja-Kerja Mencantas, Membentuk Pokok Syzgium Companulatum, Memotong Dan Membersih Rumput. Dihadapan Arked Mara Jalan Kota Tinggi Hingga Ke Kulai Besar.		234,516		97,715
4	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Landskap Bunga Raya Di Sepanjang Jalan Mulia Daripada Sempadan MPJBT Hingga Ke Pekan Senai.		232,420		96,841
5	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Landskap Bunga Raya Di Sepanjang Jalan Mulia Daripada Pekan Senai Hingga Ke Jejantas Bandar Putra/Indahpura.		226,672		94,445
6	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Landskap Di Jalan Susur 2, Kulai Besar.		218,612		91,088
7	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Landskap Di Sekitar Susur Masuk Dan Susur Keluar Ke Lapangan Terbang Senai Dan Susur Keluar Dari Taman Aman.		221,092		92,122
8	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Landskap Di Bahagian Tengah Sepanjang Jalan Lapangan Terbang Antarabangsa Senai.		238,420		99,341
9	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Landskap Di Sempadan MPJBT Hingga Susur Masuk Lebuhraya Utara Selatan.		238,924		99,551
10	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Landskap Di Sepanjang Jalan Kiri Dan Kanan Lapangan Terbang Antarabangsa Senai.		236,020		98,341
11	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Landskap Di Lereng Bukit Hadapan Pejabat Majlis Perbandaran Kulai.	TB	97,480		
12	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Landskap Di Kawasan Hadapan Pejabat LLM (Tol Lama) Senai.	TB	99,240		
13	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Landskap Di Kawasan Persimpangan Tol Sedenak Bukit Batu.	TB	70,115		
Jumlah			2,213,516		1,189,529
Jumlah Keseluruhan			3,403,045		

Sumber: MPKu

Nota: TB = Tidak Berkenaan

3.4.3.3. Analisis Audit terhadap perbandingan kos 9 kerja pembersihan dan landskap MPKu bagi tempoh yang sama iaitu 12 bulan mendapati pada tahun 2015, terdapat penjimatan berjumlah RM0.16 juta selepas perolehan dibuat secara sebut harga berbanding tahun 2013 yang dilaksanakan secara lantikan terus. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 3.7**.

Jadual 3.7

Senarai Kerja Dan Lebihan Kos Bagi Sebut Harga Dan Lantikan Terus Antara 2013 Hingga 2015

Bil.	Kerja	Nilai Sebut Harga (a)	Nilai Lantikan Terus (b)	Beza [a-b] (RM)
		Nov 2014 – Okt 2015 (12 bulan) (RM)	Jan – Dis 2013 (12 Bulan) (RM)	
1	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Landskap Di Jalan Susur 2, Kulai Besar.	204,308	218,612	(14,304)
2	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Landskap Di Sempadan MPJBT Hingga Susur Masuk Lebuhraya Utara Selatan.	219,972	238,923	(18,951)
3	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Landskap Di Persekitaran Jalan Masuk Sengkang Dan Persekitaran Lampu Isyarat Ke Tol Kulai.	150,650	166,296	(15,646)
4	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Landskap Bunga Raya Di Sepanjang Jalan Mulai Daripada Pekan Senai Hingga Ke Jejantas Bandar Putra/Indahpura.	211,540	229,152	(17,612)
5	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Landskap Di Sekitar Susur Masuk Dan Susur Keluar Lapangan Terbang Antarabangsa Senai Dan Susur Keluar Dari Taman Aman.	198,357	218,612	(20,255)
6	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Landskap Di Bahagian Tengah Sepanjang Jalan Lapangan Terbang Antarabangsa Senai.	215,680	238,419	(22,739)
7	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Landskap Di Sepanjang Jalan Kiri Dan Kanan Lapangan Terbang Antarabangsa Senai.	223,000	236,019	(13,019)
8	Kerja-Kerja Mencantas, Membentuk Pokok Syzygium Campanulatum, Memotong Dan Membersih Rumput Dihadapan Arked Mara, Jalan Kota Tinggi Hingga Ke Kulai Besar.	215,000	234,516	(19,516)
9	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Landskap Di Sepanjang Jalan Mulai Daripada Sempadan MPJBT Hingga Ke Pekan Senai.	213,874	232,419	(18,545)
Jumlah		1,852,381	2,012,968	(160,587)

Sumber: MPKu

3.4.3.4. Menurut maklum balas MPKu pada 15 Januari 2016, Majlis mengambil maklum teguran audit. Lantikan kepada syarikat sama adalah bagi memastikan kesinambungan perkhidmatan penyelenggaraan setiap bulan. Mulai September 2014, semua kerja berkala telah mengikut tatacara perolehan yang telah ditetapkan.

Pada pendapat Audit, pihak pengurusan MPKu hendaklah memastikan semua tatacara perolehan dipatuhi bagi memastikan Majlis mendapat *value for money* bagi setiap ringgit yang dibelanjakan.

3.4.4. Pentadbiran Kontrak

3.4.4.1. Arahan Perubahan Kerja (APK) Diluluskan Selepas Pembayaran Penuh

Arahan Perubahan Kerja (APK) hendaklah diluluskan oleh Jawatankuasa Sebut Harga terlebih dahulu sebelum perubahan kerja dilaksanakan. Selain itu APK hendaklah diluluskan sebelum bayaran muktamad atau penuh boleh dijelaskan. Ini adalah bagi memastikan setiap perubahan kerja telah diperakukan. Semakan Audit mendapati:

- a. Sebanyak 11 projek MPKu bernilai RM1.74 juta bagi tahun 2013 dan 2014 yang melibatkan perubahan kerja telah diluluskan oleh Jawatankuasa Sebut Harga selepas pembayaran penuh dijelaskan di antara 5 hingga 507 hari seperti di **Jadual 3.8**.

Jadual 3.8
APK Diluluskan Selepas Pembayaran Penuh

Bil.	Perihal/ No. Sebut Harga	Kos Perolehan (RM Juta)	Tarikh Kerja Siap	Tarikh Bayaran	Tarikh Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga	Tempoh Kelewatan (Hari)
2013						
1	Penyelenggaraan Dan Menaiktaraf Dewan Serbaguna Kampung Rahmat. MPKu/S/77/2013	0.11	2.9.2013	27.2.2014	5.7.2015	493
2	Menaiktaraf Stor Tukang MPKu. MPKu/S/80/2013	0.10	31.12.2013	13.2.2014	5.7.2015	507
3	Membina Pagar dan Kerja Berkaitan Di Dewan Serbaguna Kampung Melayu. MPKu/S/81/2013	0.11	31.12.2013	27.2.2014	5.7.2015	493
4	Menaiktaraf Taman Permainan Di Tmn Putri Fasa 1. MPKu/S/123/2013	0.08	26.1.2014	27.2.2014	5.7.2015	493
5	Membina Gelanggang Futsal Di Jalan Rajawali Bandar Putera. MPKu/S/13/2013	0.10	10.6.2013	5.7.2013	13.4.2014	282
6	Menaiktaraf Lampu Isyarat di Persimpangan Jalan Persekutuan Taman Wedo, Kelapa Sawit. MPKu/S/23/2013	0.12	24.6.2013	31.7.2013	5.8.2013	5
Jumlah		0.62				

Bil.	Perihal/ No. Sebut Harga	Kos Perolehan (RM Juta)	Tarikh Kerja Siap	Tarikh Bayaran	Tarikh Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga	Tempoh Kelewatan (Hari)
2014						
7	Menaiktaraf Dan Menyelenggara Taman Permainan Kanak-Kanak Di Hutan Bandar Putra. MPKu/S/169/2014	0.33	1.12.2014	29.1.2015	5.7.2015	157
8	Membina Stor, Pentas, Tandas Serta Kerja Membaikpulih Lantai Gelanggang Terbuka Di Taman Putri Fasa 6. MPKu/S/173/2014	0.12	7.1.2015	29.1.2015	5.7.2015	157
9	Menaiktaraf Gelanggang Berbumbung Dan Kerja-kkerja Berkaitan Di Atas Rizab Balairaya Rumah Murah Kelapa Sawit. MPKu/S/186/2014	0.32	11.1.2015	29.1.2015	5.7.2015	157
10	Membina Balai Serbaguna Serta Kerja-kkerja Berkaitan Di Jln Matahari Indahpura. MPKu/S/145/2014	0.16	17.12.2014	29.1.2015	5.7.2015	157
11	Kerja-kkerja Menaiktaraf Kedai Pejabat Dan Gerai Majlis Di Batu 25 (Tepi Jalan Kulai – Bukit Batu) Kelapa Sawit. MPKu/S/16/2014	0.19	14.4.2014	2.9.2014	24.9.2014	22
Jumlah		1.12				
Jumlah Keseluruhan		1.74				

Sumber: MPKu

- b. **Menurut maklum balas MPKu pada 15 Januari 2016, Majlis menyatakan semua perubahan kerja telah mendapat kelulusan Pegawai Penguasa dan diperakukan dalam kelulusan pembayaran yang dibuat. Majlis melalui arahan bertulis Pegawai Penguasa telah mengambil tindakan mempertingkatkan kawalan dalaman dan mengemas kini prosedur kerja bagi membolehkan APK diproses mengikut peraturan yang telah ditetapkan.**

3.4.4.2. Inden Kerja Dan Pesanan Kerajaan Lewat Dikeluarkan

- a. Inden kerja hendaklah dikeluarkan kepada kontraktor/pembekal terlebih dahulu sebelum sesuatu perolehan dilaksanakan.

- i. Semakan Audit di MPKu mendapati 11 inden kerja secara sebut harga bernilai RM1.68 juta lewat dikeluarkan antara 20 hingga 71 hari seperti di **Jadual 3.9**. Selain itu 45 inden kerja secara lantikan terus bagi kerja-kerja kecil seperti penyenggaraan landskap dan kerja pembersihan juga lewat dikeluarkan antara 1 hingga 6 bulan. Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 3.10**.

Jadual 3.9
Inden Kerja Lewat Dikeluarkan

Bil.	Perihal/ No. Sebut Harga	Kos Perolehan (RM Juta)	Tarikh Mula Kerja	Tarikh Inden	Kelewatan (Hari)
2014					
1	Menaiktaraf Bilik Persatuan Bola Sepak Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Stadium Mini, Daerah KulaiJaya MPKu/S/139/2014	0.05	7.10.2014	27.10.2014	20
2	Membina Balai Serbaguna Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Jalan Matahari MPKu/S/145/2014	0.15	7.10.2014	27.10.2014	20
3	Membina Balairaya Serbaguna Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Kg. Melayu Kulai MPKu/S/146/2014	0.15	7.10.2014	27.10.2014	20
4	Menaiktaraf Longkang Konkrit Di Jalan Temenggong Dan Jalan Panglima MPKu/S/149/2014	0.09	7.10.2014	27.10.2014	20
5	Menaiktaraf Longkang Konkrit Di Jalan Sentosa Dan Jalan Berkat, Kg Jaya Sepakat, Senai MPKu/S/150/2014	0.05	7.10.2014	27.10.2014	20
6	Kerja-kerja Menaiktaraf Dan Kerja-kerja Berkaitan Di Dewan Serbaguna Di Atas Lot MLO 8917, Kg Melayu Sedenak MPKu/S/167/2014	0.11	7.10.2014	27.10.2014	20
7	Membina Dewan Terbuka Di Kawasan Jalan Kemboja, Taman Indahpura MPKu/S/168/2014	0.26	7.10.2014	27.10.2014	20
8	Menaiktaraf Dan Menyelenggara Permainan Kanak-kanak Di Hutan Bandar Putra MPKu/S/169/2014	0.33	7.10.2014	27.10.2014	20
9	Kerja-kerja Membekal Dan Memasang Peralatan Bagi Pembinaan Pusat Pembangunan Dan Kegiatan Belia Kawasan PBT Negeri Johor MPKu/S/170/2014	0.15	7.10.2014	27.10.2014	20
Jumlah		1.34			
2015					
10	Membekal Dan Memasang Iklan Kekotak Berlampu MPKu/S/12/2015	0.20	16.3.2015	25.05.2015	71
11	Memperbaiki Surau Ibnu Makhtum MPKu MPKu/S/13/2015	0.14	6.4.2015	17.5.2015	42
Jumlah		0.34			
Jumlah Keseluruhan		1.68			

Sumber: MPKu

Jadual 3.10
Inden Kerja Lewat Dikeluarkan

Tahun	Bil. Inden	Bulan Kerja Dilaksanakan	Tarikh Inden	Kelewatan (Bulan)
2013	2	Januari	9.4.2013 10.06.2013	4 - 6
	2	Februari	9.4.2013 10.6.2013	3 - 5
	2	Mac	9.4.2013 10.6.2013	2 - 4
	2	April	9.4.2013 10.6.2013	1 - 3
2014	1	Oktober	18.11.2013	2
	1	Februari	7.7.2014	6
	1	Mac	7.7.2014	5
	1	April	17.9.2014	6
	1	Mei	17.9.2014	5
	15	Ogos	19.10.2014	3
	15	September	19.10.2014	2
Jumlah	45			

Sumber: MPKu

- b. Arahan Perbendaharaan 176.1(d) menetapkan Pesanan Kerajaan hendaklah dikeluarkan pada masa barang-barang dipesan bagi memastikan peruntukan sedia ada mencukupi. Semakan Audit di MPKu mendapati 266 pesanan kerajaan berjumlah RM0.98 juta yang melibatkan 344 bil/invois telah lewat dikeluarkan antara 1 hingga 358 hari kepada pembekal yang mana perkhidmatan telah dibuat terlebih dahulu. Ringkasan kelewatan pengeluaran pesanan Kerajaan adalah seperti di **Jadual 3.11**.

Jadual 3.11
Kelewatan Pesanan Kerajaan Bagi Tahun 2013 Hingga Julai 2015

Tempoh Kelewatan (Hari)	Bilangan Pesanan Kerajaan	(%)	Bilangan Bil/Invois	Jumlah (RM)
< 100	232	87.2	301	901,048.88
101 - 200	32	12	41	71,264.00
201 - 300	0	0	0	0
301 - 400	2	0.8	2	12,492.00
Jumlah	266	100	344	984,804.88

Sumber: MPKu

- c. **Menurut maklum balas MPKu pada 15 Januari 2016, faktor kelewatan adalah kerana terdapat kerja mengejut ataupun di luar jangkaan Majlis. Majlis akan menambah baik dan memperkemas proses kerja ke arah lebih sempurna.**

Pada pendapat Audit, MDS dan MPKu hendaklah memastikan semua tatacara perolehan dipatuhi bagi melindungi kepentingan Majlis.

3.4.5. Pengurusan Bayaran Perolehan

3.4.5.1. Tempoh Bayaran

- a. Semakan Audit di MDS mendapati sebanyak 8 sebut harga bernilai RM0.69 juta telah dibayar antara 31 hingga 153 hari daripada tarikh invoice adalah seperti di **Jadual 3.12**.

Jadual 3.12
Tempoh Bayaran Perolehan Sebut Harga Bagi Tahun 2013 Hingga 2014

Bil.	No. Sebut Harga	Amaun (RM)	Tarikh Kerja Siap	Tarikh Invoice (a)	Tarikh Bayaran (b)	Tempoh Bayaran (Hari) (a-b)
2013						
1	Menaiktaraf Dan Membaikpulih Gerai Jementah, MDS. MDS/PPH/GRI/02/13	34,450	30.4.2013	30.5.2013	30.10.2013	153
2	Menaiktaraf Dan Membaikpulih Gerai Taman Pelangi, MDS. MDS/PPH/GRI/01/13	46,530	30.4.2013	12.5.2013	2.7.2013	51
3	Menaiktaraf Bumbung, Bilik Mesyuarat Dan Jamuan Majlis Daerah Segamat Serta Kerja-Kerja Lain Yang Berkaitan. MDS/PPH/PJBT/01/13	240,289	10.10.2013	30.10.2013	22.1.2014	84
2014						
4	Membina Baru 2 Unit Rumah Kediaman Jenis Kekal 3 Bilik Bagi Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) Di Atas Sebahagian Lot 10832 Jalan Pemuda Dan Lot 26117 Kampung Tungku Tiga, Mukim Sungai Segamat, Segamat. MDS/P-01/2014(SH)PPKB	79,000	9.6.2014	9.8.2014	23.10.2014	75
5	Membina Jalan Masuk Dan Dataran Kejut Di Laman Komuniti Bandar Putra, Segamat. MDS/P-61/2014(SH) M	64,800	21.7.2014	21.7.2014	2.11.2014	104
6	Menaiktaraf Lantai Dan Siling Bangunan Pejabat Majlis Daerah Segamat Serta Kerja-Kerja Lain Yang Berkaitan. MDS/PPH/PJBT/14/01	97,869	13.8.2014	13.8.2014	9.10.2014	57
7	Menaiktaraf Dapur Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Kediaman Rasmi Yang Dipertua MDS. MDS/PPH/KR/14/02	59,503	20.10.2014	20.10.2014	29.12.2014	70
8	Menaiktaraf Ruang Kerja Untuk Dijadikan Pejabat Unit Kesejahteraan Bandar Di Bangunan Pejabat Pusat Kecil Jementah, Segamat. MDS/PPH/UKB/14/01	63,660	25.12.2014	26.12.2014	26.1.2015	31
Jumlah		686,101				

Sumber: MDS

- b. Menurut maklum balas MDS pada 15 Januari 2016, dokumen yang dikemukakan oleh pihak kontraktor tidak lengkap. Bagi tujuan penambahbaikan senarai semak dokumen yang diperlukan akan diberikan kepada kontraktor sebelum tuntutan pembayaran dibuat.
- c. Semakan Audit di MPKu mendapati sebanyak 16 sebut harga bernilai RM2.70 juta telah dibayar antara 27 hingga 190 hari daripada tarikh invois adalah seperti di **Jadual 3.13**.

Jadual 3.13
Tempoh Bayaran Perolehan Sebut Harga Bagi Tahun 2013 Hingga Jun 2015

Bil.	Sebut Harga	Kos Perolehan (RM Juta)	Tarikh Kerja Siap	Tarikh Invois (a)	Tarikh Bayaran (b)	Tempoh Bayaran (Hari) (a-b)
2013						
1	Pembinaan Padang Bola Sepak Di Jalan Merak, Bandar Putra (MPKu/S/64/2013)	0.11	30.9.2013	8.11.2013	29.1.2014	82
2	Cadangan Kerja-Kerja Penyelenggaraan Dan Menaiktaraf Dewan Serbaguna Kg. Rahmat Serta Kerja-Kerja Berkaitan, Kelapa Sawit Kulai (MPKu/S/77/2013)	0.11	2.9.2013	18.9.2013	27.2.2014	162
3	Cadangan Membina Infrastruktur Dan Kemudahan Di Stadium Mini Taman Putri (MPKu/S/82/2013)	0.18	24.12.2013	24.12.2013	27.2.2014	65
4	Cadangan Kerja-Kerja Menaiktaraf Longkang Konkrit Di Fasa 4, Taman Putri, Daerah Kulaijaya (MPKu/S/67/2013)	0.19	23.10.2013	25.10.2013	6.12.2013	42
5	Cadangan Mengecat Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Rumah Pangsa Kos Rendah (Blok 2,4,5 Dan 6) Jalan Cengal Bandar Putra (MPKu/S/115/2013)	0.45	17.1.2014	17.1.2014	13.2.2014	28
6	Kerja-kerja Membina Tempat Meletak Kenderaan Di Kawasan Lapang Hadapan Sekolah Agama Kota Kulai, Jln. Sri Putri 18/4, Tmn. Putri (MPKu/S/132/2013)	0.08	5.1.2014	22.1.2014	27.2.2014	27
7	Cadangan Kerja-Kerja Membina Pusingan Bulatan Di Jalan Senai Utama 3, Taman Senai Utama, Senai, Daerah Kulaijaya (MPKu/S/25/2013)	0.08	3.6.2013	2.7.2013	31.7.2013	29
8	Cadangan Kerja-Kerja Membina Bumbung Untuk Gelanggang Bola Keranjang Di Taman Bahagia, Senai (MPKu/S/26/2013)	0.20	15.7.2013	6.8.2013	2.10.2013	57
9	Cadangan Kerja-Kerja Menaiktaraf Rumah Pangsa Sri Bayu Taman Desa Idaman, Senai (MPKu/S/44/2013)	0.25	23.7.2013	29.7.2013	23.12.2013	147
10	Cadangan Rezab Tapak Tempat Meletakkan Lori Bandar Putra, Daerah Kulaijaya (MPKu/S/1/2013)	0.32	23.4.2013	16.7.2013	22.1.2014	190
11	Cadangan Kerja-Kerja Membina Gelanggang Futsal Di Taman Semenanjung, Kulai (MPKu/S/12/2013)	0.13	19.3.2013	22.4.2013	5.7.2013	74
12	Cadangan Kerja-Kerja Membina Gelanggang Futsal Di Jalan Rajawali Bandar Putra (MPKu/S/13/2013)	0.10	5.3.2013	15.4.2013	5.7.2013	81
Jumlah		2.20				
2014						
13	Cadangan Kerja-Kerja Menaiktaraf Kedai Pejabat Dan Gerai Majlis Di Batu 25 (Tepi Jalan Kulai-Bukit Batu) Kelapa Sawit, Kulai (MPKu/S/16/2014)	0.19	14.4.2014	1.6.2014	2.9.2014	93
14	Cadangan Kerja-Kerja Pembinaan Tapak Penjaja & Tapak Aktiviti Di Jalan Cengal Bandar Putra (MPKu/S/138/2014)	0.08	4.11.2014	6.11.2014	29.1.2015	84
15	Cadangan Kerja-Kerja Menyelenggara Padang Bola Sepak Di Taman Perindustrian Murni, Senai (MPKu/S/143/2014)	0.03	3.11.2014	12.11.2014	19.1.2015	68
Jumlah		0.30				
2015						
16	Cadangan Membekal Dan Memasang Papan Iklan Kekotak Berlampu (Light Box) (MPKu/S/12/2015)	0.20	5.4.2015	19.4.2015	9.7.2015	81
Jumlah		0.20				
Jumlah Keseluruhan		2.70				

Sumber: MPKu

- d. Menurut maklum balas MPKu pada 15 Januari 2016, dokumen yang dikemukakan oleh pihak kontraktor tidak lengkap dan kelewatan penyerahan semula dokumen bagi tujuan pembayaran.

3.4.5.2. Bayaran Dijelaskan Sebelum Perkhidmatan Diterima/Disempurnakan

- a. Semakan Audit di MPKu mendapati sebanyak 3 perolehan sebut harga bernilai RM1.31 juta berkaitan dengan kerja-kerja landskap telah dibayar bersekali dengan kerja-kerja penyelenggaraan yang belum dilaksanakan sepenuhnya. Perbandingan telah dibuat antara tarikh bayaran dan tempoh penyelenggaraan yang direkodkan di dalam *Bill Of Quantity* (BQ) seperti di **Jadual 3.14**.

Jadual 3.14
Bayaran Dijelaskan Sebelum Perkhidmatan Diterima

Bil.	Perihal/ No. Sebut Harga	Kos Perolehan (RM Juta)	No. Baucar Dan Tarikh Bayaran	Kerja Belum Disempurnakan
1	Kerja-kerja Menaiktaraf Landskap Serta Kerja-kerja Berkaitan Di Pusat Tranformasi Luar Bandar (RTC). (MPKu/S/94/2014)	0.41	000211/2015 19/01/2015	Penyelenggaraan: Januari 2015 Februari 2015 Mac 2015 April 2015
2	Kerja-kerja Menaiktaraf Landskap Serta Kerja-kerja Berkaitan Di Sepanjang Jalan Mulai Daripada Pusat Tranformasi Luar Bandar (RTC) Hingga Ke Taman Kota Kulai. (MPKu/S/95/2014)	0.40	000500/2015 29/01/2015	Penyelenggaraan: Februari 2015 Mac 2015 April 2015
3	Kerja-kerja Menaiktaraf Landskap Dan Kerja-kerja Berkaitan Di Sepanjang Jalan Laluan VVIP Mulai Daripada Gate A Sehingga Ke Bulatan Lapangan Terbang Antarabangsa Senai, Daerah Kulaijaya. (MPKu/S/10/2015)	0.50	002066/2015 23/07/2015	Penyelenggaraan: Julai 2015 Ogos 2015
Jumlah		1.31		

Sumber: MPKu

- b. Menurut maklum balas MPKu pada 15 Januari 2016, Majlis mengambil maklum teguran Audit. Majlis telah memastikan kerja penyelenggaraan yang ditetapkan dilaksanakan dengan sempurna sebagaimana pembayaran yang dilakukan. Bagi tujuan penambahbaikan, Majlis telah memperkemas proses kerja berkaitan ke arah yang lebih teratur dan lengkap.

Pada pendapat Audit, pengurusan bayaran MDS adalah memuaskan dan MPKu adalah kurang memuaskan kerana terdapat kes pembayaran tidak teratur. MDS dan MPKu hendaklah meningkatkan kawalan dalaman berkaitan pengurusan bayaran bagi memastikan semua peraturan dipatuhi.

3.5. SYOR AUDIT

Bagi menambah baik pelaksanaan perolehan dan memastikan pengurusan perolehan dapat dilaksanakan dengan teratur dan berhemat serta Majlis mendapat *value for money* bagi perbelanjaan yang dibuat, MPKu dan MDS disyorkan mempertimbangkan perkara berikut:

3.5.1. Pegawai yang bertanggungjawab membuat pengesahan kerja perlu memastikan pematuhan terhadap syarat-syarat kontrak dipenuhi sebelum perakuan untuk bayaran.

3.5.2. Memastikan tatacara perolehan Kerajaan dan pentadbiran kontrak dipatuhi bagi setiap perolehan yang dibuat.

SYARIKAT KERAJAAN NEGERI JOHOR

4. KUMPULAN PRASARANA RAKYAT JOHOR SDN. BHD.

4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn. Bhd. (KPRJSB) adalah sebuah syarikat sendirian berhad yang telah ditubuhkan pada 8 November 1995 di bawah Seksyen 16(4) Akta Syarikat 1965. Sehingga Jun 2015, modal dibenarkan KPRJSB ialah RM20.00 juta dan modal berbayar ialah RM1.00 juta. KPRJSB merupakan sebuah syarikat milik penuh Kerajaan Negeri Johor. Kegiatan utama syarikat KPRJSB ialah untuk melaksanakan pembangunan prasarana di Negeri Johor mengikut arahan Kerajaan Negeri Johor dengan sumber kewangan sendiri. Kerajaan Negeri Johor dari semasa ke semasa akan mengurniakan tanah kepada KPRJSB untuk dibangunkan.

4.1.2. Sehingga bulan 31 Disember 2014, KPRJSB mempunyai 18 buah syarikat subsidiari dengan kos pelaburan berjumlah RM432.97 juta dan 9 buah syarikat bersekutu dengan nilai pelaburan berjumlah RM144.55 juta yang menjalankan pelbagai aktiviti.

4.1.3. KPRJSB dipengerusikan oleh Menteri Besar Johor dan 5 orang Ahli Lembaga Pengarah iaitu Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, Pegawai Kewangan Negeri Johor, Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor, Pengarah Bebas dan Ketua Pegawai Eksekutif KPRJSB. Pengurusan KPRJSB diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan dibantu oleh 16 kakitangan eksekutif dan 2 kakitangan bukan eksekutif.

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan KPRJSB adalah memuaskan, pengurusan aktiviti dan pengurusan kewangan serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

4.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi aspek Prestasi Kewangan, Pengurusan Aktiviti dan Tadbir Urus Korporat. Semakan terhadap dokumen, fail, rekod yang berkaitan prestasi kewangan dan analisis kewangan bagi tahun 2012 hingga 2014. Analisis kewangan merangkumi nisbah dan trend yang dilakukan ke atas maklumat kewangan dan bukan kewangan syarikat. Manakala semakan dokumen bagi prestasi aktiviti, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan KPRJSB adalah untuk tahun 2013 hingga 2015. Semakan secara sampel telah dibuat di pejabat dan bahagian yang terlibat serta temu bual dengan pegawai yang berkenaan. Lawatan ke tanah-tanah milik KPRJSB telah dilakukan meliputi tanah di Lukut Cina di Kota Tinggi, Tanjung Kelisa di Sedili, Rumah Transit di Pengerang, Sungai Tengah di

Sungai Tiram, Sungai Kim Kim di Plentong, Ponderosa di Plentong, Kempas Lembu di Tebrau, Sedenak di Kulaijaya, Bukit Tempurung di Gelang Patah, Larkin Jaya di Johor Bahru dan Kuari Bangas di Segamat. *Exit Conference* bersama Ketua Pegawai Eksekutif dan lain-lain pegawai kanan KPRJSB telah diadakan pada 19 Januari 2016.

4.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara Jun hingga September 2015 mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan KPRJSB adalah baik di mana KPRJSB memperoleh keuntungan tiga tahun berturut-turut walaupun menunjukkan penurunan yang ketara pada tahun 2014. Pengurusan aktiviti utama KPRJSB bagi tahun 2013 hingga 2015 adalah kurang memuaskan manakala tadbir urus korporat KPRJSB adalah memuaskan. Bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

- Prestasi pembangunan hartanah melalui projek usaha sama (*joint venture*) belum bermula dan lewat dimajukan antara 7 hingga 19 tahun melibatkan 15 bidang tanah.
- Perjanjian pembangunan projek di Pengerang belum dimuktamadkan.
- Unit Pengurusan Risiko belum diwujudkan dan ikrar *Corporate Integrity Pledge/ Integrity Pact* tidak disediakan.
- Kelemahan dalam pengurusan aset terutama dalam pemeriksaan fizikal aset dan Laporannya serta Buku Log Kenderaan tidak kemas kini.

4.4.1. Prestasi Kewangan

4.4.1.1. Analisis Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan

- a. Bagi tempoh 2012 hingga 2014, prestasi kewangan KPRJSB adalah memuaskan. Keuntungan terkumpul KPRJSB bagi tahun 2012 adalah berjumlah RM993.90 juta, tahun 2013 berjumlah RM1.62 bilion dan bagi tahun 2014 berjumlah RM1.61 bilion. Keuntungan sebelum cukai KPRJSB pada tahun 2012 berjumlah RM210.77 juta dan meningkat sebanyak 195.2% kepada RM622.29 juta pada tahun 2013. Peningkatan yang ketara keuntungan sebelum cukai pada tahun 2013 adalah disebabkan oleh peningkatan perolehan sejumlah RM367.85 juta atau 585.7% kepada RM430.65 juta berbanding RM62.80 juta pada tahun 2012. Bagaimanapun keuntungan sebelum cukai KPRJSB menurun dengan ketara pada tahun 2014 kepada RM18.28 juta kerana KPRJSB tidak menjana sebarang pendapatan perolehan daripada penjualan hartanah melainkan lain-lain pendapatan berjumlah RM32.76 juta.
- b. Pendapatan KPRJSB adalah daripada 2 sumber iaitu perolehan dan lain-lain pendapatan. Perolehan merupakan pendapatan utama syarikat iaitu pendapatan yang diterima daripada penjualan hartanah. Prestasi keuntungan KPRJSB pada tahun 2012 hingga 2014 adalah bergantung kepada pendapatan daripada terimaan

penjualan hartanah. Perolehan utama KPRJSB pada tahun 2013 meningkat dengan ketara kepada RM430.65 juta berbanding RM62.80 juta pada tahun 2012. Peningkatan berjumlah RM367.85 juta atau 585.7% adalah daripada aktiviti penjualan tanah kepada syarikat subsidiari KPRJSB berjumlah RM430.60 juta. Pada tahun 2014, KPRJSB tidak menjana sebarang perolehan daripada penjualan hartanah. Pada tahun 2013, pendapatan dividen diterima meningkat daripada RM2 juta pada tahun 2012 kepada RM4.44 juta di mana Infra Desa (Johor) Sdn. Bhd. (IDJSB) membayar sejumlah RM2.00 juta dan Southkey City Sdn. Bhd. (SCSB) sejumlah RM2.44 juta. Pada tahun 2014 dividen diterima terus meningkat kepada RM23.02 juta di mana Iskandar Waterfront Holdings Sdn. Bhd. (IWHSB) membayar sejumlah RM20.01 juta, IDJSB sejumlah RM1.50 juta dan SCSB sejumlah RM1.51 juta. KPRJSB juga menerima untung atas penjualan saham sejumlah RM151.49 juta pada tahun 2012 iaitu daripada PLS Plantation Berhad (PPB), ICSB, Iskandar Waterfront Sdn. Bhd. (IWSB) dan Tebrau Teguh Berhad (TTB) masing-masing menghasilkan keuntungan berjumlah RM21.01 juta, RM60.68 juta, RM59.78 juta dan RM12.96 juta.


- c. Perbelanjaan KPRJSB terdiri daripada belanja pentadbiran, belanja operasi dan kos kewangan. Belanja pentadbiran antaranya adalah seperti gaji, upah dan kerja lebih masa, bayaran denda, sumbangan, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), duti setem dan kos dokumentasi, yuran profesional, *Corporate Social Responsibility (CSR)*, faedah pinjaman atas overdraf, elaun pengarah, yuran broker, bonus, belanja perjalanan, rosot nilai saham dan lain-lain perbelanjaan pentadbiran. Belanja operasi (kos jualan) pula antaranya adalah seperti kos pembangunan tanah, kos peguam untuk penjualan saham, kos tanah dan lain-lain perbelanjaan operasi. Pada tahun 2013, jumlah perbelanjaan meningkat daripada RM7.75 juta pada tahun 2012 kepada RM15.85 juta atau 104.5%. Peningkatan perbelanjaan pada tahun 2013 merangkumi peningkatan dalam kos pembangunan tanah, CSR, faedah atas pinjaman overdraf dan lain-lain perbelanjaan pentadbiran. Manakala pada tahun 2014 jumlah perbelanjaan menurun kepada RM14.48 juta atau 8.6% berbanding tahun 2013. Penurunan ini disebabkan penurunan dalam faedah atas pinjaman overdraf, denda, sumbangan, belanja perjalanan, duti setem dan kos dokumentasi serta lain-lain perbelanjaan pentadbiran.
- d. Kedudukan pendapatan, perbelanjaan dan keuntungan KPRJSB bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012 hingga 2014 adalah seperti di **Jadual 4.1** serta **Carta 4.1** dan **Carta 4.2**.

Jadual 4.1
Pendapatan, Perbelanjaan Dan Untung Rugi KPRJSB
Bagi Tahun Kewangan 2012 Hingga 2014

Butiran	Tahun Kewangan		
	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
Perolehan	62.80	430.65	0.00
Kos Jualan	2.01	3.57	0.00
Keuntungan Kasar	60.79	427.08	0.00
Lain-lain Pendapatan	155.72	207.49	32.76
Jumlah Pendapatan	216.51	634.57	32.76
Belanja Pentadbiran Dan Kewangan	5.74	12.28	14.48
Keuntungan Sebelum Cukai	210.77	622.29	18.28
Cukai Dan Zakat	-0.53	-0.44	2.86
Keuntungan Selepas Cukai Dan Zakat	210.24	621.85	21.14
Dividen	5.00	0.00	30.00
Keuntungan Terkumpul	993.90	1,615.75	1,606.90


Sumber: Penyata Kewangan Beraudit KPRJSB

Carta 4.1
Trend Keuntungan Sebelum Zakat Dan Cukai
Dan Keuntungan Terkumpul Bagi Tahun
Kewangan 2012 Hingga 2014



Sumber: Penyata Kewangan Beraudit KPRJSB

Carta 4.2
Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan Bagi
Tahun Kewangan 2012 Hingga 2014



4.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Analisis nisbah kewangan bagi tempoh 3 tahun telah dibuat terhadap penyata kewangan bagi tahun kewangan 2012 hingga 2014 untuk menilai tahap risiko, kekukuhan dan kecairan kewangan, nilai tambah keuntungan dan pulangan yang diperoleh oleh Kerajaan Negeri Johor sebagai pemegang saham utama KPRJSB. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 4.2**.

Jadual 4.2
Ringkasan Nisbah Kewangan KPRJSB Bagi Tahun Kewangan Berakhir
31 Disember 2012 Hingga 2014

Bil.	Butiran	Tahun		
		2012	2013	2014
i.	Nisbah Semasa	3.13:1	6.40:1	3.54:1
ii.	Margin Untung Bersih	0.96%	0.97%	0.65%
iii.	Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	0.20:1	0.36:1	0.01:1
iv.	Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	0.21:1	0.38:1	0.01:1

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit KPRJSB

- a. **Nisbah Semasa** digunakan untuk mengukur kecairan syarikat iaitu sejauh mana aset semasa yang ada dapat menampung liabiliti semasa. Nisbah semasa pada kadar 2:1 dan ke atas menunjukkan syarikat mempunyai kecairan kewangan yang baik dan berupaya menampung liabiliti semasa. Analisis Audit mendapati kadar nisbah semasa KPRJSB bagi tahun kewangan 2012 hingga 2014 adalah melebihi kadar 2 iaitu antara 3.13 hingga 6.40. Tahap kecairan menunjukkan penurunan pada tahun 2014 disebabkan oleh penurunan penghutang dan lain-lain akaun belum terima, pelaburan jangka pendek dan pemiutang dan lain-lain akaun kena bayar.
- b. **Margin Untung Bersih** digunakan untuk mengukur keupayaan syarikat dalam memperoleh untung bersih daripada setiap ringgit hasil daripada aktiviti utama syarikat. Peningkatan margin ini menunjukkan meningkatnya kecekapan syarikat di mana bagi setiap kenaikan hasil ia memberi nilai tambah terhadap peningkatan kadar keuntungan syarikat. Analisis Audit mendapati margin keuntungan KPRJSB meningkat pada tahun 2013 berbanding 2012 iaitu daripada RM0.96 kepada RM0.97 dan menurun pada tahun 2014 kepada RM0.65. Penurunan margin keuntungan pada tahun 2014 adalah disebabkan oleh peningkatan kos operasi KPRJSB iaitu sebanyak 17.9% atau RM2.20 juta iaitu daripada RM12.28 juta kepada RM14.48 juta.
- c. **Nisbah Pulangan Ke Atas Aset** bertujuan mengukur kecekapan syarikat menggunakan aset yang dimiliki untuk menjana keuntungan. Kadar peratusan yang tinggi menunjukkan aset syarikat telah digunakan secara optimum dan berkesan bagi menjana pendapatan. Analisis Audit mendapati bagi tahun kewangan 2012 hingga 2014, kadar pulangan atas aset yang diperoleh KPRJSB menunjukkan peningkatan melainkan pada tahun 2014 di mana ia meningkat dengan ketara daripada 20 sen pada tahun 2012 kepada 36 sen pada tahun 2013 tetapi menurun pada tahun 2014 pada kadar 1 sen. Penurunan ketara pada tahun 2014 disebabkan oleh tiada pendapatan utama yang mempengaruhi keuntungan selepas cukai KPRJSB dan menyebabkan penurunan kadar pulangan atas aset KPRJSB. Ini menunjukkan prestasi KPRJSB dalam menguruskan aset bagi menjana keuntungan adalah kurang memuaskan.
- d. **Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti** bertujuan mengukur pulangan ke atas modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi kadar peratusan yang diperoleh semakin

tinggi kemampuan syarikat memberi keuntungan kepada pemegang saham. Analisis Audit mendapati kadar pulangan ekuiti KPRJSB menunjukkan peningkatan ketara pada tahun 2013 iaitu 38 sen berbanding pada tahun 2012 iaitu 21 sen tetapi menurun semula pada tahun 2014 kepada 1 sen. Penurunan ketara kadar pulangan ke atas ekuiti pada tahun 2014 menunjukkan KPRJSB tidak mampu memberi pulangan yang tinggi kepada Kerajaan Negeri Johor sebagai pemegang saham.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan KPRJSB pada tahun 2012 hingga 2014 adalah baik.

4.4.2. Pengurusan Aktiviti

KPRJSB sebagai Syarikat Kerajaan Negeri telah mendapat pemilikan tanah daripada Kerajaan Negeri dengan menjelaskan bayaran premium tanah dan cukai tahunan kepada Kerajaan Negeri. Tanah-tanah tersebut hendaklah dibangunkan mengikut syarat-syarat yang telah diluluskan oleh pihak berkuasa negeri sama ada melalui usaha sama atau dibangunkan sendiri. Sehingga Jun 2015, sebanyak 17 bidang tanah dengan keluasan 4,828.12 ekar telah dikurniakan oleh Kerajaan Negeri Johor kepada KPRJSB. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 15 bidang tanah masih belum dimajukan kecuali tanah di Larkin Jaya, Johor Bahru dan Tanjung Kelisa di Kota Tinggi yang sedang dimajukan. Butiran tanah-tanah dan syarikat usaha sama terlibat adalah seperti di **Jadual 4.3**.

Jadual 4.3
Senarai Tanah Yang Dimiliki Oleh KPRJSB Dan Syarikat Usaha Sama

Bil.	Tanah	Luas (Ekar)	Tarikh Kelulusan Kurniaan	Syarikat Usaha Sama	Tarikh Perjanjian Usaha Sama	Tempoh Tanah Tidak Dimajukan (Tahun)	Catatan	
1	Larkin Jaya, Johor Bahru	62.97	5.1.2000	Cemerlang Land Sdn. Bhd.	12.11.1997	-	Sedang Dimajukan	
2	Tanjung Kelisa, Kota Tinggi	1,001.48	26.6.2007	-	-	-	Sedang Dimajukan	
3	Batu 15 Jalan Kulai, Ulu Sungai Johor	447.94	25.3.2008	-	-	7		
4	Sungai Tengah, Sg Tiram	1,008.56	6.9.2000	-	-	15		
5	Bukit Tempurung B, Tanjung Kupang	68.00	13.3.2002	-	-	13		
6	Bukit Tempurung A, Tanjung Kupang	61.00	2.4.1997	-	-	18		
7	Lukut Cina, Kota Tinggi	74.19	21.12.2000	-	-	15		
8	Tambahan Danga Bandar	20.00	7.1.2004	-	-	11		
9	Kuari Bangas, Sermin	64.17	16.4.1997	Vetura Konsortium Sdn. Bhd.	20.9.2015*	18		
10	Kempas Lembu, Tebrau	5.58	10.12.1997	-	25.11.2015#	18		
11	Sungai Kim Kim, Plentong	893.76	7.1.1998	IDJ Kim Kim Sdn. Bhd.	7.10.2005	17		Belum Dimajukan
12	Sungai Tiram, Johor Bahru	370.42	29.7.1999	Gahara Emas Sdn, Bhd.	7.5.2004	16		
13	Sungai Lunchoo B, Plentong	91.78	15.5.1996	Kuala Kiara Sdn. Bhd.	28.8.1997	19		
14	Sri Stulang, Plentong	70.15	23.9.1997	MA Development Sdn. Bhd.	24.3.1999	18		
15	Sungai Masai A, Plentong	25.79	30.4.1997	Cempaka Jujur Sdn. Bhd.	5.7.1999	18		
16	Sedenak, Kulai	174.79	2.8.2006	Precious Quest Sdn. Bhd.	7.12.2007	9		
17	Penderosa, Johor Bahru	387.54	28.8.2000	Province Treasure Sdn. Bhd.	11.5.1999	15		
Jumlah		4,828.12						

Sumber: KPRJSB

Nota: * Perjanjian Operator

Perjanjian Pembangunan

4.4.2.1. Tanah Sedang Dimajukan

Semakan Audit mendapati 2 bidang tanah milik KPRJSB iaitu di Larkin Jaya Johor Bahru dan Tanjung Kelisa Kota Tinggi sedang dimajukan. Semakan lanjut terhadap tanah di Larkin Jaya mendapati seperti berikut:

- a. Tanah seluas 62.97ekar di Larkin Jaya Johor Bahru mula dimajukan pada tahun 2006 secara usaha sama dengan Syarikat Cemerlang Land Sdn. Bhd. walaupun perjanjian

usaha sama dimeterai pada 12 November 1997 dan perjanjian tambahan pada 28 Januari 2001. Sebanyak 10 komponen pembangunan dirancang akan dibina di atas tanah tersebut. Bagaimanapun, sehingga kini hanya 4 komponen telah siap dibina, 2 komponen sedang dalam pembinaan dan 4 komponen masih belum dibina. **Gambar 4.1** dan **Gambar 4.2** adalah berkaitan. Kedudukan pulangan hasil pembangunan di Tanah Larkin Jaya mengikut komponen adalah seperti **Jadual 4.4**.

Jadual 4.4
Kedudukan Terkini Pembangunan Tanah Larkin Jaya
Mengikut Komponen Dan Pulangan Yang Belum Diterima

Bil.	Plot/Komponen	Status Komponen	Pulangan Yang Patut Diterima	Pulangan Yang Telah Diterima
1	<u>Plot A</u> 252 unit Perumahan Prima	Pembinaan ditangguhkan	6% @ nilai jualan	Belum Terima
2	<u>Plot B</u> 251 unit Perumahan Prima	Pembinaan ditangguhkan	6% @ nilai jualan	Belum Terima
3	<u>Plot C</u> Stesen Minyak Petronas	Siap dibina	RM0.69 Juta	RM0.69 Juta
4	<u>Plot D</u> • 248 unit rumah pangsa kos rendah (D1)	Siap dibina	Tiada Pulangan	Tiada Pulangan
5	• 10 unit kedai 2 tingkat (D2)	Siap dibina	RM0.41 Juta	Belum Terima
6	<u>Plot E</u> 424 unit Perumahan Prima	Pembinaan ditangguhkan	6% @ nilai jualan	Belum Terima
7	<u>Plot F</u> 352 unit pangsapuri <i>Scott Tower</i>	Sedang dalam pembinaan	RM7.67 Juta	Belum Terima
8	<u>Plot G</u> • 179 unit rumah teres 2 ½ tingkat	Siap dibina	RM3.21 Juta	Belum Terima
9	• 34 unit <i>Townhouse</i>	Sedang dalam pembinaan	RM0.79 Juta	Belum Terima
10	<u>Plot H</u> 424 unit Perumahan Prima	Pembinaan ditangguhkan	6% @ nilai jualan	Belum Terima
Jumlah			RM12.77 Juta	RM0.69 Juta
Jumlah Pulangan Yang Belum Diterima (Plot D2, F & G)			RM12.08 Juta	

Sumber: KPRJSB

Gambar 4.1
Kedai 2 Tingkat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PTB 20184, Larkin Jaya Johor Bahru
Tarikh: 3 Disember 2014

Gambar 4.2
Scott Tower Sedang Dalam Pembinaan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PTB 20458, Larkin Jaya Johor Bahru
Tarikh: 3 Disember 2014

- b. Kelewatan pembangunan tanah di Larkin Jaya disebabkan kebenaran merancang hanya diperolehi pada tahun 2005 dan 2013 kerana terdapat masalah setinggan yang enggan berpindah. Selain itu, pemaju menghadapi masalah kewangan yang melibatkan kos bayaran pampasan yang tinggi kepada penduduk setinggan. Ini menyebabkan terdapat pembinaan komponen yang terpaksa ditangguhkan. Pihak Audit mendapati pembangunan yang lewat dimulakan telah menyebabkan KPRJSB lewat menerima pulangan hasil yang dianggarkan berjumlah RM12.08 juta.
- c. **Mengikut maklum balas bertarikh 19 Januari 2016, sebab utama kelewatan pembangunan kawasan tersebut ialah adanya pandangan-pandangan khususnya daripada pihak tertentu di Negeri Johor agar pembangunan di kawasan berkenaan perlu diperhalusi lagi dari segi cadangan komponen-komponen yang hendak dibangunkan. Selain itu kelewatan pembangunan kawasan tersebut disebabkan pemaju terpaksa meminda pelan pembangunan beberapa kali bagi mengambil kira keperluan pemindahan setinggan serta penduduk tempatan.**

4.4.2.2. Tanah Belum Dimajukan

Semakan Audit mendapati 15 bidang tanah KPRJSB dengan keluasan 3,824.87 ekar masih belum dimajukan antara 7 hingga 19 tahun selepas dikurniakan oleh Kerajaan Negeri atau 8 hingga 18 tahun selepas perjanjian usaha sama ditandatangani. Tanah-tanah tersebut belum dimajukan kerana kedudukannya kurang sesuai untuk pembangunan komersial menyebabkan syarikat usaha sama tidak berminat untuk memajukan tanah terlibat. Pihak Audit telah menyemak 7 daripada 15 bidang tanah tersebut iaitu Kempas Lembu Johor Bahru, Kuari Bangas Segamat, Sungai Tengah Sungai Tiram, Sungai Kim Kim Plentong, Penderosa Plentong, Bukit Tempurung A dan Sedenak Kulajaya. Butirannya seperti berikut:

- a. Projek atas Tanah Kempas Lembu yang dirancang sejak tahun 2012 sehingga kini tidak dimulakan kerana pelan susun atur dan cadangan pembangunan telah beberapa kali dipinda. Kelewatan ini telah menyebabkan Kebenaran Merancang bagi pelan susun atur sedia ada tamat tempoh dan kelulusan Kebenaran Merancang pelan susun atur baru mengambil masa. **Gambar 4.3** adalah berkaitan. Kelewatan bagi pembangunan tanah di Kempas Lembu dan perusahaan kuari di Kuari Bangas menyebabkan KPRJSB tidak dapat menambah pendapatan yang dijangka sejumlah RM97.22 juta sepatutnya diterima pada tahun 2014.
- b. **Mengikut maklum balas bertarikh 24 Mac 2016, KPRJSB telah memperoleh kelulusan Majlis Bandaraya Johor Bahru untuk pelan bangunan pada 26 Mei 2014 untuk pembangunan apartment. KPRJSB telah menukar konsep pembangunan kepada rumah teres bagi memenuhi aspirasi Kerajaan Negeri dan diluluskan pada 26 Januari 2016. Perjanjian Operator Kuari untuk tanah Kuari Bangas Segamat telah ditandatangani pada 20 September 2015 dan akan beroperasi sebaik sahaja kelulusan EIA diperolehi.**
- c. Cadangan perusahaan kuari di Kuari Bangas Segamat telah dibuat sebelum tahun 2004 tetapi telah ditangguhkan oleh Ahli Lembaga Pengarah KPRJSB kerana syarikat yang berminat tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh KPRJSB. Pada 1 Mac 2015, Ahli Lembaga Pengarah telah bersetuju untuk memberi tawaran kepada syarikat usaha sama lain yang berminat mengusahakan kuari tersebut yang juga telah mengeluarkan kos menyediakan infrastruktur di kawasan terlibat. Lawatan Audit pada 16 Jun 2015 mendapati kerja-kerja pembersihan kawasan kuari sedang dilakukan oleh syarikat tersebut walaupun perjanjian antara KPRJSB dan syarikat terlibat masih belum ditandatangani seperti di **Gambar 4.4**.
- d. Pembangunan tanah secara projek usaha sama di Penderosa tidak dapat dijalankan dalam tempoh yang dipersetujui disebabkan Province Treasure Sdn. Bhd. (PTSB) perlu meminda semula pelan susun atur bagi projek tersebut kerana melibatkan penempatan semula 260 keluarga setinggan di Kampung Melayu Pandan. PTSB juga dalam proses menunggu kelulusan permohonan untuk tukar status dari pajakan 99 tahun kepada pegangan bebas sebagai balasan membina penempatan semula Kampung Melayu Pandan.
- e. Bagi pembangunan di pesisiran Sungai Kim Kim, pembangunan sukar untuk dilaksanakan kerana keadaan kawasan tanah memerlukan kos penambakan dan infrastruktur yang tinggi seperti di **Gambar 4.5**. Melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah No. 01/15 pada 1 Mac 2015 menyatakan KPRJSB dan syarikat usaha sama telah bersetuju untuk menamatkan perjanjian tanpa pampasan.
- f. Bagi projek usaha sama dengan Syarikat Precious Quest Sdn. Bhd. untuk tanah di Sedenak Kulai yang seluas 174.79 ekar, kelewatan pembangunan adalah disebabkan terdapat kesilapan pengiraan pra hitungan keluasan tanah oleh Pejabat

Tanah Dan Galian (PTG) kerana sebahagian tanah perlu diserahkan kepada Kerajaan Negeri dan proses ini telah diselesaikan pada 20 Julai 2011. Bagi tempoh 3 tahun tiada pembangunan dimulakan kerana syarikat usaha sama masih menyediakan pelan utama pembangunan dan pelan susun atur yang baru. Bagaimanapun, pada 29 Mei 2014 satu perjanjian tambahan dengan syarikat usaha sama telah ditandatangani dan Kebenaran Merancang telah diluluskan pada 30 Januari 2015. Fasa Pertama pembangunan yang dilaksanakan adalah 191 unit Perumahan Komuniti Johor dan 179 unit Rumah Teres 2 tingkat yang dianggarkan kos pembangunan keseluruhan projek berjumlah lebih kurang RM513.03 juta. Bagaimanapun sehingga Jun 2015 pembangunan di Sedenak masih belum dimulakan kerana masih menunggu pendaftaran hak milik di Pejabat Tanah Galian Negeri Johor. Pembangunan yang lewat dijalankan telah menyebabkan KPRJSB tidak mendapat pulangan yang sepatutnya yang dianggarkan RM37 juta atau 6% daripada nilai jualan unit pembangunan tersebut.

Gambar 4.3
Kawasan Tanah Lapang Yang Masih
Belum Dibangunkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PTD 68968 Kempas Lembu, Johor Bahru
Tarikh: 3 Disember 2014

Gambar 4.4
Sebahagian Kawasan Kuari Yang Telah
Beroperasi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PTD 913 Kuari Bangas, Segamat
Tarikh: 16 Jun 2015

Gambar 4.5
Kawasan Tanah Di Persisiran Sungai
Menyukarkan Projek Pembangunan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PTD 148461 Sungai Kim Kim, Plentong
Tarikh: 3 Disember 2014

- g. **Mengikut maklum balas bertarikh 24 Mac 2016, KPRJSB telah menamatkan perjanjian usaha sama dengan Syarikat IDJ Kim Kim Sdn. Bhd. pada 27.8.2015 dan Syarikat Kuala Kiara Sdn. Bhd. pada 30.11.2015. Antara sebab tanah belum**

dibangunkan adalah kerana lokasinya. Sebahagiannya telah diluluskan perancangan pembangunan oleh Lembaga Pengarah KPRJSB. KPRJSB akan menanggung kerugian sekiranya membangunkan tanah yang tidak berpotensi. Pembangunan hanya dilaksanakan pada waktu yang sesuai.

4.4.2.3. Pengurusan Tanah-Tanah Yang Belum Dimajukan

Selain tanah-tanah yang sedang dimajukan, KPRJSB juga mempunyai beberapa bidang tanah yang belum dimajukan. Lawatan Audit terhadap 7 bidang tanah yang belum dimajukan mendapati perkara seperti berikut:

- a. Di Penderosa Johor Bahru terdapat aktiviti ternakan ikan dan pembuangan bahan binaan seperti di **Gambar 4.6** dan **Gambar 4.7**.
- b. **Mengikut maklum balas bertarikh 18 Januari 2016, KPRJSB memaklumkan aktiviti pencerobohan di tanah Penderosa telah wujud sebelum tanah itu dikurniakan. Bagaimanapun notis belum dikeluarkan kepada pengusaha kolam ikan tersebut. KPRJSB memerlukan syarikat usaha sama yang mempunyai kedudukan kewangan kukuh bagi melaksanakan projek pembangunan di situ. Buat masa ini KPRJSB akan membuat kerja-kerja penambakan tanah. Pembangunan seterusnya akan dilaksanakan oleh syarikat usaha sama. Jika syarikat usaha sama sedia ada tersebut tidak dapat meneruskan projek pembangunan tersebut, KPRJSB akan melantik syarikat usaha sama baru yang mampu melaksanakan projek tersebut.**
- c. Di Sedenak Kulai, terdapat aktiviti penanaman kelapa sawit dan pokok pisang seperti di **Gambar 4.8** dan **Gambar 4.9**.
- d. **Mengikut maklum balas bertarikh 19 Januari 2016, aktiviti pertanian telah wujud sebelum tanah itu dikurniakan kepada KPRJSB dan dilakukan oleh penduduk asal kawasan tersebut sebagai mata pencarian. Menurut KPRJSB selagi cadangan pembangunan tidak dilaksanakan, KPRJSB tidak akan mengambil apa-apa tindakan terhadapnya.**
- e. Di Lukut Cina Kota Tinggi terdapat aktiviti pencerobohan untuk penanaman sayur-sayuran seperti di **Gambar 4.10**.
- f. Semakan lanjut mendapati ketiga-tiga tanah tersebut tidak dipagar dan tidak dipasang papan tanda bagi menunjukkan hak milik KPRJSB.

Gambar 4.6
Pencerobohan Tanah Dengan Pembinaan
Kolam Ikan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PTD 156778 Penderosa, Johor Bahru
Tarikh: 29 Jun 2015

Gambar 4.7
Pencerobohan Tanah Dengan
Pembuangan Bahan Binaan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PTD 156776 Penderosa, Johor Bahru
Tarikh: 3 Disember 2014

Gambar 4.8
Tanah Dengan Penanaman Pokok Kelapa
Sawit



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PN 58705 Sedenak, Kulaijaya
Tarikh: 4 Disember 2014

Gambar 4.9
Tanah Dengan Penanaman Pokok Pisang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PN 58705 Sedenak, Kulaijaya
Tarikh: 4 Disember 2014



Gambar 4.10
Kawasan Tanah Telah Dijadikan Kebun
Sayur

Sumber: KPRJSB
Lokasi: PTD 11618 Lukut Cina Kota Tinggi
Tarikh: 29 Jun 2015

4.4.2.4. Perjanjian Projek Pembangunan Pengerang Belum Dimuktamadkan

- a. Kerajaan Negeri Johor melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor (UPENJ) telah melantik KPRJSB sebagai pemaju/kontraktor untuk membangunkan sebahagian

tapak projek perumahan untuk bekas pemegang lesen pendudukan sementara (TOL) dan setinggian yang terlibat dengan pembangunan hub industri minyak dan gas di Pengerang, Kota Tinggi Johor. Sebanyak 3 komponen pembangunan telah diluluskan oleh UPENJ melalui keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor seperti di **Jadual 4.5**.

Jadual 4.5
Komponen Pembangunan Projek Pengerang

Bil.	Cadangan Pembangunan	Komponen Pembangunan	Unit
1	Perdagangan di atas rizab tanah kerajaan di lot PTD 4589 dan PTD 4590	<ul style="list-style-type: none"> • Kedai kos rendah 1 tingkat • Kedai kos rendah 2 tingkat • Kedai kos rendah 3 tingkat • Lot Perdagangan • Lot Hotel • Stesen Minyak 	<p>16</p> <p>28</p> <p>20</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p>
2	Pembangunan rumah panjang di atas sebahagian plot A PTD 7114 di Taman Bayu Damai.	<ul style="list-style-type: none"> • Rumah Panjang (20'x45') 	150
3	Perumahan untuk bekas pemegang TOL dan golongan generasi kedua di atas tanah kerajaan negeri Johor di lot PTD 7123.	<ul style="list-style-type: none"> • Rumah Semi D 1 Tingkat • Rumah Teres 2 Tingkat Jenis A • Rumah Teres 2 Tingkat Jenis B • Rumah Teres 2 Tingkat Jenis C 	<p>50</p> <p>90</p> <p>56</p> <p>36</p>

Sumber: KPRJSB

- b. Semakan Audit mendapati setakat 19 Januari 2016, tiada sebarang dokumen perjanjian ditandatangani antara UPENJ dengan KPRJSB mengenai pelantikan KPRJSB sebagai pemaju/kontraktor untuk pembangunan projek berkenaan. **Mengikut maklum balas bertarikh 24 Mac 2016, bagi komponen Pembangunan Perdagangan, KPRJSB hanya terlibat dalam urusan pemasaran dan penjualan sahaja, manakala pembinaannya dilaksanakan oleh Kontraktor lain yang dilantik oleh UPENJ.**
- c. Lawatan Audit di tapak pembangunan projek Pengerang mendapati komponen pembangunan untuk perdagangan masih dalam kerja-kerja akhir manakala rumah panjang telah siap dan didiami. Bagaimanapun komponen bagi perumahan untuk bekas pemegang TOL dan golongan generasi kedua masih belum dibangunkan. Pihak Audit dimaklumkan pihak UPENJ masih dalam proses memuktamadkan perjanjian. Sehingga kini syarikat subsidiari KPRJ Builders Sdn. Bhd. telah membelanjakan sejumlah RM11.8 juta ke atas 2 komponen projek pembangunan yang telah siap dan sedang dalam pembinaan seperti di **Gambar 4.11** hingga **Gambar 4.13**.

Gambar 4.11
Sebahagian Daripada 150 Unit
Rumah Panjang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PTD 7114 Pengerang, Kota Tinggi
Tarikh: 2 Disember 2014

Gambar 4.12
Bangunan Kedai Kos Rendah Satu Tingkat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PTD 4589, Pengerang Kota Tinggi
Tarikh: 2 Disember 2014



Gambar 4.13
Bangunan Kedai Kos Rendah 3 Tingkat

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PTD 4590, Pengerang Kota Tinggi
Tarikh: 2 Disember 2014

Pada pendapat Audit, pengurusan aktiviti berhubung beberapa hartanah KPRJSB adalah kurang memuaskan kerana berlaku kelewatan dalam memajukan tanah-tanah yang dikurniakan oleh Kerajaan Negeri antara 7 hingga 19 tahun dan berlaku pencerobohan terhadap tanah-tanah tersebut. Selain itu, tiada perjanjian antara KPRJSB dengan UPENJ bagi pelaksanaan projek di Pengerang.

4.4.3. Prestasi Pelaburan

4.4.3.1. Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari

- a.** Sehingga Jun 2015, KPRJSB mempunyai 18 buah syarikat subsidiari di mana 6 buah adalah aktif manakala 12 lagi tidak aktif. Sebanyak 10 buah syarikat subsidiari baru telah ditubuhkan dalam tahun 2013. Prestasi Kewangan syarikat subsidiari KPRJSB bagi tahun 2012 hingga 2014 seperti di **Jadual 4.6**.

Jadual 4.6
Prestasi Syarikat Subsidiari KPRJSB Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Bil.	Nama Syarikat	Peratusan Pegangan (%)	Keuntungan/(Kerugian) Selepas Cukai			Keuntungan/(Kerugian) Terkumpul
			2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
Syarikat Aktif						
1	Province Treasure Sdn. Bhd.	51	(1.66)	(1.18)	(1.95)	(10.77)
2	KPRJ Builders Sdn. Bhd.	100	1.42	1.09	0.54	12.29
3	KPRJ Astakapuri Sdn. Bhd.	100	(0.23)	(0.53)	(1.73)	(0.79)
4	Generasi Takzim Sdn. Bhd.	100	(0.05)	0.04	(0.06)	(0.19)
5	KPRJ Development Sdn. Bhd.	100	(0.01)	(0.25)	(0.53)	(0.79)
6	KPRJ Resources Sdn. Bhd.	100	(0.03)	(0.09)	(1.21)	(2.23)
Syarikat Tidak Aktif (Dorman)						
7	Minda Rakyat Johor Sdn. Bhd.	100	(0.001)	(0.0002)	(0.0001)	(6.32)
8	Anggerik Nusantara Sdn. Bhd.	100	(0.0009)	(0.0009)	(0.0009)	(0.02)
9	Asas Hartaniaga Sdn. Bhd.	100	-	-	(0.18)	(0.18)
10	Aspek Inovatif Sdn. Bhd.	100	-	-	(0.81)	(0.81)
11	Astaka Mahamas Sdn. Bhd.	100	-	-	(0.37)	(0.37)
12	Lingkar Niaga Sdn. Bhd.	100	-	-	(0.17)	(0.17)
13	Detik Pertiwi Sdn. Bhd.	100	-	-	(0.05)	(0.05)
14	Pingat Kencana Sdn. Bhd.	100	-	-	(0.08)	(0.08)
15	Prasarana Makmur Sdn. Bhd.	100	-	-	(0.17)	(0.17)
16	Gemilang Sarjana Sdn. Bhd.	100	-	-	(0.21)	(0.21)
17	KPRJ Petroleum Sdn. Bhd.	100	-	-	(1.13)	(1.13)
18	Aksi Selasih Sdn. Bhd.	100	-	-	(0.21)	(0.21)

Sumber: KPRJSB

- b. Berdasarkan **Jadual 4.6**, hanya 1 syarikat subsidiari KPRJSB memperoleh keuntungan terkumpul pada akhir 2014 iaitu KPRJ Builders Sdn. Bhd. (KBSB) manakala 17 syarikat yang lain mengalami kerugian terkumpul. Kesemua 10 buah syarikat yang ditubuhkan pada tahun 2013 mengalami kerugian dengan jumlah keseluruhan kerugian berjumlah RM3.39 juta. Bagaimanapun, 5 syarikat subsidiari yang aktif iaitu KPRJ Astakapuri Sdn. Bhd. (KASB), KPRJ Development Sdn. Bhd. (KDSB), KPRJ Resources Sdn. Bhd. (KRSB) dan Generasi Takzim Sdn. Bhd. (GTSB) memperoleh keuntungan selepas cukai pada tahun 2014. Syarikat Minda Rakyat Johor Sdn. Bhd. (MRJSB) dan Anggerik Nusantara Sdn. Bhd. (ANSB) yang tidak aktif sejak tahun 2006 masih belum dibubarkan walaupun tiada transaksi perniagaan dilaksanakan. Sehingga Jun 2015, daripada 10 syarikat subsidiari yang ditubuhkan pada tahun 2013, hanya 2 syarikat baru memulakan aktiviti syarikat iaitu Aksi Selasih Sdn. Bhd. dan Aspek Inovatif Sdn. Bhd.
- c. Semakan Audit mendapati tiada syarikat subsidiari KPRJSB yang membayar dividen kepada KPRJSB. Selain itu, KBSB tidak membuat pembayaran dividen kepada KPRJSB walaupun memperoleh keuntungan terkumpul sejumlah RM12.29 juta pada akhir 2014.
- d. **Mengikut maklum balas bertarikh 18 Januari 2016, Lembaga Pengarah KPRJSB telah bersetuju menamatkan operasi 3 buah syarikat subsidiari yang tidak aktif iaitu Syarikat Minda Rakyat Johor Sdn. Bhd. (MRJSB) dan Anggerik Nusantara Sdn. Bhd. (ANSB) pada mesyuaratnya bil 02/15 bertarikh 13 Julai 2015 serta KPRJ Petroleum Sdn. Bhd. dalam Ketetapan Beredar bertarikh 19 Oktober 2015.**

4.4.3.2. Pendahuluan Kepada Syarikat Subsidiari

- a. Pada tahun 2013 hingga Jun 2015, KPRJSB telah memberi pendahuluan kepada syarikat subsidiari bagi membiayai aktiviti syarikat seperti pembayaran gaji, belanja operasi dan pentadbiran. Jumlah pendahuluan kepada syarikat subsidiari pada tahun 2013 hingga Jun 2015 adalah seperti di **Jadual 4.7**.

Jadual 4.7
Pendahuluan Kepada Syarikat Subsidiari Pada Tahun 2013 Hingga Jun 2015

Bil.	Nama Syarikat	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	Jun 2015 (RM Juta)
1	Aksi Selasih Sdn. Bhd.(ASSB)	22.40	0.08	0.09
2	Asas Hartaniaga Sdn. Bhd.(AHSB)	17.50	0.17	0.18
3	Aspek Inovatif Sdn. Bhd.(AISB)	90,10	0.23	0.29
4	Astaka Mahamas Sdn. Bhd.(AMSB)	27,30	0.25	0.32
5	Anggerik Nusantara Sdn. Bhd.(ANSB)	0.009	0.009	0.009
6	Bitara Mawar Sdn. Bhd.(BMSB)	0.04	0.05	0.05
7	Budiara Enterprise Sdn. Bhd.(BESB)	0.61	0.61	0.61
8	Detik Pertiwi Sdn. Bhd.(DPSB)	130.50	0.59	0.62
9	Gemilang Sarjana Sdn. Bhd.(GSSB)	21.50	0.11	0.14
10	Generasi Takzim Sdn. Bhd.(GTSB)	0.04	0.08	0.09
11	KPRJ Development Sdn. Bhd.)	38.70	14.77	15.52
12	KPRJ Builders Sdn. Bhd.(KBSB)	3.07	0.32	1.54
13	KPRJ Resources Sdn. Bhd.(KRSB)	43.97	7.12	7.88
14	KPRJ Petroleum Sdn. Bhd.(KPSB)	0.11	1.11	1.86
15	KPRJ Astakapuri Sdn. Bhd. (KASB)	2.27	4.42	5.29
16	Lingkar Niaga Sdn. Bhd.(LNSB)	18.00	0.05	0.06
17	Minda Rakyat Johor Sdn. Bhd. (MRJSB)	6.18	6.18	6.18
18	Pingat Kencana Sdn. Bhd.(PKSB)	7.30	0.06	0.07
19	Prasarana Makmur Sdn. Bhd.(PMSB)	18.80	0.10	0.10
Jumlah		448.42	36.31	40.90

Sumber: KPRJSB

- b. Berdasarkan **Jadual 4.7**, pendahuluan kepada syarikat subsidiari pada tahun 2013 sejumlah RM448.42 juta adalah untuk perbelanjaan pemindahan milik tanah KPRJSB kepada 11 syarikat subsidiari berjumlah RM430.60 juta. Bagaimanapun, jumlah pendahuluan menurun pada tahun 2014 kepada sejumlah RM36.31 juta disebabkan kos pemindahan milik tanah berjumlah RM409.10 juta telah dikelaskan sebagai saham *Redeemable Convertible Preference Shares (RCPS)* dalam syarikat subsidiari. Jumlah pendahuluan sehingga Jun 2015 sejumlah RM40.90 juta melibatkan kos pengurusan dan pentadbiran bagi melaksanakan aktiviti syarikat subsidiari.
- c. Semakan Audit mendapati KPRJSB tidak mengeluarkan surat tuntutan bayaran balik dan syarat-syarat pendahuluan tidak dinyatakan kepada 10 syarikat subsidiari yang ditubuhkan pada tahun 2013 dan syarikat subsidiari yang tidak aktif.

Mengikut maklum balas bertarikh 19 Januari 2016, KPRJSB memaklumkan surat tuntutan tidak dikeluarkan kepada syarikat subsidiari kerana KPRJSB mengawal sepenuhnya pengurusan semua syarikat dan pembayaran balik pendahuluan dibuat sekiranya syarikat subsidiari mempunyai kewangan yang kukuh.

4.4.3.3. Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu

- a. Sehingga Jun 2015 KPRJSB mempunyai 9 buah syarikat bersekutu. Prestasi pelaburan KPRJSB dalam syarikat tersebut seperti di **Jadual 4.8**.

Jadual 4.8
Prestasi Syarikat Bersekutu KPRJSB Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Bil.	Nama Syarikat	Pelaburan (RM)	Peratusan Pegangan (%)	Keuntungan/(Kerugian) Selepas Cukai			Keuntungan Terkumpul 2014 (RM Juta)
				2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	
1	CDB Development Sdn. Bhd.	30,000	30	(0.08)	(3.52)	(0.01)	(3.60)
2	MSC Cyberport Sdn. Bhd.	13,000,046	30	(2.28)	(1.84)	(1.87)	(9.99)
3	Iskandar Investment Berhad (IIB)	20,000,000	20	472.26	752.16	773.41	2,026.17
4	Southkey City Sdn. Bhd. (SCSB)	42,000,002	30	6.88	12.86	156.25	163.83
5	Cempaka Jujur Sdn. Bhd.	300	30	0.16	(0.04)	0.11	(0.17)
6	Infra Desa (Johor) Sdn. Bhd. (IDJSB)	300,000	30	8.13	16.04	15.83	43.12
7	Iskandar Waterfront Holdings Sdn. Bhd. (IWHSB)	69,220,546	36.87	(25.02)	58.14	(36.80)	1,651.12
8	Permata Seroja Sdn. Bhd.	300	30	TM	TM	TM	TM
9	Esplanade Danga 88 Sdn. Bhd.	80,000	20	-	-	TM	TM

Sumber: KPRJSB

Nota: TM- Tiada Maklumat

- b. Berdasarkan **Jadual 4.8**, 4 buah syarikat bersekutu KPRJSB memperoleh keuntungan terkumpul berjumlah RM3.88 bilion pada akhir tahun 2014 dan 3 buah syarikat mengalami kerugian terkumpul berjumlah RM13.76 juta. Kedudukan kewangan syarikat Permata Seroja Sdn. Bhd. (PSSB) tidak dapat dipastikan kerana penyata kewangan syarikat bagi tahun 2012 hingga 2014 tidak disediakan kerana syarikat dalam proses pembubaran dan masih belum dapat diselesaikan sejak tahun 2012. Sehingga Jun 2015, penyata kewangan Esplanade Danga 88 Sdn. Bhd. bagi tahun berakhir 2014 masih belum dikemukakan kepada KPRJSB.
- c. Semakan Audit bagi tempoh 2012 hingga 2015, KPRJSB menerima dividen daripada 4 syarikat bersekutu iaitu IWHSB, SCSB, IIB dan IDJSB sejumlah RM37.45 juta bagi bayaran dividen tahun 2011 hingga 2014. Syarikat Iskandar Investment Berhad (IIB) mula membayar dividen kepada KPRJSB pada tahun 2015 walaupun memperoleh

keuntungan setiap tahun. Selain itu, 3 syarikat bersekutu tidak mengisytiharkan dividen kerana mengalami kerugian pada tahun 2012 hingga 2014.

- d. Mengikut rekod kewangan sehingga Jun 2015, KPRJSB ada memberi pendahuluan kepada syarikat bersekutu iaitu Tebrau City Sdn. Bhd. (TCSB) berjumlah RM1.82 juta bagi membiayai aktiviti syarikat seperti pembayaran gaji, belanja operasi dan pentadbiran. Bagaimanapun, mulai Januari 2014 TCSB telah menghentikan pembayaran balik pendahuluan kerana KPRJSB telah menjual kepentingan dalam syarikat tersebut. KPRJSB juga tidak mengeluarkan surat tuntutan bayaran balik kepada TCSB bagi mendapatkan semula perbelanjaan bayaran gaji dan operasi TCSB yang telah didahulukan berjumlah RM1.82 juta. **Mengikut maklum balas bertarikh 18 Januari 2016, KPRJSB memaklumkan sentiasa berusaha untuk memastikan Syarikat Bersekutu yang memperoleh keuntungan membayar dividen dan terdapat peningkatan hasil dividen pada tahun 2014 berbanding tahun-tahun sebelumnya. Selain itu, surat tuntutan bayaran balik pendahuluan akan dikeluarkan sebagaimana cadangan pihak Audit.**

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pengurusan pelaburan KPRJSB adalah kurang memuaskan kerana prestasi 17 daripada 18 syarikat subsidiari dan 3 daripada 7 syarikat bersekutu mengalami kerugian terkumpul dan pendahuluan kepada syarikat subsidiari tidak dibayar balik.

4.4.4. Tadbir Urus Korporat

Tadbir urus korporat merujuk kepada proses yang digunakan untuk mengurus dan mengawal aktiviti/program dan kebajikan syarikat ke arah meningkatkan prestasi dan akauntabiliti korporat dengan objektif utama memastikan kepentingan *stakeholders* dipertahankan. Tadbir urus korporat penting sebagai peraturan yang berkesan bagi menyumbang kepada perkembangan perniagaan. Penemuan Audit terhadap tadbir urus korporat KPRJSB adalah seperti berikut:

4.4.4.1. Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah

- a. Memorandum dan Artikel penubuhan syarikat KPRJSB tidak menetapkan bilangan Mesyuarat Lembaga Pengarah perlu diadakan setiap tahun tetapi perlu dijadualkan bila diperlukan. Mengikut Garis Panduan Buku Hijau, mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah hendaklah diadakan sebanyak 6 hingga 8 kali dalam setahun. Merujuk Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia, Ahli Lembaga Pengarah digalakkan kerap bermesyuarat dan segala isu yang dibincangkan direkodkan dengan lengkap supaya ia boleh dirujuk semula bagi memahami keputusan yang telah diambil.
- b. Semakan Audit mendapati bagi tempoh 2013 hingga Jun 2015, KPRJSB telah mengadakan mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah sebanyak 5 kali iaitu 2 kali pada tahun 2013, 2 kali pada tahun 2014 dan sekali sehingga Jun 2015. Antara perkara-

perkara yang dibincangkan di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah ialah pelantikan Lembaga Pengarah, prestasi kemajuan projek pembangunan usaha sama yang dilaksanakan oleh syarikat subsidiari, laporan kewangan KPRJSB, pembayaran bonus dan kenaikan gaji kakitangan.

4.4.4.2. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan Serta Unit Audit Dalam

- a. Mengikut amalan terbaik Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan perlu ditubuhkan untuk meningkatkan kawalan terhadap syarikat kerajaan bagi menjaga kepentingan kerajaan sebagai pemegang saham utama. Antara fungsi utama Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan adalah menilai pencapaian audit dalaman, mengadakan kajian audit dan pemeriksaan khas, mengkaji dan mengawasi rancangan korporat, menilai kawalan dalaman terhadap pengurusan kewangan, memastikan dasar kerajaan dipatuhi, mengkaji perbelanjaan syarikat dibuat dengan berpatutan, mengkaji penggunaan sistem perakaunan efektif serta mengkaji dan memeriksa penyata kewangan syarikat.
- b. Semakan Audit mendapati KPRJSB telah menubuhkan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan pada tahun 7 April 2011. Bagi tempoh 2013 hingga Jun 2015, Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan telah bermesyuarat sebanyak 3 kali iaitu 1 kali bagi tahun 2013, sekali pada tahun 2014 iaitu mesyuarat khas dan sekali pada tahun 2015.
- c. Semakan Audit mendapati KPRJSB telah melantik Aftaas Corporate Advisory Services Sdn. Bhd. (AFTAAS) sebagai UAD yang berperanan menjalankan audit terhadap pengurusan kewangan dan menilai kawalan dalaman terhadap pengurusan kewangan syarikat KPRJSB. UAD KPRJSB hanya menjalankan sekali pengauditan pada tahun 2014 iaitu terhadap Perancangan dan Pembangunan Bahagian. Manakala bagi pengauditan pengurusan kewangan dan pengurusan teknologi maklumat tidak dilakukan. Laporan Audit dikemukakan kepada pengurusan KPRJSB bagi tujuan tindakan penambahbaikan pengurusan sedia ada. Laporan Audit yang dibangkitkan telah dibincangkan dalam Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan pada 7 Mac 2013 bagi memastikan tindakan penambahbaikan dapat ditentukan dan diambil dengan sewajarnya.

4.4.4.3. Polisi Dan Prosedur Kerja

- a. Polisi dan prosedur kerja perlu disediakan dan dikemas kini bagi memastikan wujudnya kawalan dalaman yang mantap terhadap pengurusan pentadbiran dan operasi syarikat. Mengikut amalan terbaik bagi meningkatkan kawalan pengurusan yang berkesan, syarikat kerajaan perlu mewujudkan peraturan berkaitan perbelanjaan dan peraturan yang menentukan dengan jelas perkara yang perlu diluluskan atau untuk makluman Lembaga Pengarah Syarikat dan Lembaga

Pengarah Agensi Kerajaan. Antara polisi penting yang perlu diwujudkan adalah seperti polisi kewangan.

- b. Semakan Audit mendapati KPRJSB mengguna pakai Tatacara Dan Peraturan Perakaunan & Kewangan dalam mengawal urusan kewangan dan operasi syarikat bagi memastikan kedudukan syarikat terus kukuh. Tatacara ini telah diluluskan di dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah ke-35 pada 5 November 2012.

4.4.4.4. Rancangan Korporat

- a. Mengikut amalan terbaik, syarikat Kerajaan perlu menyediakan atau mengemas kini strategi dan rancangan korporat sebagai wawasan syarikat mencapai matlamat jangka pendek (tahunan) dan jangka panjang. Rancangan korporat yang disediakan hendaklah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat dan Lembaga Pengarah Agensi Kerajaan. Rancangan korporat penting disediakan bagi merangka strategi pelaksanaannya bagi membentuk objektif dan matlamat yang realistik selaras dengan misi dan keupayaan organisasi. Ia juga dapat membantu syarikat memastikan penggunaan sumber yang lebih efektif dan hubungan yang baik dan hala tuju yang jelas antara kakitangan dan pihak pengurusan.
- b. Semakan Audit mendapati KPRJSB telah menyediakan perancangan strategik bagi tahun 2015 hingga 2019 yang mengandungi visi, misi, hala tuju, rancangan jangka pendek dan rancangan jangka panjang serta petunjuk prestasi. Perancangan strategik tersebut telah diluluskan di Mesyuarat Lembaga Pengarah 01/15 pada 1 Mac 2015. Fokus utama dalam perancangan strategik bagi 5 tahun terbahagi kepada 9 aktiviti iaitu aktiviti korporat, aktiviti pelaburan, aktiviti tanggungjawab sosial korporat (CSR), aktiviti pembangunan hartanah, aktiviti pembinaan, aktiviti pengurusan aset & IT, aktiviti pengurusan bangunan, aktiviti perladangan dan aktiviti kuari.

4.4.4.5. Pengurusan Risiko

- a. Setiap aktiviti perniagaan terdedah kepada pelbagai risiko kewangan dan pengurusan termasuk risiko kredit, kadar faedah, pasaran, kecairan dan aliran tunai. Objektif pengurusan risiko adalah untuk mengenal pasti, menilai, mengimbang dan mengawal risiko yang terdedah kepada KPRJSB. Kaedah atau tindakan hendaklah dikenal pasti bagi mengurangkan atau mengelak kerugian kesan daripada risiko tersebut serta meningkatkan pulangan atau keuntungan KPRJSB. Pihak pengurusan sesebuah syarikat adalah bertanggungjawab untuk menangani risiko tersebut secara lebih teratur dengan menyediakan polisi serta prosedur bagi menguruskannya.
- b. Semakan Audit mendapati, KPRJSB tidak mempunyai unit pengurusan risiko untuk menilai sebarang risiko setiap aktiviti yang diceburi. Bagaimanapun, pada 1 September 2015 KPRJSB telah menandatangani *Engagement Letter* bagi melantik Aftaas Corporate Advisory Services Sdn. Bhd. (AFTAAS) untuk melaksanakan

Pengurusan Risiko bagi Kumpulan KPRJSB. Pada masa kini AFTAAS sedang dalam proses memuktamadkan Laporan Pengurusan Risiko dan akan dibentangkan di dalam mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan.

4.4.4.6. Ikrar Integriti Korporat (*Corporate Integrity Pledge*) Dan *Integrity Pact*

Corporate Integrity Pledge ialah suatu ikrar yang dibuat oleh syarikat untuk tidak terlibat dengan sebarang aktiviti rasuah. Ia perlu disediakan dan ditandatangani oleh pihak syarikat sebagai langkah pencegahan rasuah. *Integrity Pact* ialah ikrar di antara pegawai syarikat dan pembida yang terlibat dengan urusan perolehan untuk tidak terlibat dengan aktiviti rasuah. Ia perlu disediakan dan ditandatangani oleh kedua-dua pihak. Semakan Audit mendapati KPRJSB masih belum menyediakan dan melaksanakan kedua-dua ikrar tersebut.

Pada pendapat Audit, pengurusan tadbir urus korporat KPRJSB adalah memuaskan. Bagaimanapun KPRJSB tidak mewujudkan Unit Pengurusan Risiko untuk mengenal pasti risiko-risiko yang akan dihadapi dalam setiap aktiviti yang diceburinya dan belum melaksanakan *Corporate Integrity Pledge* dan *Integrity Pact*.

4.4.5. Pengurusan Kewangan

Semakan Audit terhadap beberapa aspek pengurusan kewangan KPRJSB mendapati syarikat telah mematuhi kawalan-kawalan penting pengurusan kewangan kecuali perkara berikut:

4.4.5.1. KPRJSB hanya menyediakan anggaran aliran tunai dan anggaran pembelian aset tetap bagi tahun 2013. Bagi tahun 2014 dan 2015 KPRJSB telah menyediakan Bajet Tahunan yang meliputi anggaran aliran tunai, anggaran Penyata Pendapatan, butiran perbelanjaan operasi serta anggaran pembelian aset tetap yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

4.4.5.2. KPRJSB tidak menjalankan pemeriksaan fizikal aset bagi tahun 2013 hingga Jun 2015 dan tiada Laporan Pemeriksaan Aset disediakan.

4.4.5.3. Buku log bagi sebuah kenderaan tidak merekodkan butiran kenderaan seperti nombor chasis, nombor enjin, tarikh beli, jadual penyenggaraan, pembaikan dan penggantian, tiada ruangan tandatangan pegawai yang bertanggungjawab. Bagaimanapun setiap kenderaan mempunyai fail penyenggaraan masing-masing.

4.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan penubuhan Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn. Bhd. dapat mencapai objektifnya dan menjadi penyumbang utama kepada Kerajaan Negeri Johor sebagai pemegang ekuiti, adalah disyorkan KPRJSB mengambil tindakan seperti berikut:

4.5.1. Mengkaji semula kedudukan syarikat subsidiari/bersekutu yang dorman atau tidak berdaya maju dan mengambil tindakan membubarkannya. Selain itu, garis panduan yang jelas berhubung pemberian pendahuluan kepada syarikat subsidiari perlulah disediakan.

4.5.2. Menentukan dasar dan prosedur yang jelas bagi pelaksanaan projek usaha sama agar risiko jangka panjang seperti projek lewat dimulakan atau gagal disiapkan dapat dielakkan dan merugikan KPRJSB.

4.5.3. Menentukan tahap risiko dalam setiap aktiviti utama yang dilaksanakan sebagai ukuran *Key Performance Indicator* prestasi syarikat.



BAHAGIAN II
PENGURUSAN KEWANGAN
JABATAN/AGENSI
NEGERI

PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

5. PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

5.1. PENDAHULUAN

5.1.1. Seksyen 15(A), Akta Tatacara Kewangan 1957 dan Arahan Perbendaharaan telah menetapkan tugas dan tanggungjawab Pegawai Pengawal di Kementerian/Jabatan bagi menjamin wujudnya akauntabiliti pengurusan kewangan Kerajaan. Antara lain, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk menentukan bahawa peruntukan kewangan dan sumber lain yang secukupnya diperoleh, digunakan dan diperakaunkan mengikut peraturan kewangan.

5.1.2. Selaras dengan Perkara 106 dan 107, Perlembagaan Persekutuan serta Akta Audit 1957, setiap tahun Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan serta aktiviti Jabatan/Agensi Negeri dan mengemukakan laporan mengenainya untuk dibentangkan di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri.

5.2. PENAMBAHBAIKAN PENGURUSAN KEWANGAN OLEH JABATAN/AGENSI NEGERI

Usaha berterusan telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri pada tahun 2015. Antara langkah yang diambil adalah seperti di **Jadual 5.1**.

Jadual 5.1
Usaha Penambahbaikan/Pembaharuan Yang Telah Diambil Oleh Jabatan/Agensi Negeri

Jabatan/Agensi Negeri	Keterangan Penambahbaikan/Pembaharuan
i. Pejabat Kewangan Negeri ii. Majlis Bandaraya Johor Bahru iii. Majlis Perbandaran Kluang	Menganjurkan kursus-kursus berkaitan pengurusan kewangan bagi memberi penerangan dan pendedahan kepada pegawai terlibat dalam menambah baik tahap pematuhan Jabatan/Agensi Negeri terhadap peraturan atau arahan berkaitan pengurusan kewangan.

Sumber: Jabatan/Agensi Negeri

5.3. PELAKSANAAN INDEKS AKAUNTABILITI (AI)

5.3.1. Bagi menentukan tahap pematuhan terhadap undang-undang seperti Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 serta peraturan yang berkaitan, setiap tahun Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri. Bagi Jabatan, aspek pengurusan kewangan yang dinilai adalah Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Pengurusan Perolehan, Kawalan

Perbelanjaan, Pengurusan Wang Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit, Pengurusan Aset dan Stor serta Pengurusan Kenderaan Kerajaan. Manakala bagi Pejabat Perbendaharaan Negeri dan Agensi pula, selain dari aspek tersebut, aspek lain yang turut dinilai ialah Pengurusan Pelaburan Dan Pinjaman serta Pengurusan Penyata Kewangan.

5.3.2. Bermula pada tahun 2007, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan pengauditan pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti dengan memberi penarafan 4 bintang kepada Jabatan/Agensi Kerajaan yang cemerlang. Setiap aspek yang diperiksa/dinilai itu akan diberi markah dan akhirnya Jabatan/Agensi yang dinilai akan ditentukan penarafan berdasarkan jumlah markah keseluruhan yang diperoleh. Bagi memenuhi keperluan semasa Sektor Awam di samping memberi penilaian yang setara dengan penarafan oleh Agensi lain, Jabatan Audit Negara telah menaikkan penarafan Cemerlang daripada 4 bintang kepada 5 bintang mulai tahun 2015 seperti di **Jadual 5.2** berbanding dengan 4 bintang pada 2014 seperti di **Jadual 5.3**.

Jadual 5.2
Tahap Penarafan Pengurusan Kewangan Indeks Akauntabiliti Tahun 2015

Markah Keseluruhan (%)	Tahap	Penarafan
90 – 100	Cemerlang	
80 – 89.9	Baik	
70 – 79.9	Memuaskan	
60 – 69.9	Kurang Memuaskan	
59.9 ke bawah	Tidak Memuaskan	

Sumber: Jabatan Audit Negara

Jadual 5.3
Tahap Penarafan Pengurusan Kewangan Indeks Akauntabiliti Tahun 2014

Markah Keseluruhan (%)	Tahap	Penarafan
90 - 100	Sangat Baik	
70 – 89.9	Baik	
50 – 69.9	Memuaskan	
49.9 ke bawah	Tidak Memuaskan	

Sumber: Jabatan Audit Negara

5.4. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Secara umumnya, pengauditan pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri berdasarkan Indeks Akauntabiliti dijalankan bertujuan untuk menilai sama ada:

- 5.4.1.** Wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan.
- 5.4.2.** Wujudnya sistem kawalan dalaman yang berkesan terhadap elemen pengurusan, bajet, perbelanjaan, perolehan, terimaan, amanah dan deposit, aset dan stor, kenderaan, pelaburan dan pinjaman serta penyata kewangan.
- 5.4.3.** Pengurusan kewangan dibuat mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.
- 5.4.4.** Rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

5.5. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pada tahun 2015, pengauditan telah dijalankan di 18 Jabatan/Agensi Negeri terdiri daripada 11 Jabatan dan 7 Agensi Negeri. Semua Jabatan/Agensi Negeri tersebut dipilih berdasarkan pusingan 3 tahun kecuali Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Majlis Agama Islam Negeri Johor yang diaudit setiap tahun. Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan bagi tahun 2015 di peringkat Ibu Pejabat Jabatan/Agensi Negeri. Selain itu, semakan juga dibuat terhadap Penyata Kewangan Agensi Negeri Tahun 2014 bagi menentukan kedudukan prestasi kewangan 7 Agensi Negeri yang terlibat secara menyeluruh.

5.6. KAWALAN UTAMA

Pelaksanaan sistem penarafan pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti bagi 11 Jabatan adalah berasaskan pengauditan terhadap tahap prestasi kewangan mengikut 8 kawalan utama iaitu Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Perolehan, Kawalan Terimaan, Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit, Pengurusan Aset Dan Stor serta Pengurusan Kenderaan Kerajaan. Prestasi 7 Agensi Negeri pula dinilai berdasarkan 8 kawalan juga iaitu Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Perbelanjaan, Kawalan Terimaan, Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit, Pengurusan Aset Dan Stor, Pengurusan Pelaburan Dan Pinjaman serta Pengurusan Penyata Kewangan. Penjelasan lanjut mengenai kawalan tersebut adalah seperti berikut:

5.6.1. Kawalan Pengurusan

Bagi menentukan sama ada struktur pengurusan kewangan yang berkesan telah diwujudkan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek utama kawalan pengurusan

iaitu struktur organisasi, sistem dan prosedur, keberkesanan Unit Audit Dalam dan jawatankuasa yang diwujudkan serta pengurusan sumber manusia seperti berikut:

5.6.1.1. Struktur Organisasi

Bagi mewujudkan suatu struktur organisasi yang berkesan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Carta organisasi disediakan dengan lengkap dan kemas kini sepertimana yang ditetapkan di Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991.
- b. Surat penurunan kuasa disediakan dengan lengkap dan sentiasa dikemas kini. Had kuasa dan tugas pegawai yang menjalankan tanggungjawab perlu dinyatakan dengan jelas. Seksyen 15A(2), Akta Tatacara Kewangan, Arahan Perbendaharaan (AP) 11, AP 69 dan AP 101 adalah berkaitan.
- c. Kehendak Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 dipatuhi. Pekeliling tersebut menetapkan Senarai Tugas bagi setiap pegawai perlu disediakan dengan lengkap dan jelas menunjukkan hubungan kait antara penyelia dengan pegawai bawahan serta rakan sejawat dalam organisasi yang sama. Senarai Tugas ini juga perlu sentiasa dikemas kini.
- d. Kehendak Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2007 dipatuhi. Selaras dengan Pekeliling tersebut, perancangan dan pelaksanaan pusingan kerja mengikut tempoh yang sesuai dalam pelbagai bidang tugas perlu dilaksanakan bagi melahirkan sumber manusia berpotensi serta berupaya menyumbang kepada kecemerlangan organisasi.

5.6.1.2. Sistem Dan Prosedur

Bagi memastikan sistem dan prosedur yang teratur telah diwujudkan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Proses Kerja berkaitan pengurusan kewangan disediakan dan sentiasa dikemas kini dalam Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.
- b. Pemeriksaan Dalaman (seperti yang ditetapkan di bawah AP 308) dijalankan dari semasa ke semasa terhadap sebahagian atau keseluruhan kewajipan kewangan atau perakaunan (termasuk perakaunan Aset Awam) yang dilakukan oleh pegawai di bawah kawalan Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan, bagi memastikan prosedur yang betul sentiasa diikuti. Perihal mengenai kewajipan yang diperiksa dan hasil pemeriksaan hendaklah direkodkan dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut.

- c. Pemeriksaan Mengejut (seperti yang ditetapkan di bawah AP 309) dijalankan secara berkala (tidak kurang dari sekali dalam tempoh 6 bulan) terhadap peti besi, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain yang diguna bagi menyimpan wang, setem atau barang-barang lain yang berharga. Hasil pemeriksaan hendaklah direkodkan dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut dengan lengkap untuk memudahkan rujukan.

5.6.1.3. Jawatankuasa Kewangan Dan Unit Audit Dalam

Kerajaan menetapkan pelbagai jawatankuasa berkaitan hal kewangan ditubuhkan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri. Fungsi dan tanggungjawab jawatankuasa tersebut telah ditetapkan melalui pekeliling, arahan dan garis panduan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Bagi memastikan pelbagai jawatankuasa yang telah diwujudkan berfungsi dengan berkesan, Kerajaan juga telah mengeluarkan Panduan Pengurusan Mesyuarat Dan Urusan Jawatankuasa Kerajaan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 1991. Panduan ini menetapkan dengan jelas peranan Pengerusi dan urus setia dalam sesuatu mesyuarat bagi memastikan keberkesanan jawatankuasa yang telah diwujudkan. Antara jawatankuasa/unit yang perlu diwujudkan bagi memantapkan tahap pengurusan kewangan adalah seperti berikut:

a. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun

1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) – Tadbir Urus Kewangan (PS) 5.1 menetapkan bahawa Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) hendaklah ditubuhkan di setiap Jabatan/Agensi Kerajaan/Pusat Tanggungjawab untuk memantapkan pengurusan kewangan dan akaun. JPKA hendaklah mengadakan mesyuarat setiap 3 bulan sekali, membincangkan perkara yang telah ditetapkan dan mengemukakan Laporan JPKA dengan lengkap kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

b. Unit Audit Dalam

1PP - PS 3.1 menghendaki Setiausaha Kerajaan Negeri menubuhkan Unit Audit Dalam (UAD) di bawah organisasi/pentadbirannya bagi membantu memantapkan pengurusan kewangan dan mencapai matlamat organisasi secara berhemat, cekap dan berkesan. Bagi melaksanakan fungsinya, UAD bertanggungjawab menyediakan Rancangan Tahunan Audit Dalam, mengemukakan Rancangan Tahunan Audit Dalam kepada Ketua Eksekutif dan Perbendaharaan Malaysia selewat-lewatnya pada 31 Januari tahun semasa dan Laporan Tahunan Audit Dalam selewat-lewatnya pada 31 Mac tahun berikutnya. Sementara itu, tanggungjawab Ketua Eksekutif adalah mengkaji dan meluluskan Rancangan Tahunan dan Laporan Tahunan Audit Dalam, memastikan tindakan susulan diambil terhadap pemerhatian/Laporan Audit Dalam dan memastikan anggota UAD mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan tanggungjawab mereka secara berkesan.

c. Pengurusan Sumber Manusia

Bagi memastikan pengurusan kewangan dikendalikan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah menguruskan sumber manusianya dengan cekap seperti menentukan bilangan jawatan dan gred yang sesuai, jawatan diisi sepenuhnya dan latihan dalam bidang kewangan diberikan kepada mereka yang terlibat. Jabatan/Agensi Negeri juga perlu merancang dan melaksanakan pusingan tugas mengikut tempoh yang sesuai dalam pelbagai bidang. Jabatan/Agensi Negeri juga digalakkan memberi pengiktirafan kepada kakitangan yang cemerlang dan mengambil tindakan tatatertib/surcaj terhadap mereka yang didapati gagal/cuai melaksanakan tanggungjawab yang telah ditetapkan.

5.6.2. Kawalan Bajet

Bagi menentukan sama ada Jabatan/Agensi Negeri telah menguruskan bajet dengan cekap, berhemat dan mengikut peraturan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek utama kawalan bajet iaitu penyediaan bajet, pengagihan peruntukan, kelulusan pindah peruntukan dan analisis bajet seperti berikut:

5.6.2.1. Penyediaan Bajet

Peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet oleh setiap Jabatan/Agensi Negeri dikeluarkan melalui Pekeliling Perbendaharaan Negeri Johor Bil. 3 Tahun 2014 mengenai Garis Panduan Bagi Penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Tahun 2015. Selain itu, AP 29 hingga 46 juga menetapkan peraturan penyediaan anggaran hasil dan perbelanjaan. Antara lainnya, peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet menetapkan perkara mengenai justifikasi setiap anggaran yang disediakan, ketepatan anggaran, prosedur kelulusan bajet di peringkat Jabatan/Agensi Negeri serta tempoh yang ditetapkan untuk mengemukakan bajet dan Perjanjian Program kepada Pegawai Kewangan Negeri.

5.6.2.2. Pengagihan Peruntukan

Peraturan kewangan mengenai pengagihan peruntukan antara lain menetapkan bahawa Pegawai Pengawal perlu mengagihkan peruntukan kepada pemegang waran tertentu sebaik sahaja Waran Am diterima. Mengikut AP 94 pula pemegang waran peruntukan boleh yang mana perlu, menyerahkan sebahagian daripada peruntukan di bawah kawalannya kepada pegawai lain dengan mengeluarkan waran peruntukan/waran peruntukan kecil kepada pegawai tersebut. Pengagihan peruntukan ini perlu direkodkan dengan lengkap dan kemas kini.

5.6.2.3. Kelulusan Pindah/Tambahan Peruntukan

Peraturan kewangan mengenai pindah peruntukan antaranya menetapkan Waran Pindah Peruntukan hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Pengawal sendiri atau bagi pihaknya oleh mana-mana pegawai bawahan yang diberi kuasa secara bertulis. Semua pindah peruntukan hendaklah dibuat pada tahun kewangan berkenaan dan semua Waran Pindah Peruntukan yang dikeluarkan hendaklah disampaikan kepada Pegawai Kewangan Negeri atau wakilnya tidak lewat daripada 31 Disember bagi tahun kewangan berkenaan. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlulah sentiasa mengawasi dan mengemas kini akaun serta memastikan pindah peruntukan dikemaskinikan dalam Buku Vot supaya kawalan perbelanjaan dapat diurus dengan berkesan. Peraturan juga menetapkan pindahan kepada butiran yang telah dikurangkan melalui pindah peruntukan atau pengurangan kepada butiran yang telah ditambah melalui pindah peruntukan adalah tidak dibenarkan kecuali mendapat kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

5.6.2.4. Analisis Bajet

Jabatan/Agensi Negeri perlu memastikan setiap perbelanjaan mengurus dan pembangunan yang dilakukan mempunyai peruntukan dan perbelanjaan tersebut tidak melebihi peruntukan yang diluluskan. Pegawai Pengawal dikehendaki membuat perancangan dengan teliti agar tidak berlaku kekerapan pindah peruntukan. Sebarang peruntukan tambahan/khas/luar jangka/pindah peruntukan yang diluluskan untuk menampung peruntukan yang tidak mencukupi hendaklah dibelanjakan. AP 18(i), 1PP – Pengurusan Belanjawan (PB) 2.5 dan 1PP - PB 2.6 adalah berkaitan.

5.6.3. Kawalan Perbelanjaan

Bagi menentukan sama ada semua perbelanjaan mengurus dan pembangunan telah dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan dan diperakaunkan dengan tepat, semakan Audit telah dijalankan terhadap 2 aspek utama kawalan perbelanjaan iaitu perakaunan dan pengurusan bayaran seperti berikut:

5.6.3.1. Perakaunan

Semakan Audit dijalankan bagi menentukan Buku Vot dan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan diselenggarakan oleh Jabatan/Agensi Negeri mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Pekeliling dan AP yang berkaitan.

5.6.3.2. Pengurusan Bayaran

Semakan Audit dijalankan terhadap pengurusan bayaran mengikut had kuasa berbelanja yang diluluskan, kawalan dalaman proses bayaran, bayaran yang memerlukan kelulusan

khas, penyelenggaraan daftar/rekod pembayaran dan Daftar Bil, bayaran pukal serta Panjar Wang Runcit.

5.6.4. Pengurusan Perolehan

Setiap tahun Jabatan/Agensi Negeri membelanjakan jutaan ringgit untuk tujuan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja. Bagi memastikan perolehan dilaksanakan berdasarkan amalan tadbir urus baik dengan mematuhi prinsip perolehan seperti akauntabiliti awam, diuruskan secara telus, memberi nilai faedah yang terbaik, saingan terbuka serta adil dan saksama, semakan Audit telah dijalankan terhadap 2 aspek utama pengurusan perolehan iaitu perancangan perolehan dan kaedah perolehan meliputi pengurusan pembelian terus, sebut harga, tender, rundingan terus dan kontrak.

5.6.4.1. Perancangan Perolehan

Mengikut 1PP – Perolehan Kerajaan (PK) 2.1, Jabatan/Agensi perlu membuat perancangan perolehan bagi mengawal kos dan menangani masalah melaksanakan sesuatu perolehan. Perancangan perolehan tahunan hendaklah dikemukakan kepada Perbendaharaan Negeri dalam tempoh yang ditetapkan.

5.6.4.2. Kaedah Perolehan

Mengikut 1PP – PK 2.1 menetapkan kaedah perolehan bagi bekalan dan perkhidmatan yang melibatkan jumlah perbelanjaan tahunan sehingga RM20,000 hendaklah dilaksanakan secara Pembelian Terus dengan mendapatkan 3 tawaran harga daripada pembekal tempatan, perolehan melebihi RM20,000 hingga RM50,000 setahun atau sesuatu kontrak secara sebut harga dengan mempelawa daripada sekurang-kurangnya 3 pembekal tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan, perolehan melebihi RM50,000 hingga RM500,000 setahun atau sesuatu kontrak secara sebut harga dengan mempelawa daripada sekurang-kurangnya 5 pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan perolehan melebihi RM500,000 setahun atau sesuatu kontrak secara tender. Antara peraturan perolehan yang ditetapkan adalah proses penilaian, pertimbangan dan keputusan pemilihan sebut harga/tender oleh Jawatankuasa Sebut Harga/Lembaga Perolehan yang dilantik oleh Ketua Jabatan/Pegawai Pengawal, pelaksanaan *Integrity Pact*, kontrak dibuat atas nama Kerajaan dan ditandatangani dalam tempoh 4 bulan daripada tarikh Surat Setuju Terima dikeluarkan.

5.6.5. Kawalan Terimaan

Bagi menentukan sama ada segala terimaan telah dikendalikan mengikut peraturan dan diakaunkan dengan sempurna, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan terimaan yang meliputi kawalan borang hasil, penerimaan wang, kemasukan pungutan ke bank, perakaunan terimaan/hasil dan penyediaan Akaun Belum Terima seperti berikut:

5.6.5.1. Kawalan Borang Hasil

Kawalan terhadap pelbagai borang hasil seperti buku resit adalah penting bagi memastikan ia tidak disalahgunakan.

5.6.5.2. Penerimaan Wang

Setiap Jabatan/Agensi Negeri perlu memastikan pegawai yang bertanggungjawab dengan urusan penerimaan wang mematuhi peraturan kewangan yang berkaitan. Semakan Audit telah dijalankan terhadap beberapa aspek kawalan dalaman yang ditetapkan oleh AP atau peraturan yang ditetapkan oleh Agensi Negeri bagi penerimaan wang iaitu dari segi kebenaran/kelulusan menerima kutipan, kawalan penerimaan wang di kaunter, penerimaan melalui mel dan perbankan Internet serta pengeluaran resit dan perekodannya dalam Buku Tunai.

5.6.5.3. Kemasukan Pungutan Ke Bank

AP telah menetapkan peraturan mengenai kemasukan wang pungutan ke bank bagi memastikan ketepatan dan keselamatan wang berkenaan. Antaranya adalah mengenai penetapan tempoh memasukkan wang ke bank, kawalan keselamatan penghantaran wang dan penyelenggaraan rekod mengenainya, semakan oleh pegawai bertanggungjawab terhadap slip kemasukan wang ke bank dan keselamatan wang yang tidak sempat dimasukkan ke bank.

5.6.5.4. Kawalan Perakaunan Terimaan/Hasil

Bagi memastikan peraturan mengenai perakaunan terimaan/hasil yang ditetapkan dalam AP dipatuhi, semakan Audit telah dijalankan terhadap penyerahan Akaun Tunai Bulanan kepada Perbendaharaan Negeri, ketepatan penyediaan Penyata Penyesuaian Hasil Bulanan dan ketepatan Buku Tunai.

5.6.5.5. Akaun Belum Terima

Dasar dan tatacara penyelenggaraan dan pelaporan Akaun Belum Terima (ABT) ditetapkan oleh kerajaan melalui 1PP – Pengurusan Wang Awam (WP) 10.6 dan AP 89A. Antara peraturan yang ditetapkan mengenai pengurusan ABT adalah penyediaan Laporan Tunggakan Hasil atau Laporan ABT yang lengkap dan kemas kini, penyerahan Laporan ABT kepada Perbendaharaan Negeri dalam tempoh ditetapkan dan tindakan susulan diambil terhadap jumlah terimaan/hasil yang tertunggak.

5.6.6. Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit

Pengurusan dan kawalan terhadap kumpulan wang amanah/akaun amanah dan deposit adalah penting untuk menentukan ia diurus dengan teratur, mengikut Pekeliling dan Arahan

Amanah yang ditetapkan serta diakaunkan dengan betul dan kemas kini. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengurusan kumpulan wang seperti berikut:

5.6.6.1. Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah

Tatacara pengurusan Akaun Amanah yang ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 ditetapkan melalui 1PP – WP 10.4. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengendalian kumpulan wang amanah/akaun amanah di Jabatan/Agensi Negeri dari segi penyediaan dan penyerahan Penyata Terimaan Dan Bayaran tahunan untuk diaudit serta kesempurnaan rekod perakaunan/penyata penyesuaian.

5.6.6.2. Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman

Jabatan/Agensi Negeri perlu menguruskan kumpulan wang pinjaman dan pendahuluan diri mengikut pekeliling perbendaharaan berkaitan seperti berikut atau peraturan yang ditetapkan oleh Agensi Negeri:

- a. Pinjaman kenderaan hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di 1PP – WP 9.2 dan 1PP – WP 9.3.
- b. Pinjaman komputer hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di 1PP – WP 9.1.
- c. Pendahuluan diri hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di 1PP – WP 3.2.

5.6.6.3. Pengurusan Akaun Deposit

Tatacara dan pengurusan akaun deposit ditetapkan melalui AP 156 hingga 163. Manakala bagi Agensi Negeri yang mempunyai peraturan kewangan dan perakaunan sendiri, pengurusan akaun deposit perlu mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.

5.6.7. Pengurusan Aset Dan Stor

Perolehan aset dan barang stor perlu direkodkan, dikawal dan dipantau dengan sempurna bagi mengelakkan daripada berlaku pembaziran dan penyalahgunaan. Sehubungan itu, semakan Audit telah dijalankan untuk menilai tahap pematuhan Jabatan/Agensi Negeri kepada peraturan yang ditetapkan oleh pekeliling perbendaharaan yang berkenaan dan peraturan Agensi Negeri berhubung dengan perkara seperti berikut:

5.6.7.1. Kawalan Umum

Mengikut 1PP – Pengurusan Aset (AM) 1.1, Pegawai Pengawal hendaklah mewujudkan Unit Pengurusan Aset yang antaranya bertanggungjawab untuk mengurus pelantikan Pegawai Aset, Pegawai Pemeriksa, Lembaga Pemeriksa Pelupusan, Jawatankuasa Penyiasat dan Pemverifikasi Stor. Unit tersebut diberi tanggungjawab menjadi Urus Setia kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK), menguruskan pelupusan, kehilangan dan hapus kira aset serta menyelaras penyediaan laporan aset dan stor. Selain itu, Pegawai Pengawal perlu melantik seorang Pegawai Aset secara bertulis bagi setiap Pusat Tanggungjawab di bawahnya dan memastikan Pegawai Aset di peringkat Ibu Pejabat diberi tanggungjawab sebagai Setiausaha JKPAK.

5.6.7.2. Penerimaan

Mengikut 1PP – AM 2.2 dan 1PP – AM 6.2, seorang Pegawai Penerima hendaklah diberi kuasa untuk menerima dan mengesahkan aset/barang stor yang diterima. Tanggungjawab seseorang Pegawai Penerima adalah memastikan aset/barang stor yang diterima menepati spesifikasi, kualiti dan kuantiti yang telah ditetapkan sebelum membuat pengesahan penerimaan. Aset hendaklah diterima berserta Surat Jaminan dan manual penggunaan/penyenggaraan. Bagi penerimaan barang stor, Borang Terimaan Barang-Barang perlu disediakan oleh Pegawai Penerima. Sebarang kerosakan atau perselisihan kuantiti dan spesifikasi hendaklah dilaporkan dalam Borang Laporan Penerimaan Aset/Borang Laporan Terimaan Barang-Barang dan dihantar dengan serta merta kepada agen penghantaran atau syarikat pembekal.

5.6.7.3. Pendaftaran

1PP – AM 2.3 menetapkan aset perlu didaftarkan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh pengesahan penerimaan. Aset tersebut perlu dilabelkan dengan tanda Hak Kerajaan Malaysia dan nombor siri pendaftaran. 1PP – AM 6.3 pula menetapkan terimaan stok direkodkan ke Kad Kawalan Stok (KEW.PS-3) dan Kad Petak (KEW.PS-4).

5.6.7.4. Penggunaan, Penyimpanan Dan Pemeriksaan Aset/Stok

Bagi memastikan penggunaan, penyimpanan dan pemeriksaan aset dan stok diurus dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan peraturan seperti berikut dipatuhi.

- a. 1PP – AM 2.4 menetapkan aset hendaklah diguna hanya bagi tujuan rasmi sahaja dan mengikut tujuan asal perolehannya. Pengeluaran/penggunaan aset hendaklah direkodkan dengan teratur dan kerosakan dilaporkan dengan menggunakan borang yang ditetapkan.

- b. Aset perlu disimpan di tempat yang selamat dan sesuai. Aset dan barang stor yang menarik atau berharga hendaklah sentiasa di bawah kawalan yang maksimum. Stor hendaklah mengamalkan cara penyimpanan yang menjadikan stok tidak mudah rosak, senang dikeluarkan dan mempunyai penggunaan ruang yang optimum.
- c. Pengerusi JKPAK hendaklah melantik sekurang-kurangnya 2 orang Pegawai Pemeriksa Aset dan 2 orang Pemverifikasi Stor. Tempoh lantikan tidak melebihi 2 tahun. Pemeriksaan aset dan verifikasi stor terhadap semua aset dan stok hendaklah dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun. Laporan Pemeriksaan Harta Modal dan Laporan Pemeriksaan Aset Alih Bernilai Rendah serta Laporan Pemeriksaan/Verifikasi Stor hendaklah disediakan dengan lengkap dan dikemukakan kepada Ketua Jabatan dan seterusnya kepada Perbendaharaan Negeri yang mana berkenaan. 1PP – AM 2.4 dan 1PP – AM 6.6 adalah berkaitan.

5.6.7.5. Penyenggaraan Aset

Bagi memastikan aset disenggarakan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan Senarai Aset Yang Memerlukan Penyenggaraan disediakan dengan lengkap dan kemas kini, jadual penyenggaraan disediakan, penyenggaraan dilaksanakan seperti dirancang serta direkodkan dengan betul dan lengkap, program penyenggaraan dinilai, penyenggaraan aset oleh pihak swasta diselia dan dipantau bagi memastikan syarat yang ditetapkan dalam perjanjian dipatuhi. 1PP – AM 2.5 adalah berkaitan.

5.6.7.6. Pelupusan

Bagi memastikan pelupusan aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan 1PP – AM 2.6, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Lembaga Pemeriksa Pelupusan (LPP) dilantik untuk tempoh tidak melebihi 2 tahun. LPP perlu menyediakan jadual pemeriksaan dan melaksanakan pemeriksaan dalam tempoh satu bulan dari tarikh arahan dikeluarkan. Laporan Lembaga Pemeriksa hendaklah disediakan dan ditandatangani dengan mengesyorkan kaedah pelupusan yang sesuai.
- b. Perakuan Pelupusan hendaklah dikeluarkan bagi aset mekanikal, teknikal, elektrik/elektronik dan ICT oleh pegawai yang mempunyai kelayakan dalam bidang tersebut.
- c. Kaedah pelupusan aset dibuat dengan teratur dan pelupusan dilaksanakan dalam tempoh 6 bulan dari tarikh kelulusan. Sijil Penyaksian Pemusnahan Aset dan Sijil Pelupusan Aset disediakan dan dikemukakan kepada Kuasa Melulus. Rekod aset yang telah dilupuskan perlu dikemaskinikan.

5.6.7.7. Kehilangan Dan Hapus Kira

Bagi memastikan kehilangan dan hapus kira aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan 1PP – AM 2.7, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a.** Kehilangan aset dilaporkan kepada Ketua Jabatan dengan serta merta dan laporan polis dibuat dalam tempoh 24 jam dari masa kehilangan diketahui. Ketua Jabatan menyediakan dan menghantar Laporan Awal Kehilangan Aset kepada Pegawai Pengawal dan Pegawai Kewangan Negeri dalam tempoh 2 hari bekerja. Salinan Laporan Awal hendaklah dikemukakan kepada Bendahari Negeri, Ketua Audit Negara dan/atau wakil tempatan Ketua Audit Negara.
- b.** Jawatankuasa Penyiasat dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal dalam tempoh 2 minggu dari tarikh Laporan Awal ditandatangani. Jawatankuasa Penyiasat bertanggungjawab menyediakan Laporan Akhir dalam tempoh satu bulan dari tarikh pelantikan. Pegawai Pengawal bertanggungjawab mengesyorkan tindakan menghapus kira aset yang hilang. Laporan Akhir yang mengandungi permohonan hapus kira kehilangan hendaklah dikemukakan kepada Kuasa Melulus dalam tempoh 2 bulan daripada tarikh Laporan Awal disediakan. Sijil Hapus Kira Aset hendaklah dikemukakan kepada Kuasa Melulus dalam tempoh satu bulan dari tarikh kelulusan diperolehi.

5.6.8. Pengurusan Kenderaan Kerajaan

Bagi memastikan kenderaan Kerajaan diuruskan dengan teratur dan selaras dengan 1PP – WP 4.1, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

5.6.8.1. Penggunaan kenderaan Jabatan/Agensi Negeri dikawal dengan melantik seorang Pegawai Kenderaan yang bertanggungjawab meluluskan penggunaan kenderaan untuk tujuan rasmi sahaja, menyelenggarakan Buku Log dengan lengkap dan kemas kini serta membuat analisa kadar penggunaan bahan api bulanan.

5.6.8.2. Kad Inden disimpan oleh Pegawai Kenderaan setiap masa melainkan ada keperluan mengisi minyak. Buku Rekod Pergerakan Kad Inden diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Penyata Pembelian/Penyata Kad perlu disemak silang dengan resit sebelum bayaran dilakukan.

5.6.8.3. Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit (KSBTTR) disimpan oleh Pegawai Kenderaan setiap masa melainkan ada keperluan menggunakannya. Buku Rekod Pergerakan Dan Penggunaan KSBTTR perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Pegawai Kenderaan hendaklah mendapatkan penyata penggunaan kad daripada syarikat pengeluar kad untuk tujuan semakan bagi memastikan tidak berlakunya penyalahgunaan kad.

5.6.8.4. Kenderaan perlu disenggara secara berjadual. Butir penyenggaraan dan pembaikan yang dilaksanakan direkod dalam Buku Log dan Daftar Penyenggaraan Harta Modal.

5.6.9. Pengurusan Pelaburan Dan Pinjaman

5.6.9.1. Pelaburan merupakan tindakan melabur dana bagi suatu tempoh masa untuk memperoleh pulangan yang dikehendaki dengan menyedari sepenuhnya risiko yang terbabit. Pelaburan yang dibuat hendaklah mengikut peraturan yang berkaitan. Rekod perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini bagi memudahkan kawalan dan pemantauan. Antara elemen kawalan yang perlu diwujudkan adalah penubuhan Jawatankuasa Pelaburan yang berfungsi menguruskan pelaburan Agensi. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa melabur, had pelaburan dan pemantauan pelaburan.

5.6.9.2. Pinjaman dibuat bagi membiayai pelbagai projek untuk pembangunan ekonomi negeri, menampung perbelanjaan dan meningkatkan taraf pembangunan serta kehidupan penduduk. Pinjaman hendaklah digunakan mengikut maksud pinjaman dimohon. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa untuk meminjam, penyelenggaraan rekod pinjaman yang lengkap dan kemas kini, perjanjian pinjaman disediakan serta mekanisme kawalan dan pemantauan pinjaman.

5.6.10. Pengurusan Penyata Kewangan

Kerajaan Negeri Johor telah mengarahkan Agensi Negeri untuk mengemukakan Penyata Kewangan bagi sesuatu tahun kewangan kepada Ketua Audit Negara pada atau sebelum 31 Mac tahun kewangan berikutnya. Ini bagi membolehkan penyata kewangan dan laporan tahunan Agensi Negeri dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada tahun yang sama dan tidak lewat dari 31 Disember setiap tahun. Arahan ini bertujuan untuk meningkatkan akauntabiliti dan tadbir urus yang baik di Pejabat Kewangan Negeri dan Agensi Negeri. Di samping itu, Penyata Kewangan yang dibentang awal adalah lebih telus dan relevan bagi *stakeholders* untuk menilai pencapaian Kerajaan Negeri/Agensi Negeri. Sementara itu, kecekapan dan tadbir urus yang baik terhadap pengurusan kewangan Agensi Kerajaan Negeri dapat diukur berdasarkan kepada jenis Laporan Ketua Audit Negara yang diterima setiap tahun iaitu Laporan Tanpa Teguran, Berteguran, Bertentangan dan Penafian.


5.7. PENEMUAN AUDIT

5.7.1. Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan

Pada tahun 2015, pengauditan pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti telah dilaksanakan di 18 Jabatan/Agensi Negeri berbanding 22 Jabatan/Agensi Negeri pada tahun 2014. Enam Jabatan/Agensi Negeri berada pada tahap cemerlang, 5 Jabatan/Agensi Negeri berada pada tahap baik, 4 Jabatan/Agensi Negeri pada tahap memuaskan dan 3 lagi

Jabatan/Agensi Negeri pada tahap kurang memuaskan. Tahap prestasi pengurusan kewangan mengikut Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2015 adalah seperti di **Carta 5.1**.

Carta 5.1
Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan
Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Jabatan/Agensi Negeri Pada Tahun 2015



Sumber: Jabatan Audit Negara


5.7.2. Tahap Pematuhan Terhadap Kawalan Utama

5.7.2.1. Jabatan Negeri

- a. Pada tahun 2015, sebanyak 11 Jabatan yang diaudit iaitu Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Muzium DiRaja Johor, Pejabat Tanah Pontian, Pejabat Daerah Pontian, Pejabat Tanah Batu Pahat, Pejabat Tanah Kota Tinggi, Pejabat Daerah Muar, Pejabat Kebun Bunga Istana Negeri Johor, Pejabat Daerah Kluang, Jabatan Agama Islam Negeri Johor dan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Semakan Audit di peringkat Jabatan merangkumi 8 kawalan iaitu Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Perolehan, Kawalan Terimaan, Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit, Pengurusan Aset Dan Stor serta Pengurusan Kenderaan.

- b. Hasil semakan terhadap Kawalan Pengurusan di 11 Jabatan tersebut mendapati 5 Jabatan mencatatkan tahap cemerlang, 4 Jabatan mencatatkan tahap baik dan 2 Jabatan mencatatkan tahap memuaskan. Bagi Kawalan Bajet pula, kesemua 11 Jabatan telah mencatatkan tahap cemerlang manakala bagi Kawalan Perbelanjaan, sebanyak 5 Jabatan mencatatkan tahap cemerlang dan 6 Jabatan mencatatkan tahap baik. Bagi Pengurusan Perolehan, sebanyak 4 Jabatan mencatatkan tahap cemerlang, 3 Jabatan mencatatkan tahap baik, 2 Jabatan mencatatkan tahap memuaskan dan masing-masing satu Jabatan pada tahap kurang memuaskan dan tidak memuaskan. Seterusnya, sebanyak 7 Jabatan mencatatkan tahap cemerlang dan 3 Jabatan mencatatkan tahap baik dalam Kawalan Terimaan manakala bagi Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit, hanya satu Jabatan mencatatkan tahap baik di mana 9 lagi Jabatan pada tahap cemerlang. Bagi Pengurusan Aset Dan Stor serta Pengurusan Kenderaan, masing-masing sebanyak 5 dan 4 Jabatan mencatatkan tahap tidak memuaskan. Tahap pematuhan pengurusan kewangan mengikut kawalan bagi Jabatan adalah seperti di **Carta 5.2**.

Carta 5.2
Tahap Pematuhan Pengurusan Kewangan Mengikut 8 Kawalan Utama
Bagi 11 Jabatan Pada Tahun 2015



Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: 1 Jabatan Tidak Berkaitan Bagi Kawalan Terimaan

1 Jabatan Tidak Berkaitan Bagi Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit

- c. Kelemahan-kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

i. Pengurusan Perolehan

- Perolehan satu jenis item melebihi RM20,000 setahun tidak dibuat secara sebut harga.
- Daftar/Rekod Pembayaran Kontrak Tidak Diselenggara.

- Perolehan secara pembelian terus tidak mendapat sekurang-kurangnya 3 tawaran harga daripada pembekal.

ii. Pengurusan Aset Dan Stor

- Pegawai yang menerima aset tidak dilantik secara bertulis.
- KEW.PA-2, KEW.PA-3, KEW.PA-4, KEW.PA-5, KEW.PS-3 dan KEW.PS-4 tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.
- KEW.PS-1 tidak disediakan bagi penerimaan barang dari pembekal di Stor Utama.
- Penyenggaraan yang dilaksanakan tidak direkodkan di dalam KEW.PA-14.
- Pemeriksaan tahunan aset dan stok serta verifikasi stor tidak dilaksanakan.

iii. Pengurusan Kenderaan


- Penyenggaraan tidak dibuat secara berjadual dan penyenggaraan yang dilaksanakan tidak direkodkan di dalam KEW.PA-14.
- Analisa Penggunaan Bahan Api tidak disediakan.
- Notis kesalahan lalu lintas tidak direkodkan di dalam Buku Log dan penyelesaian saman tertunggak tidak diberikan peringatan bertulis oleh Ketua Jabatan.
- SmartTag tidak direkodkan sebagai inventori Kerajaan.
- Buku Rekod Pergerakan Dan Penggunaan Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit (KSBTTR) tidak diselenggara oleh Pegawai Kenderaan dan Pemandu dengan lengkap serta KBSTTR dan SmartTag tidak disimpan oleh Pegawai Kenderaan.

5.7.2.2. Agensi Negeri

- a. Pada tahun 2015 sebanyak 7 Agensi Negeri telah diaudit iaitu Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah, Majlis Perbandaran Kluang, Majlis Daerah Segamat, Majlis Daerah Simpang Renggam, Perbadanan Perpustakaan Awam Johor, Perbadanan Stadium Johor dan Majlis Agama Islam Negeri Johor. Semakan Audit di peringkat Agensi Negeri merangkumi 8 kawalan iaitu Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit, Pengurusan Aset Dan Stor, Pengurusan Pelaburan Dan Pinjaman serta Pengurusan Penyata Kewangan.
- b. Hasil semakan terhadap Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah dan Pengurusan Pelaburan Dan Pinjaman

mendapati 2 Agensi Negeri mencatatkan tahap cemerlang. Bagi Kawalan Bajet, kesemua 7 Agensi Negeri mencatatkan tahap cemerlang dan bagi Kawalan Perbelanjaan pula, masing-masing sebanyak 2 Agensi Negeri mencatatkan tahap cemerlang, tahap baik dan tahap memuaskan. Selain itu, sebanyak 5 Agensi Negeri mencatatkan tahap cemerlang dan satu Agensi Negeri pada tahap tidak memuaskan dalam Kawalan Terimaan. Manakala bagi Pengurusan Akaun Amanah Dan Deposit dan Pengurusan Pelaburan Dan Pinjaman, 2 Agensi Negeri mencatatkan tahap cemerlang dan sebanyak 3 Agensi Negeri mencatatkan tahap baik. Bagi Pengurusan Aset Dan Stor, sebanyak 2 Agensi Negeri mencatatkan tahap tidak memuaskan. Sementara bagi Pengurusan Penyata Kewangan, sebanyak 4 Agensi Negeri adalah pada tahap cemerlang manakala satu Agensi Negeri pada tahap tidak memuaskan. Tahap pematuhan pengurusan kewangan mengikut kawalan bagi Agensi Negeri adalah seperti di **Carta 5.3**.

Carta 5.3
Tahap Pematuhan Pengurusan Kewangan Mengikut 8 Kawalan Utama
Bagi 7 Agensi Negeri Pada Tahun 2015



Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: 2 Agensi Tidak Berkaitan Bagi Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit
3 Agensi Tidak Berkaitan Bagi Pengurusan Pelaburan dan Pengurusan Pinjaman

c. Kelemahan-kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

i. Kawalan Terimaan

- Borang Hasil tidak direkodkan dengan kemas kini di dalam Daftar Borang Hasil.
- Resit rasmi tidak direkodkan di dalam Buku Tunai pada hari yang sama.

- Pungutan yang dimasukkan ke dalam bank tidak direkodkan di dalam Buku Tunai pada hari yang sama dan pungutan yang tidak sempat dimasukkan ke dalam bank tidak disimpan di tempat yang selamat.
- Penyata Penyesuaian Bank tidak disediakan mengikut tempoh ditetapkan.

ii. Pengurusan Aset Dan Stor

- Minit mesyuarat JKPAK tidak disediakan.
- Pegawai yang menerima aset adalah selain daripada Pegawai Penerima.
- Aset tidak didaftarkan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh pengesahan penerimaan.
- KEW.PA-2, KEW.PA-3, KEW.PA-4, KEW.PA-5, KEW.PA-6, KEW.PS-3 dan KEW.PS-4 tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.
- Pemeriksaan tahunan aset dan stok serta verifikasi stor tidak dilaksanakan.
- Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit (KBSTTR) disimpan oleh Pemandu dan Buku Rekod Pergerakan Dan Penggunaan KBSTTR tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.

iii. Pengesahan Penyata Kewangan

- Penyata Kewangan Agensi Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014 telah lewat dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara untuk tujuan pengauditan iaitu selepas 31 Mac 2015.


5.7.3. Perbandingan Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri

5.7.3.1. Dua Jabatan/Agensi Negeri yang wajib diaudit setiap tahun adalah Majlis Agama Islam Negeri Johor dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan bagi Jabatan/Agensi Negeri wajib adalah menurun pada tahun 2015 berbanding tahun sebelumnya. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri mencatatkan prestasi tahap memuaskan pada tahun 2015 dengan penurunan prestasi pengurusan kewangannya sebanyak 3.3% berbanding tahun 2014. Majlis Agama Islam Negeri Johor turut mencatatkan penurunan prestasi pengurusan kewangan sebanyak 11.1%.

5.7.3.2. Dalam tahun 2015, sebanyak 16 Jabatan/Agensi Negeri yang diaudit buat kali ketiga di mana 11 daripadanya menunjukkan peningkatan antara 0.5% hingga 28.4% manakala 5 Jabatan/Agensi Negeri iaitu Muzium DiRaja Johor, Pejabat Tanah Pontian, Pejabat Daerah Muar, Majlis Daerah Simpang Renggam dan Jabatan Kebajikan Masyarakat mencatatkan penurunan antara 7.5% hingga 9.0%. Penurunan ini antaranya disebabkan oleh penurunan dalam aspek pengurusan aset dan stor serta pengurusan

kenderaan. Pejabat Daerah Pontian mencatatkan peningkatan prestasi tertinggi dengan mencatatkan tahap cemerlang dalam tahun 2015 berbanding tahap baik pada tahun 2012 diikuti oleh Pejabat Daerah Kluang yang juga mencatatkan tahap cemerlang berbanding tahap baik pada tahun 2012. Ini kerana terdapat penambahbaikan dalam semua kawalan pengurusan kewangan. Kedudukan trend tahap prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri yang diaudit pada setiap tahun dan bagi pusingan kali ketiga adalah seperti di **Carta 5.4**.

Carta 5.4
Kedudukan Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Tahun 2015
Berbanding Pengauditan Tahun Sebelumnya



Sumber: Jabatan Audit Negara

5.8. PEMERIKSAAN AUDIT MENGEJUT

Arahan Perbendaharaan menetapkan Ketua Jabatan hendaklah memastikan pegawai yang dipertanggungjawabkan telah menyimpan wang awam, setem atau barangan berharga yang lain dengan selamat di dalam peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain. Ketua Jabatan juga hendaklah memastikan rekod mengenainya diselenggarakan dengan lengkap, kemas kini dan diperiksa oleh pegawai kanan secara berkala. Untuk menentukan sejauh mana peraturan ini dipatuhi, Jabatan Audit Negara telah menjalankan Pemeriksaan Audit Mengejut di 12 Jabatan/Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan Agensi Negeri.

5.8.1. Penemuan Audit

Hasil daripada Pemeriksaan Audit Mengejut yang dijalankan secara keseluruhannya mendapati hanya Kaunter Terimaan UTC Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah dan Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Kulaijaya telah mematuhi peraturan kewangan manakala 10 Jabatan/Agensi lain masih tidak mematuhi semua peraturan seperti di **Jadual 5.4**. Ketua Jabatan/Pejabat/Agensi Negeri yang berkenaan telah dimaklumkan tentang perkara yang diperhatikan dan diminta mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Jadual 5.4
Pemeriksaan Audit Mengejut Tahun 2015

Bil.	Jabatan/Pejabat/Agensi/Negeri	Penemuan Audit
1	Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Kota Tinggi	<ul style="list-style-type: none">i. Resit Rasmi tidak dikeluarkan bagi jumlah terimaan.ii. Pegawai yang bertanggungjawab tidak menyemak cetakan di slip bayar masuk bank/penyata pemungut.iii. Tiada surat kelulusan had apungan Panjar Wang Runcit (PWR) semasa dijalankan.
2	Majlis Agama Islam Daerah Kulaijaya	<ul style="list-style-type: none">i. Jumlah kutipan lewat dibankkan.ii. Baki agihan wang tidak dibankkan dalam tempoh 21 hari dari tarikh cek/EFT.iii. Tiada pengesahan bahawa Ketua Jabatan telah melakukan Pemeriksaan Mengejut tidak kurang sekali dalam tempoh 6 bulan.
3	Majlis Agama Islam Daerah Batu Pahat	<ul style="list-style-type: none">i. Pegawai yang bertanggungjawab tidak menyemak cetakan di slip bayar masuk bank/penyata pemungut.ii. Daftar Borang Hasil tidak diselenggarakan untuk menunjukkan semua terimaan dan keluaran Stok Resit Rasmi, lesen dan borang akuan terima lain yang diterima.iii. Baucar bayaran tidak direkod dalam Buku Tunai PWR dengan lengkap.iv. Tiada bukti baucar bayaran PWR diluluskan oleh Ketua Jabatan.v. Semua tuntutan rekupmen belum diterima.vi. Baki agihan wang tidak dibankkan dalam tempoh 21 hari dari tarikh cek/EFT.vii. Tiada bukti bahawa baki wang yang tidak dapat diagihkan telah dimasukkan semula ke dalam akaun.viii. Daftar Barang-barang Berharga tidak diselenggarakan,

Bil.	Jabatan/Pejabat/Agensi/Negeri	Penemuan Audit
		<ul style="list-style-type: none"> ix. Terdapat perbezaan antara semakan rekod dengan baki fizikal. x. Barang-barang berharga tidak disimpan di tempat yang selamat. xi. Tiada perwakilan kuasa secara bertulis disediakan bagi pegawai yang menerima wang kutipan, menulis, menandatangani dan membatalkan resit. xii. Tiada pengesahan bahawa Ketua Jabatan telah melakukan Pemeriksaan Mengejut tidak kurang sekali dalam tempoh 6 bulan. xiii. Hasil Pemeriksaan Mengejut yang dilakukan tidak direkodkan ke dalam buku yang disimpan.
4	Majlis Agama Islam Daerah Kluang	<ul style="list-style-type: none"> i. Pegawai yang bertanggungjawab tidak menyemak cetakan di slip bayar masuk bank/penyata pemungut. ii. Tiada bukti bahawa baki wang yang tidak dapat diagihkan telah dimasukkan semula ke dalam akaun. iii. Peti besi/bilik kebal tidak digunakan untuk menyimpan segala wang kutipan dan barang-barang rasmi yang berharga dengan selamat.
5	Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Pontian	<ul style="list-style-type: none"> i. Tiada surat kelulusan had apungan PWR semasa pengauditan dijalankan. ii. Kad akses/kata laluan bagi pegawai bertukar/berhenti belum dibatalkan. iii. Peti besi/bilik kebal mempunyai anak kunci dan kod kombinasi yang dipegang oleh hanya seorang pegawai. Tiada surat kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan bagi pegawai yang bertanggungjawab. iv. Buku Vot/Buku Vot Elektronik disemak oleh penyelia setiap bulan tetapi tarikh semakan tidak dicatatkan.
6	Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Kluang	<ul style="list-style-type: none"> i. Terimaan dan pengeluaran setem tidak disahkan oleh Ketua Pejabat. ii. Peti besi/bilik kebal mempunyai anak kunci dan kod kombinasi yang dipegang oleh hanya seorang pegawai. Tiada surat kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan bagi pegawai yang bertanggungjawab. iii. Buku Vot/Buku Vot Elektronik tidak disemak sekurang-kurangnya sekali setiap bulan oleh penyelia.
7	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor (Bahagian Kerajaan Tempatan)	<ul style="list-style-type: none"> i. Terimaan setem tidak direkodkan dan baki setem tidak disahkan oleh Ketua Pejabat. ii. Peti besi/bilik kebal hanya mempunyai anak kunci dan kod kombinasi tidak digunakan. iii. Pemeriksaan Mengejut yang dilakukan tidak meliputi pemeriksaan ke atas setem. iv. Baucar bayaran tidak disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap. v. Baucar bayaran/dokumen sokongan yang telah dibayar tidak ditebuk/cop "TELAH BAYAR". vi. Pembelian dilakukan sebelum Pesanan Kerajaan dikeluarkan terlebih dahulu. vii. Bil lewat dibayar melebihi tempoh 14 hari. viii. Terdapat bil/invois yang diterima tidak dicop "TARIKH TERIMA" bagi tujuan pemantauan bayaran. ix. Buku Vot/ Buku Vot Elektronik tidak disemak sekurang-kurangnya sekali setiap bulan oleh penyelia.

Bil.	Jabatan/Pejabat/Agensi/Negeri	Penemuan Audit
8	Mahkamah Rendah Syariah Daerah Ledang	<ul style="list-style-type: none"> i. Peti besi/bilik kebal mempunyai anak kunci dan kod kombinasi yang tidak dipegang secara berasingan oleh dua pegawai yang dilantik. ii. Tiada pengesahan bahawa Ketua Jabatan telah melakukan Pemeriksaan Mengejut tidak kurang sekali dalam tempoh 6 bulan. iii. Hasil Pemeriksaan Mengejut yang dilakukan tidak direkodkan ke dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut dengan lengkap.
9	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor (Bahagian Perumahan)	<ul style="list-style-type: none"> i. Pemeriksaan Mengejut yang dilakukan tidak meliputi peti besi, bilik kebal dan setem.
10	Jabatan Kerja Raya Daerah Kota Tinggi	<ul style="list-style-type: none"> i. Tiada pengesahan bahawa Ketua Jabatan telah melakukan Pemeriksaan Mengejut tidak kurang sekali dalam tempoh 6 bulan.

Sumber: Jabatan Audit Negara

5.9. SYOR AUDIT

Bagi memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan dan pemeriksaan mengejut, adalah disyorkan supaya Jabatan/Pejabat/Agensi Negeri mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

5.9.1. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun membincangkan secara terperinci isu-isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam serta memastikan tindakan *corrective* dan *preventive* diambil. Tindakan *corrective* adalah untuk memastikan kelemahan yang dibangkitkan dapat diperbetulkan. Manakala tindakan *preventive* adalah bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang.

5.9.2. Memandangkan pengauditan terhadap pengurusan kewangan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara bagi tujuan memberi penarafan adalah terhad kepada beberapa Pusat Tanggungjawab (PTJ) sahaja, maka Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan sewajarnya mengarahkan Unit Audit Dalam menjalankan pengauditan di PTJ yang lain untuk memastikan kelemahan yang sama tidak berlaku di pejabat berkenaan.

5.9.3. Latihan yang berterusan diberikan kepada pegawai-pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan.

5.9.4. Tindakan surcaj/tatatertib dikenakan terhadap mereka yang gagal memungut hasil dan membuat bayaran yang tidak teratur.



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhan, pengauditan yang dijalankan telah menunjukkan beberapa penambahbaikan dalam Pelaksanaan program dan aktiviti Jabatan/Agensi Negeri seperti berkurangnya kes-kes ketidakpatuhan terhadap prosedur kerajaan dan penetapan asas-asas yang jelas dalam pelaksanaan projek atau program. Namun begitu, kegagalan mengambil tindakan awal terhadap masalah yang berlaku sepanjang pelaksanaan projek/program telah menjejaskan pencapaian matlamat projek/program pada akhirnya. Selain itu, aspek pemantauan dan penyeliaan masih perlu dipertingkatkan dan dilakukan secara berterusan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor.

Sehubungan itu, Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku dalam program/aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing serta bagi memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai sepenuhnya.

Jabatan Audit Negara

Putrajaya

17 Mac 2016



www.audit.gov.my

JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
NO. 15, ARAS 1-5, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA